Sir, speaking under the item "Sugar Confectionery" not containing "Sugar", I would like to bring up one item again as an appeal to the Minister. In the case of the Island of Penang, we do not import any more sugar and all sugar that we use are being purchased from the Prai factory. Now, nutmeg, which is used with sugar for sweetening it, is being locally grown with the other fruits, and this nutmeg absorbed sugar solution and with other fruits known as "delicatessen" are being taxed on entry into the mainland. As I said earlier, Sir, we have struck a very harmonious medium in regard to the Island of Penang where we are struggling, and I understand that the State Government of Penang has come to a certain understanding with the Honourable Minister of Finance and the Honourable Minister of Commerce and Industry in that they would look into those items that are produced in Penang, utilising raw meterials locally grown and to see whether these could be exempted from duty when imported and should be allowed to be exported to the mainland freely and free of duty—when I say "free" I mean free of declaration and all those cumbersome procedures. Thank you, Sir.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di-sini men-champori sadikit[2] di-atas perkara[2] yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara tadi kerana pada pendapat saya ia-itu banyak-lah daripada usul[2] yang telah di-kemukakan pada petang ini ia-lah berasal daripada Persidangan Dewa ini pada kali yang lalu di-mana say sendiri tidak ada dan tidak mengetah dengan sa-penoh-nya latar belakar Maka di-atas asas-nya, saya senc tidak-lah berapa bersetuju ia· benda[2] makanan yang di-gunakan c semua lapisan pendudok[2] di-ne kita ini, kaya, miskin, tua dan m berkehendakkan benda[2] makanan.

Maka dengan yang demikian kita sendiri mengetahuï ia-itu ada-lah bahan[2] makanan yang di-keluarkan daripada tanah bumi negara kita sendiri tidak menchukupi bagi pergunaan pendudok[2] kita di-sini malah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan sendiri mengaku ia-itu lebeh daripada 40% daripada bahan[2] makanan ada-lah di-bawa daripada luar negeri. Jadi dengan ini saya rasa sa-kira-nya di-kenakan chukai di-atas benda[2] yang di-pakai pada sa-tiap hari oleh semua lapisan pendudok[2] di-sini, tidak dapat tidak akan menjadikan satu kesusahan kapada pendudok[2] kita dan ra'ayat jelata.

Maka sa-bagaimana yang kita semua mengetahuï ia-itu makanan itu ia-lah satu perkara yang sangat perlu kerana memanjangkan jiwa dan hidup kita, dan pada hari ini juga dengan sebab keadaan ekonomi di-antara pendudouk[2] kita yang ada di-kampong[2] tersangat-lah meleset, oleh kerana pendapatan mereka itu, hasil daripada getah ada-lah turun dan dengan sebab kemalangan banjir yang telah menyerang sa-rata tempat yang mengeluarkan beras, telah meninggikan harga beras pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan orang[2] kita yang dudok di-kampong[2] tersangat-lah menyedehkan hati, dan dalam itu juga saya suka hendak menyebutkan di-sini, saya juga terperanjat ia-itu di-dalam masa yang saya tidak ada di-dalam negeri ini, ubat[2] juga telah di-chukai lebeh daripada yang biasa. Ubat[2] itu juga yang di-gunakan bagi orang[2] yang sakit, ›ukan-nya sahaja orang yang kaya akit, orang miskin pun sakit, orang ıa pun sakit, orang muda pun sakit. ıdi kalau sakira-nya makanan dan ›at itu tidak dapat terchapai oleh ndudok[2] di-dalam negeri ini, malang ıgat-lah nasib orang[2] yang dudok dalam negara kita ini.

ada pendapat saya, kalau tidak › saya, saya katakan di-sini dengan ; terang ia-itu negara Malaysia ·ang ada-lah satu daripada negara menanggong chukai yang sangat yang boleh di-bandingkan dengan negeri[2] yang lebeh[2] kaya, berlipat[2] ganda kaya-nya daripada negeri Malaysia. Maka dengan itu saya tidak-lah hendak memanjangkan uchapan saya dan saya bersetuju sangat dengan permohonan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara tadi ia-itu hendak-lah perkara ini di siasat, di-semak dengan chermat dan dengan teliti supaya tidak mendatangkan kesusahan kapada semua lapisan ra'ayat jelata yang dudok di-bumi Malaysia kita ini.

Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Speaker, Sir, I am glad that the Honourable Member from Penang Utara used the term that when this Customs Order came into effect "it was like a bolt from heaven". Now, anything that comes from heaven must be good (*Laughter*), because it brings benefit to the people. That was why the Central Government decided to bring "this bolt from heaven" for the benefit of the people in Penang (*Laughter*). Sir, he argued that as a result of this new Order prices of certain goods in Penang, goods not even included in the Customs Order, had gone up as a result of speculation. Sir, I would have thought that Penang being a sophisticated island, where intellectuals live, where there is a larger number of educated middle class, the people there would have taken measures to protect their interests by forming a Consumers' Association. There has been much talk about the formation of this Consumers' Association in Penang, but somehow it has not come to pass. I do hope that the people in Penang would make it a point to see that items that are not affected by any additional duty should not go up in price.

He has raised, too, this other point—that protection of industries in this country tend to create monopolies and he has cited the case of condensed milk, where he claims that there is only one factory. I am surprised that the Honourable Member, who is so well informed in all things and who has, through his own businesses in the bank, been

in contact with so many commercial people, is not aware that there are three factories manufacturing condensed milk in this country. They are—Nestles, Pacific Milk and Beatrice Milk in Kuala Lumpur and Petaling Jaya, and their capacity is, in the opinion of the Tariff Advisory Board, sufficient or should be sufficient to produce all the condensed milk required in the country. For the Honourable Member to suggest that a factory has refused to manufacture milk under a different brand, therefore creating a monopolistic situation, is to suggest that he supports fraud. Sir, a factory naturally will produce and market its goods under its own brand, and it certainly has every right to refuse to produce goods under a different brand. But, perhaps, this is one of the tactics and techniques adopted by the trading community, who has popularised certain brands, to deceive the consumer that a certain brand is better than another brand well knowing that they are being produced by the same factory.

Tuan Geh Chong Keat: A factory refuses to make other brands, or manufacture other brands of milk only when they cannot meet all the orders, or when they are controlling the market. In other words, they are riding on the waves, they are controlling the market. But if they have more than enough milk, then it necessitates them to comply with the orders of their distributors and they may have to do it. Such things have been done in Australia, in England and in Japan. You order any radio for 100 sets or 500 sets and they will give you any name under the sun; you name it and they will produce the brand for you. In the case of flour—I have got some Honourable colleagues here who are distributors of flour—you name the brand, even the "Sailing Boat", they will supply you (*Laughter*); you name the "Bull" brand, they will supply you, provided you guarantee them the order. That is all I have to say. Therefore, I say that these factories are controlling the market, they are riding on the waves.

Dr Lim Swee Aun: Mr Speaker, Sir, I do not doubt that there are factories producing manufactured goods and using different brands and different labels, but to say that this particular factory refuses to produce a brand which is not theirs and to claim that they are monopolistic when there are three factories altogether in this country, I cannot see how.

Tuan Geh Chong Keat: The question is the price. You pay them the price they demand and they will produce any brand for you. That is my point.

Dr Lim Swee Aun: There are three factories producing condensed milk. So, there is competition already, Sir, and that does not support his statement that there is monopoly in the production of condensed milk in this country.

His other point was that the cement factories in this country have, according to his information, formed a sort of an agreement, whereby they would fix or keep fixed the prices of cement at a certain level. This I have also heard. My Ministry has investigated into it but still have not been able to find any proof, and if Honourable Members can give me that proof I shall indeed be very happy to look into the matter. However, owing to the recent sudden sharp rise in the price of cement, action has already been taken not to give that degree of protection to these factories.

The Honourable Member suggested that, because sugar is now supplied to Penang Island from the mills in the mainland, and that because there are certain sugar confectioneries, particularly the case of nutmeg preserved in sugar, have to pay an import dut when it comes into mainland, h suggested that sugar confectioneri manufactured in Penang Island shou be allowed free movement into t mainland without payment of du Sir, would it not be the obvious ans for duty on sugar confectioneries tc extended to cover the whole Island that any sugar confectionery co into Penang Island and then tc rest of Malaysia would have tc duty at the point of entry? would then make it very easy f

the manufacturers of sugar confectioneries in Penang Island to have their goods move freely into the mainland without having to pay duty, without having to go through any customs formalities and thus widening their markets which they never had before, and without having to increase the prices of such commodities in Penang Island.

Tuan Geh Chong Keat: On a point of clarification, Sir. I think this is a point where we offer one spoonful, the Minister asks for the whole bottle (*Laughter*). In this case, as I said, we are keeping up with the policy of the Government to encourage the people to grow more local fruits and to produce more local products; and since we are using locally refined sugar on which duty has been paid and we are using local fruits that are locally grown, I do not see any point of involving outside confectioneries. As the Minister has said just now, I submit that most of the items have been roped in by him. So, he does not have to throw a second rope around our necks. Thank you.

Dr Lim Swee Aun: It is only out of the kindness of our hearts (*Laughter*) to help protect and encourage the industries in Penang that I have made the suggestion. We are quite happy to leave things as they are. If they prefer to pay duty in coming in, why not? The Government gets its duty. We are prepared to forego that duty, forego that revenue, to help the Penang people to grow more nutmegs, to make more preserved nutmegs, so that they can get free entry, and we lose revenue out of it, and without having to increase the price to the Penang consumer.

Tuan Geh Chong Keat: The Minister talks on generosity. If they talk of generosity, it reminds me of the Island of Puerto Rico where . . . . .

Speaker: Island of what?

Tuan Geh Chong Keat: The Island of Puerto Rico, which was a show piece of American democracy, where they refund all the rum duty, the duty, back to Puerto Rico for its development. Therefore in this aspect, I would say the Government would be very generous, if all the duties collected, or about 70 or 50 per cent of the duty, or revenue, collected from the Island of Penang be thrown back for the development of the Island. Then, I would say that that would be really very generous. Thank you.

Dr Lim Swee Aun: I am sure the Minister of Finance is every year spending money to subsidise Penang Island, the Government of Penang; in fact, we are going to help them to develop an industrial estate out of Federal funds. Obviously, the question of helping Penang industrialisation, the practical way of doing it is for the Federal Government to forego the revenue and extend the barrier to cover the Penang Island, without increasing the cost of living to the people in Penang, without affecting the tourist trade, nor affecting its entrepot trade.

The Honourable Member for Kuala Kangsar, however, has touched on the broad policies, and he suggested the fear that import duties placed on foodstuffs would increase the cost of living to the consumers. But, I would like to assure him and the Members of the House that there is no import duty on essential foodstuffs like rice, wheat, salt, meat and other items. The import duty on condensed milk which is extended now to Penang Island was imposed, because we have three factories here and that this should not increase the price to the consumer. His other point that duty on medicines would put up the cost to the people in this country is not quite correct, because there is no import duty on scheduled poisons which are being used by doctors, or people holding poisons licence. There is, however, duty on patent medicines and, I think, that was purposely meant to assist the medical profession, so that these patent medicines which are sold by sundry shops would with this duty help the practice of the private practitioners (*Laughter*).

Dato' Dr Haji Megat Khas: I would like to say that, although the Minister of Commerce and Industry is a doctor,

he has been out of practice for some time (*Laughter*) and does not know what is going on, although his brother is carrying it on for him.

Dr Lim Swee Aun: Sir, being in the Government, I am fully aware of what taxes are being implied for medicines.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu menurut kuasa[2] yang terserah ka-atas-nya mengikut Sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 143 Ordinance Kastam tahun 1952, Perentah Chukai[2] Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) tahun 1967, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Risalat Undangan No. 73 tahun 1967, hendak-lah di-sahkan.

Adjourned at 6.30 p.m.

HUJONGAN KHAS KAPADA TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM MAJLIS PEMBUKAAN PARLIMEN PADA HARI RABU, 14 HARIBULAN JUN, 1967

Kertas ini ia-lah Hujongan Khas kapada Titah Uchapan yang di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Rabu, 14 haribulan Jun, 1967 yang mengandongi lain² penerangan yang lengkap

---

JABATAN PERDANA MENTERI

Bahasa Kebangsaan

Perkara 152 Perlembagaan menyatakan bahawa Bahasa Melayu ada-lah menjadi Bahasa Kebangsaan tetapi Bahasa Inggeris boleh di-gunakan di-dalam Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Mahkamah² dan bagi segala urusan² yang rasmi sa-hingga 10 tahun sa-lepas Hari Merdeka dan sa-lepas itu, sa-hingga di-tentukan oleh Parlimen. Dalam masa 10 tahun yang lalu berbagai² galakan dan peluang telah di-beri supaya orang² 'awam, pegawai² Kerajaan dan murid² sekolah dapat mempelajari dan menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-luas²-nya dan juga mengajar mereka berfikir sa-bagai bangsa Malaysia. Act Bahasa Kebangsaan telah pun di-luluskan oleh Parlimen mengikut kehendak Perkara 152 Perlembagaan.

2. Act ini yang berkuat-kuasa pada 1hb September, 1967, akan menjadikan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal. Dalam pada itu Act ni juga memberi jaminan bahawa bahasa² asing di-negeri ini boleh di-gunakan an di-pelajari dan membenarkan surat² rasmi di-terjemahkan atau di-sampaikan alam bahasa asing jika Kerajaan memikirkan perlu untok kepentingan umum.

Kerajaan sedar bahawa walaupun pegawai² Kerajaan bukan Melayu dan ang² awam telah bersunggoh² mempelajari Bahasa Kebangsaan tetapi mereka ıseh belum lagi chukup mahir dan faseh. Oleh yang demikian Bahasa ggeris belum-lah lagi dapat di-ketepikan sama sekali. Dari itu Act ini mem-i kesempatan supaya Bahasa Inggeris boleh di-gunakan dalam urusan rasmi empat² yang di-fikirkan sesuai oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang ertuan Agong, di-dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dengan ıetujuan pengerusi majlis itu dan di-Mahkamah². Berkenaan dengan undang² ıekutuan dan Negeri, Act ini menyatakan bahawa Act di-dalam Bahasa angsaan ada-lah naskhah yang berkuat-kuasa, melainkan Seri Paduka nda Yang di-Pertuan Agong mengishtiharkan sa-balek-nya.

TERJEMAHAN TAFSIR AL-QURAN

4. Satu Lembaga Penterjemah terdiri daripada pensharah[2] Kolej Islam dan ulama'[2] lain telah di-tubohkan untok menterjemahkan tafsir al-Quran. Sa-takat ini, Lembaga itu telah berjaya menterjemah dua juzu' berserta dengan huraian-nya dan satu juzu' dengan tiada huraian-nya.

MASJID NEGARA

5. Sejak pembukaan rasmi Masjid Negara pada 27hb Ogos, 1967, beberapa kemajuan telah di-chapai. Beberapa kegiatan telah di-adakan saperti mengada-kan majlis pelajaran ugama pada tiap[2] minggu, kelas menghafaz Quran bagi penuntut[2] daripada beberapa buah negeri dalam Malaysia, kelas mengajar mukaddam dan Quran untok kanak[2] dan majlis perbinchangan (forum) pada tiap[2] bulan di-mana tokoh[2] ugama dan ahli[2] bijak pandai yang berkelulusan tinggi di-jemput mengambil bahagian.

6. Masjid Negara senantiasa di-lawati oleh pelawat[2] dan orang[2] kenamaan tempatan dan luar negeri.

7. Satu perpustakaan telah di-tubohkan. Masjid Negara sangat-lah berterima kaseh kapada negara[2] sahabat saperti Saudi Arabia, Republik Arab Bersatu, India, Tunisia, Jepun, Libia dan Indonesia di-atas hadiah buku daripada mereka.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR

8. Di-dalam ranchangan lawatan sambil belajar Kerajaan akan menitek berat-kan lawatan[2] ka-Negara[2] Tenggara Asia. Pegawai[2] Kerajaan telah di-beri peluang untok membuat lawatan[2] ka-Malaysia Timor dan sa-balek-nya supaya mereka dapat mengetahui dan memahami keadaan[2] pentadbiran yang ada di-tempat masing[2]. Dengan pengetahuan itu ada-lah di-harapkan bahawa jentera pen tadbiran negara akan dapat di-baiki lagi.

TUGU PERINGATAN NEGARA

9. Tugu Peringatan Negara di-Bukit Perwira telah di-kunjongi oleh ran pelawat[2] dari dalam dan luar negeri. Antara beberapa pelawat[2] kenama ia-lah Dr Adam Malik, Menteri Luar Indonesia, Dr Zakir Hussain, sa-m itu Naib Presiden India, Tuan Etsusaburo Shiima, Menteri Luar Jep Tuan Lyndon B. Johnson, Presiden Amerika Sharikat dan Tuan Hein Luebke, Presiden Republik German Barat.

PERHUBONGAN DENGAN MALAYSIA TIMOR

10. Satu kajian telah di-jalankan untok mengetahui sa-takat mana Jab Persekutuan di-Malaysia Timor sudah di-satukan mengikut susunan yan di-Malaysia Barat. Kajian ini menunjokkan bahawa kebanyakkan Kemen Persekutuan telah berjaya membuat penyatuan itu. Tetapi ada juga Kemen yang melaporkan kesulitan[2] yang di-alami bagi menguruskan penyatuan t dan juga bagi melaksanakan perbekalan[2] dalam Penyata Jawatan-kuasa Kerajaan itu. Kesulitan[2] ini telah di-siasat dan langkah[2] sedang di-ambi mengatasi-nya.

11. Chadangan untok menggunakan waktu Malaysia Barat sa-bagai waktu piawai bagi seluroh Malaysia ada-lah di-tanggohkan buat sementara waktu.

12. Meshuarat di-antara pegawai[2] Kerajaan Persekutuan dan pegawai[2] Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah di-adakan dari masa ka-samasa bagi mengerat-kan perhubongan dan mengatasi segala kesulitan[2].

KEMAJUAN PENTADBIRAN

13. Semenjak di-tubohkan pada pertengahan tahun 1966, Bahagian Kemajuan Pentadbiran telah menjalankan dua penyiasatan yang besar. Satu penyiasatan ia-lah atas kemudahan[2] melateh pegawai[2] Kerajaan dan yang lagi satu atas susunan Kementerian[2] dan Jabatan[2] Kerajaan. Tujuan utama menjalankan penyiasatan atas kemudahan[2] melateh itu ia-lah untok membuat ranchangan jangka pendek dan jangka panjang bagi membaiki lagi kemudahan[2] melateh pegawai[2] dan penyiasatan ini di-jangka siap pada bulan Ogos, 1967. Tujuan menjalankan penyiasatan yang kedua itu ia-lah untok menyusun sa-buah buku berkenaan dengan susunan semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Pusat. Buku itu di-jangka dapat di-siapkan tiada lewat daripada bulan Jun, 1967.

14. Tugas yang ketiga ia-lah menubohkan sa-buah Pejabat Pusat Rekod Kaki-tangan. Kerja mengenai tugas ini maseh dalam peringkat permulaan.

15. Sa-lain daripada itu Bahagian Kemajuan Pentadbiran akan menjalankan tugas[2] saperti yang tersebut di-bawah ini:

(i) Dasar Kenaikan Pangkat—Satu kajian atas semua hal mengenai kenaikan pangkat dalam perkhidmatan 'awam untok menggubal satu dasar bagi kenaikan pangkat;

(ii) Ranchangan Diploma dalam Pentadbiran 'Awam—Bantuan kapada Universiti Malaya bagi menyediakan satu ranchangan pengajian bagi pegawai[2] Kerajaan untok mendapat diploma pentadbiran 'awam. Kursus itu akan di-kelolakan oleh Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya dan Dewan Latehan Pegawai Petaling Jaya;

(iii) Pemindahan Kuasa[2] Menaikan Pangkat dan Tata-Tertib daripada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam kapada Kementerian[2] dan Jabatan[2]—Bantuan kapada Pejabat Perjawatan Persekutuan untok membuat per-atoran[2] berkenaan dengan pemindahan itu;

v) Mengkaji Sistem[2]—Kajian[2] ini sedang di-jalankan saperti di-bawah ini:

(*a*) Sekim Kira[2] Ayer dalam Jabatan Kerja Raya, Kedah.

(*b*) Pertadbiran Setor Perubatan termasok menggunakan mesen dalam sistem kira-mengira di-Kementerian Kesihatan.

(*c*) Menggunakan mesen dalam sistem kira-mengira dalam Bahagian Perkhidmatan Gaji Angkatan[2] Bersenjata di-Kementerian Per-tahanan.

(*d*) Menggunakan mesen dalam sistem pembayaran dan penerimaan di-Jabatan Pengangkutan Jalan Raya.

(*e*) Sistem Laporan Kemajuan mengenai lawatan ka-negeri[2] oleh Ketua[2] Kementerian dan Jabatan[2] dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

(v) Ulangkaji—Kajian[2] akan di-buat tiada lama lagi berkenaan dengan:

(*a*) Pertadbiran Belanjawan di-Malaysia.

(*b*) Sistem Pembelian Barang[2] sa-chara terkumpul oleh Kerajaan.

16. Bahagian Kemajuan Pentadbiran ada-lah juga menyediakan perkhidmatan penasihat pengurusan bagi semua Kementerian dan Jabatan.

OMBUDSMAN

17. Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menubohkan sistem yang sa-rupa dengan sistem "Ombudsmen" yang ada berjalan di-beberapa buah negeri.

PENGAJIAN PEMBANGUNAN

18. Malaysia telah menchapai kejayaan yang chemerlang dalam ranchangan pembangunan-nya. Kejayaan ini bukan sahaja memuaskan hati tetapi juga menemui pengesahan umum antara bangsa bahawa Malaysia mempunyai satu chara pelaksanaan pembangunan negara yang tersusun dan yang merupakan satu petua kejayaan yang boleh di-gunakan oleh negara[2] yang sedang maju dengan perubahan[2] yang tertentu. Pembangunan negara berkehendakkan buah fikiran baharu, rekaan[2] dan perubahan[2].

19. Dengan tujuan ini-lah Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia telah menganjorkan seminar-nya yang pertama dalam siri seminar[2]-nya bagi negara[2] Afro-Asia daripada 24hb Oktober, 1966 hingga 4hb November, 1966, yang telah di-hadhiri oleh 16 para perwakilan dari 13 buah negara Afrika dan Asia ia-itu Ceylon, Ethiopia, Indonesia, Kenya, Lesotho, Malawi, Philippines, Singapura, Somalia, Korea Selatan, Vietnam Selatan, Tanzania dan Thailand.

20. Dalam tahun 1967, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia akan menganjorkan seminar yang kedua dan ketiga-nya. Seminar yang kedua berkenaan dengan pembangunan negara akan di-adakan daripada 22hb Jun hingga 30hb Jun, 1967, dan jemputan[2] telah di-keluarkan kapada 22 buah negara. Seminar yang ketiga mungkin di-adakan dalam bulan November tahun 1967.

21. Sebagai melanjutkan usaha[2] mengadakan satu foram di-mana pegawai[2] dari negara[2] yang sedang maju dapat bertukar[2] fikiran dan kaedah[2] pelaksanaan pembangunan negara, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia berchadang mengeluarkan satu majallah yang di-namakan "The Development Forum". Majallah ini akan di-sebarkan ka-luar negeri dan akan mengandongi makallah yang dapat di-gunakan oleh pegawai[2] pembangunan dalam usaha[2] mereka.

PENUBOHAN PERKHIDMATAN DALAM DAN LUAR NEGERI

22. Semenjak tahun 1960, Kementerian Luar Negeri telah mengalami kesukara bagi mendapatkan pegawai[2] kanan yang sesuai untok berkhidmat di-dalai Perkhidmatan Luar Negeri. Dengan ujud-nya Malaysia dan bertambah-n kerja[2] di-Kementerian Luar Negeri masaelah memenohi jawatan yang mas kosong dan menentukan bahawa wakil[2] Malaysia di-luar negeri ada-lah pegaw yang berpengalaman menjadi satu kerumitan yang besar. Langkah meminjamk

buat sementara pegawai² Perkhidmatan Tadbir Malaya kapada Perkhidmatan Luar Negeri di-dapati tidak memuaskan. Oleh yang demikian untok mengatasi masaelah ini, kedua² Perkhidmatan Tadbir Malaya dan Luar Negeri telah di-chantumkan. Penyatuan ini telah di-laksanakan dengan menghapuskan kedua² perkhidmatan itu dan di-gantikan dengan satu perkhidmatan yang baharu yang di-namakan Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri. Perkhidmatan baharu ini telah berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb Ogos, 1966. Pegawai² yang sedang berkhidmat di-dalam kedua² perkhidmatan yang dahulu itu telah di-masokkan ka-dalam perkhidmatan baharu ini dan dengan itu mereka boleh-lah di-arah berkhidmat di-dalam dan di-luar negeri. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan ujud-nya perkhidmatan baharu ini kesulitan kedudokan pegawai² di-dalam Kementerian Luar Negeri akan dapat di-atasi.

Kelas² Bahasa Kebangsaan untok Pegawai² Kerajaan

23. Kelas² Bahasa Kebangsaan di-Kementerian² dan Jabatan² terus di-adakan. Ada-lah di-jangka bahawa semua pegawai² Kerajaan terutama sekali mereka² yang bukan dalam jabatan teknik akan dapat mengguna Bahasa Kebangsaan di-dalam tugas rasmi mereka mulai daripada bulan September, 1967.

Dasar Naik Pangkat dalam Bahagian I bagi Pangkat Peringkat-tinggi

24. Pejabat Perjawatan dan Bahagian Kemajuan Pentadbiran telah menyusun satu dasar naik pangkat dan dasar itu telah di-luluskan oleh Kerajaan.

Ketua² Jabatan menjalankan Kuasa² Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam Berkenaan dengan Naik Pangkat dan Tata-tertib

25. Dengan tujuan supaya Ketua² Jabatan boleh bertanggong-jawab dengan sa-penoh-nya pada menguruskan Jabatan² mereka dan dapat mengawal dengan lebeh sempurna lagi kakitangan² mereka supaya perkhidmatan 'awam akan menjadi bertambah sempurna dan chekap, maka Kerajaan telah meminda Perkara 144 Perlembagaan supaya kuasa² dan tugas² Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam yang di-tetapkan di-bawah Perkara 139, kechuali kuasa² melantek sa-saorang bagi kali yang pertama menjadi pegawai dalam perjawatan tetap atau berpenshen, oleh di-jalankan oleh sa-buah Lembaga yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong. Peratoran berkenaan dengan lantekan ahli² Lembaga Naik Pangkat dan Lembaga Tata-tertib dan atoran yang kena di-ikut oleh Lembaga² itu atau Lembaga² Rayuan telah di-sediakan oleh Pejabat Perjawatan dan telah pun di-perkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

26. Peratoran ini akan berjalan kuat kuasa-nya pada 1hb Julai, 1967, dan sa-buah Bahagian yang baharu untok mentadbirkan kuasa² berkenaan dengan naik pangkat dan teta-tertib yang telah di-pindahkan daripada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam itu telah di-tubohkan di-Pejabat Perjawatan.

Pangkat² Jawatan² Peringkat-tinggi dalam Bahagian I

Ulangkaji yang akhir sa-kali berkenaan dengan pangkat² jawatan² tingkatan-tingi dalam Bahagian 1 telah di-buat lebeh tiga belas tahun dahulu. Dengan sebab-nya dasar Kerajaan dan peranan berbagai² Kementerian dan Jabatan

sa-lepas Merdeka pada 31hb Ogos, 1957, maka telah di-dapati mustahak di-ulangkaji pangkat[2] jawatan[2] ini dan menentukan pangkat[2] jawatan[2] itu mengikut tugas[2] dan tanggong-jawab[2]-nya pada masa ini. Dengan hal yang demikian Kerajaan telah melantek sa-buah jawatan-kuasa khas yang terdiri daripada pegawai[2] untok mengulangkaji pangkat[2] itu dan mengeshorkan kapada Kerajaan pangkat[2] yang patut bagi jawatan[2] tingkatan-tinggi itu, ia-itu baik yang dalam Kerajaan Persekutuan mahu pun dalam Kerajaan Negeri di-Malaysia Barat.

Mengulangkaji Dasar hendak Menyatu[2]kan Kementerian[2]

28. Oleh kerana Kerajaan sedang menjalankan dasar hendak menambah kechekapan pentadbiran 'awam negeri ini supaya dapat Kerajaan mengadakan perkhidmatan[2], bantuan[2] dan kehendak[2] yang di-harapkan oleh ra'ayat negeri ini, maka telah di-dapati mustahak di-ulangkaji dasar hendak menyatu[2]kan berbagai[2] Kementerian yang telah di-putuskan dalam tahun 1959 itu dan di-buat beberapa lagi perubahan[2] pentadbiran dalam susunan sa-sabuah Kementerian dengan tujuan supaya berbagai[2] ranchangan pembangunan yang di-jalankan oleh sa-sabuah Kementerian dapat di-laksanakan dengan lebeh sempurna dan memberi bekas. Dengan hal yang demikian Kerajaan telah melantek sa-buah jawatan-kuasa yang terdiri daripada pegawai[2] untok memereksa dan mengulangkaji dasar itu dan juga kemajuan usaha hendak menyatu[2]kan Kementerian[2] itu dan juga mengeshorkan perubahan[2], jika ada, pada chorak penyatuan itu dan juga mengeshorkan ranchangan bagi masa hadapan untok menyatu[2]kan Kementerian[2] yang belum lagi di-satukan.

Mengulangkaji Perentah[2] 'Am

29. Dengan tujuan supaya peruntokan[2] dalam Perentah[2] 'Am chukup lengkap dan supaya sejajar pula dengan kehendak[2] negeri ini sa-lepas Merdeka, maka Pejabat Perjawatan telah menjalankan kerja menyemak sa-mula Perentah[2] 'Am itu. Ada-lah di-jangka deraf Perentah[2] 'Am itu akan siap untok di-timbangkan oleh Kerajaan pada penghujong tahun ini.

Ranchangan Colombo dan Bantuan Commonwealth yang di-beri oleh Malaysia

30. Bagi tahun 1967, permintaan bagi biasiswa dan kursus[2] latehan telah di-terima daripada Indonesia, Thailand, Nepal, Philippines, Ceylon dan Pulau[2] Maldive. Sa-lain daripada permintaan[2] ini, Kerajaan telah juga membuat beberapa tawaran latehan kapada Negeri[2] Afrika di-bawah Ranchangan Khas Bantuan kapada Negeri[2] Afrika Commonwealth saperti Nigeria, Ghana, Seria Leone, Tanzania, Zambia, Kenya, Uganda, Gambia, Melawi, Trinidad dan Tobago. Kursus[2] yang di-tawarkan ada-lah serupa dengan yang di-berikan di-bawah Ranchangan Colombo ia-itu kursus[2] yang membolehkan penuntut[2] mendapat ijazah[2] universiti, diploma[2] kolej dan latehan jabatan sa-masa berkhidmat.

Menilai Ijazah[2] Asing

31. Jawatan-kuasa Tetap bagi menilai ijazah[2] asing yang di-tugaskan untok menilai kelulusan[2] asing bagi maksud perkhidmatan Kerajaan telah selesai mengkaji kelulusan[2] daripada Negeri[2] Amerika, Australia dan New Zealand dan

sekarang sedang mengkaji kelulusan[2] daripada universiti[2] India, Pakistan, Ceylon, Republic Arab Bersatu dan Canada. Kelulusan[2] daripada kira[2] 1,500 universiti[2] di-Amerika Sharikat dan kebanyakan daripada universiti[2] di-Australia dan New Zealand sudah pun di-ikhtirafkan. Berkenaan dengan ijazah daripada Negeri Canada, satu Jawatan-kuasa Tetap telah mengkaji dan mengikhtiraf kebanyakan ijazah[2] kejuruteraan. Sa-lain daripada memereksa kelulusan[2] daripada satu[2] negeri pada keselurohan-nya Jawatan-kuasa itu telah juga menilai kelulusan sa-chara "ad-hoc" bila satu[2] kelulusan itu di-kehendaki di-nilaikan dengan segera. Di-antara kelulusan[2] tersebut ia-lah Ijazah Perikanan daripada Universiti Tokyo dan Ijazah Kejuruteraan daripada "German Technological Universities". Ijazah[2] ini sudah pun di-ikhtirafkan.

Pindaan kapada Sekim[2] Perkhidmatan Berpandu kapada Dasar Kerajaan hendak menjadikan Bahasa Melayu, Bahasa Resmi yang Tunggal

32. Oleh kerana Bahasa Melayu akan menjadi bahasa resmi yang tunggal mulai daripada 1hb September, 1967, sekim[2] perkhidmatan sedang di-kaji sa-mula supaya pegawai[2] yang di-ambil berkhidmat dengan Kerajaan boleh menjalankan tugas[2] mereka dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuntutan dari Pehak Pekerja

33. Ada-lah dengan bangga-nya di-laporkan bahawa banyak kemajuan telah terchapai di-dalam tempoh yang di-kaji ini di-dalam menyelesaikan tuntutan[2] yang di-terima daripada Pehak Pekerja melalui rundingan "ad-hoc". Dengan chara demikian masaelah[2] dapat di-selesaikan dengan lebeh chepat lagi.

Pertukaran Pegawai[2]

34. Ranchangan menukarkan pegawai[2] di-antara Malaysia Timor dan Malaysia Barat telah di-dapati sangat memuaskan dan memberi faedah kapada kedua[2] pehak dan telah berjalan dengan lichin-nya. Ada-lah sekarang di-chadangkan supaya ranchangan tersebut di-lanjutkan kapada pegawai[2] ahliman.

Pinjaman Pegawai[2] Malaysia Barat Ka-Malaysia Timor

35. Masaelah mendapatkan pegawai[2] yang chukup untok mengambil aleh jawatan[2] yang penting yang telah di-kosongkan oleh pegawai[2] dagang yang telah bersara di-bawah sharat[2] ganti-rugi ada-lah sangat penting. Sa-bagai penyelesaian jangka pendek, pegawai[2] daripada Malaysia Barat ada-lah di-hantar ka-Malaysia Timor dengan chara pinjaman sementara untok memenohi jawatan[2] yang bersangkutan sa-hingga pegawai[2] Malaysia Timor yang layak dan chukup berpengalaman dapat di-lantek untok mengambil aleh tugas pegawai[2] tersebut. Sunggoh pun demikian, sa-takat mana yang boleh pegawai[2] tempatan Malaysia Timor ada-lah di-naikkan pangkat untok mengambil aleh tempat yang penting apabila pegawai[2] dagang meninggalkan jawatan mereka.

Latehan Pegawai[2]

36. Beberapa latehan pentadbiran dan latehan khas bertempat di-Dewan Latehan Pegawai[2] Kerajaan, Petaling Jaya telah di-adakan untok pegawai[2] kanan

Kerajaan. Sementara itu, di-pusat[2] latehan yang lain pula, Kerajaan telah juga mengatorkan beberapa latehan kerani[2] dalam segala bentok, dari latehan permulaan bagi kerani[2] yang baharu memegang jawatan sa-hingga kursus[2] khas bagi penyeliaan kerani[2] rendah.

37. Kerajaan berazam akan terus menjalankan latehan[2] yang sa-umpama ini untok memberi peluang kapada pegawai[2] Kerajaan dari semua peringkat mengetahui perinsip[2] pentadbiran dan perkhidmatan dengan lebeh mendalam lagi, bagi memainkan peranan mereka sekarang. Untok menchapai keazaman ini, satu penyelidekan mengenai kehendak[2] latehan untok masa akan datang sedang di-adakan supaya satu ranchangan latehan yang lengkap dapat disediakan untok menepati kehendak[2] latehan.

Keadaan Ekonomi Dalam Tahun 1966

38. Kemajuan ekonomi yang telah di-chapai dalam tahun 1966, ia-itu tahun yang pertama bagi Ranchangan Malaysia Yang Pertama, ada-lah memuaskan walau pun nisbah kos impot-eksepot terus merosot dan bantuan luar kurang di-dapati.

39. Anggaran jumlah nilai barang[2] dan perkhidmatan[2] yang di-keluarkan di-Malaysia mengikut harga sa-masa (ia-itu, keluaran kasar dalam negeri) ia-lah $9,451 juta dalam tahun 1966, ia-itu $442 juta atau 4.9 peratus lebeh daripada tahun 1965. Dalam kadar tambahan keluaran ini, keluaran bagi kegunaan dalam negeri di-anggarkan bertambah sa-banyak 8.0 peratus. Sa-balek-nya keluaran bagi eksepot bertambah 1 peratus sahaja. Tambahan yang sadikit bagi nilai eksepot dalam tahun 1966 ia-lah terutama-nya kerana harga getah jatoh.

40. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan hendak menaikkan keluaran barang[2] dan perkhidmatan bagi tiap[2] sa-orang dalam negeri ini dan mengambil segala langkah yang mustahak untok memelihara darjah hidup per kapita daripada kesan[2] harga yang tiada baik yang di-dapati oleh eksepot[2] besar negeri ini. Pada menjalankan dasar ini Kerajaan telah melaksanakan ranchangan[2] pembangunan yang terator.

41. Dalam tahun 1966, penglaksanaan Ranchangan Pembangunan Lima-Tahun Malaysia Yang Pertama ada-lah pada 'am-nya memuaskan hati. Matalamat[2] Ranchangan itu, ia-itu hendak menambah keluaran dan pendapatan sa-orang bagi tahun yang pertama itu, telah di-chapai. Tanaman modal persendirian dan Kerajaan untok menambah keupayaan ekonomi Malaysia mengeluarkan lebeh banyak lagi barang[2] dan perkhidmatan[2], menyokong darjah hidup ra'ayat Malaysia dan mengadakan peluang[2] guna-tenaga bagi ra'ayat Malaysia, telah di-kekalkan pada peringkat yang tinggi. Walau bagaimana pun tanaman modal Kerajaan mungkin sampai ka-peringkat yang lebeh tinggi daripada yang di-chapai pada tahun 1966 sekira-nya bantuan teknik dan modal yang di-dapat menchapai jumlah tanaman modal yang di-tetapkan dalam Ranchangan Pembangunan itu.

Harapan[2] Bagi Ekonomi Dalam Tahun 1967

42. Sa-bagaimana yang di-jangka dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama faktor[2] besar yang di-dapati dalam tahun 1966 akan terus berada dalam tah

1967. Oleh itu, daya penarek yang utama bagi perkembangan keluaran kasar dalam negeri ia-lah keluaran bagi pasaran dalam negeri. Ini akan datang daripada penanaman modal yang di-jalankan pada masa yang sudah[2] dalam beberapa bahagian ekonomi saperti pertanian, perusahaan, pengangkutan dan nilai[2]-faedah. Satu perkara besar yang tiada dapat di-taksir, dan yang telah mengganggu usaha pembangunan Malaysia, ia-lah harga yang akan di-dapati bagi hampir[2] sa-paroh keluaran Malaysia yang hendak di-eksepot.

43. Sunggoh pun penanaman modal persendirian akan terus bertambah dengan dinamis, kemajuan daripada pehak Kerajaan di-jangka akan berlebehan lagi dalam tahun 1967 daripada tahun 1966. Usaha[2] yang di-jalankan oleh Kerajaan baharu[2] ini untok menggerakkan puncha[2] keluaran dalam negeri akan menjadi bantuan yang besar bagi memudahkan pelaksanaan ranchangan[2] Malaysia dalam tahun 1967. Ada-lah juga di-harapkan bahawa bantuan dari luar akan memainkan peranan yang lebeh berguna dan penting bagi melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama bagi tahun yang kedua. Kerajaan telah pun membuat persediaan yang besar bagi menyenangkan kemasokan bantuan dari luar dengan banyak-nya.

44. Oleh kerana harga barang[2] saperti getah dan bijeh sedang jatoh maka terpaksa-lah Malaysia memperbagaikan asas ekonomi-nya dengan sa-berapa segera-nya. Harapan bagi menchapai tujuan ini bergantong sa-mata[2] dengan pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dengan chepat. Ranchangan ini mustahak-lah juga di-laksanakan dengan jaya-nya jika hendak di-adakan pekerjaan yang chukup bagi pekerja[2] yang sedang bertambah banyak bilangan-nya.

45. Dengan hal yang demikian ada-lah satu perkara yang menggalakkan bahawa penggantian impot telah maju dengan chepat-nya dalam ekonomi Malaysia sa-masa 5 tahun yang sudah terutama sa-kali dalam lapangan[2] saperti gula halus, barang[2] yang di-perbuat daripada petroleum, simen, barang[2] yang di-perbuat daripada tembakau, minuman[2] keras dan tepong. Sa-lain daripada chontoh[2] penggantian impot yang tersebut beberapa banyak barang[2] kechil keluaran dalam negeri—barang[2] pertanian dan juga barang[2] yang di-perbuat—telah bertambah dengan banyak-nya. Ini telah membantu lagi penyimpanan wang asing dan membolehkan modal daripada luar sentiasa bertambah banyak dengan chepat-nya walau pun eksepot bertambah dengan perlahan[2] dalam beberapa tahun yang lalu ini.

46. Beberapa kemajuan lagi dalam lapangan bahan[2] mengganti impot telah erchapai, saperti beras, baja, daging dan barang[2] ternakan serta beberapa jenis ahan kimia, yang telah berjaya di-usahakan oleh Kerajaan dan/atau beberapa ah sharikat yang besar[2]. Bagaimana pun, kejayaan jangka-panjang dalam rkara bahan[2] pengganti impot/pengembangan eksepot ada-lah bergantong di-s usaha[2] beberapa pengusaha yang kechil[2] untok memula serta membanyak-n lagi eksepot berbagai[2] jenis barang[2] yang menjadi benda[2] yang paling nyak dalam bil impot, tetapi maseh tiada nampak lagi dalam senarai eksepot. ngan hal yang demikian, Kerajaan akan sentiasa memberi perhatian bukan aja tentang memberi perangsang sa-chara langsong saperti mengechualikan kai dan mengembalikan chukai pelindong, bahkan juga mengenai seluroh

perkara dasar belanjawan, dasar kewangan dan dasar perdagangan yang ada hubongan serta mempengarohi keadaan penanaman modal.

Bantuan Pembangunan

47. Pada tahun yang lalu ahli[2] Kumpulan Perundingan Memberi Bantuan kapada Malaysia telah di-beritahu tentang chorak bantuan yang di-kehendaki oleh Malaysia. Beberapa buah negeri termasok Canada, Jepun, Negeri Belanda dan Amerika Sharikat telah menawarkan bantuan wang kapada Malaysia. Kerajaan berharap ia-itu sa-lepas projek[2] dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu mendapat tawaran antara-bangsa, maka dapat-lah Kerajaan menggunakan tawaran[2] bantuan yang dermawan itu. Bantuan hadiah telah juga di-tawarkan oleh beberapa buah negeri, termasok lebeh kurang M$10 juta daripada Australia untok membena sa-buah jalan raya dari timor ka-barat Sabah, yang akan menghubongkan Jesselton dengan Sandakan.

48. Ada juga beberapa buah projek yang besar[2] dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu yang hendak di-jalankan dengan bantuan Bank Dunia, dan bantuan[2] telah pun di-persetujui atau akan di-putuskan tiada lama lagi, saperti projek[2] untok kuasa letrik, projek[2] tali-ayer dan parit Muda dan Kemubu. Mudah[2]an ranchangan[2] yang lain saperti pembukaan tanah, pelajaran, perbekalan ayer dan talikom akan dapat juga di-jalankan pada masa hadapan dengan bantuan Bank Dunia.

49. Sa-lain daripada pinjaman[2] modal dan bantuan[2] modal, Malaysia berkehendakkan juga bantuan[2] teknik bagi menjalankan beberapa projek pembangunan dalam Ranchangan itu. Ranchangan Pembangunan Pertubohan Bangsa[2] Bersatu ada-lah menjadi satu puncha yang besar bagi mendapat bantuan pakar[2], terutama sa-kali bagi pembenaan bangunan pertubohan dan kajian[2] sa-belum penanaman modal. Perkhidmatan[2] sukarela, khas-nya Pasokan[2] Sukarela Amerika Sharikat, ada-lah juga memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesulitan tentang tenaga manusia yang chekap di-pehak Kerajaan.

50. Kerajaan menguchapkan berbanyak[2] terima kaseh atas semua bantuan yang telah di-terima-nya. Bantuan[2] itu sangat-lah berguna dalam meranchang dan menjalankan projek[2] pembangunan. Walau bagaimana pun banyak lagi kerja[2] yang hendak di-buat dan Kerajaan berharap bahawa permintaan[2] bagi mendapat tambahan bantuan akan mendapat pertimbangan yang saksama dan di-selenggarakan dengan segera.

Peranchang Kawasan dan Bahagian

51. Oleh kerana sa-makin bertambah banyak permintaan bagi pembangunan dan mustahak-nya tenaga di-gunakan dengan sa-habis baik, maka lebeh banyak lagi perhatian akan di-tumpukan terhadap peranchangan kawasan dan bahagian yang lebeh teliti. Satu penyiasatan pengangkutan yang besar meliputi seluroh negeri ini dan semua jenis pengangkutan akan di-mulakan dalam bulan Julai, 1967 dengan bantuan Ranchangan Pembangunan Pertubohan Bangsa[2] Bersatu. Tujuan[2] penyiasatan itu ia-lah supaya dapat di-tubohkan satu sistem pengangkutan yang bersatu dan yang sa-imbang dengan tujuan[2] pembangunan kawasan dan bahagian. Di-antra lain[2] penyiasatan pengangkutan itu akan menghasilkan

satu ranchangan penanaman modal dalam pengangkutan yang lengkap dan bersatu bagi tahun² 1968-75 dan satu ranchangan penyusunan bagi satu masa yang lebeh panjang hingga sampai tahun 1985.

52. Chawangan pengangkutan akan menjadi chawangan pertama dalam lapangan ekonomi yang akan di-kenakan kapada peranchang pembangunan ini. Peranchang pengangkutan ada-lah kerja yang mesti di-jalankan terus-menerus dan pada masa penyiasatan itu di-jalankan banyak kemajuan di-jangka akan di-chapai dalam menubohkan satu peranchang pengangkutan yang kuat dalam Kementerian² dan sharikat² pengangkutan yang berkenaan.

53. Satu langkah yang penting ka-arah peranchang kawasan ia-lah usaha menyediakan satu "master plan" bagi kawasan Trengganu. Langkah ini sedang di-jalankan dengan bantuan pakar daripada Kerajaan Belanda. Kajian sa-umpama itu telah pun di-jalankan di-Lembah Labuk di-Sabah oleh Ranchangan Pembangunan Pertubohan Bangsa² Bersatu dan beberapa projek yang di-shorkan di-beri keutamaan akan di-timbangkan untok di-masokkan ka-dalam Ranchangan itu.

Chara Menguruskan Projek

54. Dua jalan telah di-ambil untok menentukan supaya faedah yang besar boleh di-dapati daripada projek² pembangunan dengan belanja yang kurang. Sa-buah Jawatan-kuasa Kechil Belanja dan Piawai dalam Jawatan-kuasa Peranchang Pembangunan Negara telah pun di-tubohkan untok menchari jalan mengurangkan belanja bagi kemudahan² yang di-adakan bagi orang ramai. Chara menjimatkan wang itu ada-lah di-buat dengan jalan menurunkan piawai ka-suatu peringkat keadaan yang sesuai dengan tugas yang di-jalankan itu. Banyak wang telah pun dapat di-selamatkan dengan chara ini. Satu chara lagi ia-lah dengan mengadakan piawai² bagi menguruskan projek² dengan lebeh berkesan. Langkah ini akan memberi faedah di-dalam jangka yang panjang. Bahagian Peranchang Ekonomi, dengan kerjasama lain² Jabatan dan dengan menggunakan pengalaman² yang di-dapati dari negeri lain, telah menyusun satu Panduan Perchubaan Piawai (Tentative Standards) bagi Meranchang Projek². Pada tahun hadapan piawai² ini akan di-kenakan kapada beberapa buah projek besar.

55. Satu daripada projek² itu ia-lah Projek Sungai Muda. Kerja² membena tali-ayer telah pun di-mulakan. Piawai² telah di-pakai untok meranchangkan beberapa kegiatan Kerajaan di-dalam projek ini. Kegiatan² itu termasok-lah perkhidmatan² lanjutan pertanian, pemasaran dan kemudahan² pinjam meminjam. Penggunaan piawai² untok meranchangkan kegiatan² ini akan dapat menentukan faedah yang lebeh besar yang boleh di-dapati daripada tali-ayer dengan tiada menambah belanja lagi. Jika piawai² ini di-gunakan bagi semua projek² oleh Jabatan² yang berkenaan proses peranchangan projek akan dapat di-chepatkan lagi dan bantuan luar mudah di-dapati.

Penyiasatan² Bahan Asli

56. Dalam tahun lalu banyak kerja² yang telah di-buat bagi menyiasat dan menilai bahan² asli di-Malaysia. Satu penyiasatan dengan chara mengambil gambar² dari udara telah pun selesai di-jalankan di-Malaysia Barat dengan

bantuan Kerajaan Canada. Penyiasatan[2] rupabumi, galian[2], baja tanah dan hutan telah di-perluaskan lagi. Satu ranchangan penyama pemetaan tanah telah di-jalankan di-Malaysia Barat. Ranchangan ini termasok-lah penyiasatan atas penggunaan tanah sekarang ini. Penyiasatan ini di-dasarkan daripada tafsiran yang di-buat kapada gambar[2] dari udara yang telah di-ambil baharu[2] ini. Daripada chatatan mengenaï bahan asli dan kegunaan tanah yang di-kumpulkan menerusi ranchangan ini dapat-lah di-bandingkan kemungkinan[2] bahan asli dengan chara[2] penggunaan tanah yang ada sekarang dengan lebeh luas lagi.

57. Ranchangan Penyama Pemetaan Tanah ini telah selesai di-laksanakan bagi Negeri Pahang yang meliputi 25 peratus kawasan Malaysia Barat. Kajian[2] permulaan telah juga di-mulakan di-dalam Negeri Johor dan Negeri Melaka. Satu kajian yang khas telah di-buat berkenaan dengan peluang[2] untok meluaskan lagi kawasan tanah yang di-tanami di-Malaysia Barat, dengan menumpukan perhatian ka-atas kawasan[2] yang luas yang sesuai untok ranchangan pembangunan pada masa akan datang saperti yang di-jalankan di-ranchangan Jengka. Satu kajian yang lengkap berkenaan dengan bahan[2] asli dan faedah ekonomi dari Ranchangan Jengka itu telah pun di-laksanakan dengan menyusun satu "Master Plan" yang di-buat oleh pakar[2]. "Master Plan" ini akan menjadi panduan bagi pembangunan masa hadapan bagi kawasan yang luas dan yang banyak hasil-nya ini.

58. Di-Malaysia Timor persediaan[2] telah juga di-buat untok menjalankan kajian berkenaan dengan penyama pemetaan tanah sa-bagaimana yang telah di-jalankan di-Malaysia Barat, dan penyama pemetaan tanah permulaan telah siap di-buat bagi dua kawasan yang luas di-dalam Negeri Sabah.

PERANGKAAN

59. Dengan bantuan sa-orang pakar chontoh dari Pertubohan Bangsa[2] Bersatu kerja mengenaï satu Penyiasatan Padi yang lengkap di-Malaysia Barat bagi musim tahun 1965-1966 telah siap. Dengan penyiasatan ini dapat-lah di-ketahuï kelak anggaran[2] hasil padi yang betul dan yang sangat di-kehendaki. Satu Penyiasatan Padi yang di-satukan bagi Negeri Sabah telah juga di-lancharkan pada penghujong tahun 1966 dan kerja itu akan terus di-jalankan hingga penengahan tahun 1967. Tujuan penyiasatan ini ia-lah hendak menaksir berapa luas-nya kawasan sawah dan banyak hasil yang di-dapati daripada-nya supaya anggaran pengeluaran padi boleh di-ketahuï.

60. Kajian[2] permulaan berthabit dengan Penyiasatan Penggunaan Tanah di-Malaysia Barat telah di-lancharkan dalam tahun 1966. Kajian permulaan dalam Negeri Selangor telah siap. Sa-lepas itu penyiasatan[2] pemandu telah di-lancharkan di-Melaka, Johor dan Pulau Pinang dan persediaan[2] sudah di-buat bag penyiasatan di-Kedah. Kerja luar pejabat di-Melaka telah siap dan di-negeri lain banyak kerja yang telah siap. Tujuan Penyiasatan Penggunaan Tanah yan di-chadangkan itu ia-lah hendak mengetahuï anggaran yang betul pada sa-tahu berapa luas-nya tanah yang di-tanam dengan tanaman utama, khas-nya kebun kechil.

61. Penyata Teknik mengenaï Penyiasatan Tenaga Manusia di-Malaysia Ba yang di-jalankan di-bawah panduan sa-orang pakar dari Pertubohan Bang

Bersatu dalam tahun 1965 telah di-terbitkan dalam tahun 1966. Satu penyiasatan untok mengetahuï orang[2] yang bekerja/menganggor dalam lima buah bandar besar di-Malaysia Barat telah siap pada penghujong tahun 1966.

62. Tugas besar mengumpulkan satu keterangan yang lengkap mengenaï sa-suatu keluarga bagi Malaysia Barat telah siap. Keterangan ini akan menyenang-kan kerja[2] menyiasat jenis[2] keluarga dan juga sangat berguna untok kerja membanchi pendudok[2] dalam tahun 1970 kelak.

63. Peringkat pertama dalam penyiasatan yang lengkap untok mendapat keterangan mengenaï sikap, pengetahuan dan amalan[2] berhubong dengan Peranchang Keluarga telah di-siapkan. Projek ini telah di-jalankan dengan bantuan satu kumpulan pakar[2] dari Yayasan Ford.

64. Seminar latehan yang telah di-jalankan pada tahun 1965 dengan kerjasama Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh telah tamat pada tahun 1966. Dalam Seminar itu, Perangkawan[2] dari jabatan ini telah berpeluang mengambil bahagian dalam perbinchangan[2] dan sharahan[2] bagi beberapa perkara yang telah di-sampaikan oleh pakar[2] dari badan[2] saperti ECAFE, FAO, ILO, WHO dan lain[2].

65. Pada pertengahan tahun lalu, Jabatan ini telah bernasib baik mendapat dua orang Penasihat Perangkaan Bangsa[2] Bersatu untok berkhidmat sa-orang di-Sarawak dan sa-orang di-Sabah.

66. Jabatan ini telah mula menggunakan "electronic computer" pada hujong tahun lalu. Ada-lah di-chadangkan pegawai[2] di-hantar berlateh di-luar negeri supaya dapat di-lantek kemudian menjadi "System Analyst." Dengan ada-nya computer ini maka dapat-lah Jabatan ini meluaskan lagi kerja[2] memperoses keterangan. Dengan demikian dapat-lah juga Jabatan ini mengadakan kemudahan memperoses keterangan bagi Jabatan[2] lain.

67. Sa-orang Penasihat Ranchangan Colombo berkenaan dengan pembahagian perangkaan perdagangan telah berkhidmat dalam Jabatan ini dengan ekhsan Kerajaan Australia. Kerja[2] permulaan telah di-jalankan untok membuat penyiasatan permulaan berkenaan dengan perniagaan ronchit dan borong memborong pada awal tahun 1967. Hasil penyiasatan ini akan menjadi satu bantuan yang besar kapada Badan Menganalisa Kira[2] dan Ekonomi Negara. Ini-lah pertama kali-nya pungutan keterangan perangkaan yang berupa banchi di-buat berkenaan dengan pembahagian perdagangan.

68. Dalam tahun 1967 Jabatan ini bersama[2] dengan Kementerian Buroh akan melancharkan satu penyiasatan chontoh yang lengkap yang bertujuan hendak mendapat keterangan mengenaï orang yang bekerja/mengganggor bagi Malaysia Barat. Penyiasatan bagi mengetahuï kadar pengeluaran padi akan di-ulangi lagi. Sa-lain daripada itu ada-lah di-harapkan bahawa Penyiasatan Panduan Penggunaan Tanah akan dapat di-siapkan pada akhir tahun ini. Penyiasatan panduan ini di-jalankan di-negeri Selangor, Melaka, Johor, Pulau Pinang dan Perlis. Sa-lain daripada itu kerja[2] akan juga di-jalankan untok membuat penyiasatan Penggunaan Tanah yang lengkap dalam tahun 1968 yang akan dijalankan di-seluroh Malaysia Barat.

69. Dalam tahun 1967 Jabatan ini akan menjalankan satu banchi yang pertama berkenaan dengan pembahagian perdagangan (borong, ronchit dan perniagaan[2] yang berkaitan dengan-nya) yang akan di-jalankan di-Malaysia. Banchi itu akan memberi keterangan yang lengkap mengenai jenis, besar dan tempat perniagaan[2], jualan, pekerjaan dan lain[2] perkara yang berkaitan. Banchi itu akan menjadi asas bagi penyiasatan chontoh pada masa hadapan untok menyukat turun naik perniagaan dalam jangka yang pendek.

70. Persediaan[2] akan di-mulakan untok menjalankan Banchi Pertanian dan Pendudok[2] bagi tahun 1970. Pakar[2] bagi pekerjaan ini akan di-chari dan pegawai[2] Malaysia akan di-hantar ka-luar negeri untok di-lateh.

Arkib

71. Kemajuan yang utama yang telah di-chapai oleh Arkib Negara dalam tahun 1966 ia-lah penguatkuasaan Undang[2] Arkib Negara dalam bulan Ogos. Ini-lah undang[2] yang pertama sa-jenis ini yang ada di-negeri ini. Undang[2] ini memberi kuasa dan mengator tugas[2] Arkib Negara saperti yang di-dapati di-arkib[2] negeri[2] merdeka dan maju yang lain.

72. Bangunan Pusat Urusan Rekod telah di-buka dengan resmi-nya dalam bulan Disember oleh Timbalan Perdana Menteri. Bangunan yang berharga $373,000 ini dan yang di-lengkapkan dengan sifat[2] khas yang mustahak dan moden yang termasok rak besi bergerak yang boleh menyimpan rekod[2] sebanyak 15,000 kaki panjang-nya terkenal sa-bagai satu daripada bangunan moden sa-jenis-nya di-dalam dunia. Bangunan ini sudah di-gunakan sa-penoh-nya untok menyimpan rekod[2] Kerajaan yang tidak di-pakai hari[2] sementara menunggu keputusan sama ada patut di-simpan buat sa-lama[2] sa-bagai arkib atau di-musnahkan kerana tidak ada nilaian[2] negara atau sejarah.

73. Arkib Negara telah mengusolkan kapada negara[2] ASA satu chadangan menubohkan satu Chawangan Majlis Arkib Antara Bangsa bagi Wilayah Tenggara Asia. Usol ini telah menerima sokongan bersemangat dan Malaysia telah di-minta untok mengambil langkah pertama mengadakan sa-buah Secretariat.

74. Dalam tahun 1966 kemudahan[2] yang di-beri oleh Arkib Negara telah bertambah di-gunakan oleh pejabat[2] Kerajaan dan orang[2] ramai jua. 26 Jabatan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri) telah memindahkan rekod[2] yang tidak di-pakai mereka.

Perpustakaan

75. Jawatan-kuasa Perpustakaan Negara yang di-lantek oleh Kerajaan ter menchapai kemajuan di-dalam meranchangkan penubohan Perpustakaan Nega Malaysia yang di-chadangkan itu. Teras-nya yang ada di-Arkib Negara tel di-kuatkan dengan perlantekan sa-orang Pegawai Perpustakaan yang b kelayakan dan Kerajaan sedang menchari satu tapak yang sesuai untok bangu yang di-chadangkan itu.

KEMENTERIAN BUROH

76. Dalam tahun lalu beberapa kejayaan yang besar telah di-chapai dan banyak kerja[2] permulaan telah di-jalankan dalam usaha hendak menambahkan gera-kerja[2] yang ada kena-mengena dengan buroh dan menyusunkan-nya supaya lebeh berkesan lagi.

PERHUBONGAN PERUSAHAAN

77. Berkenaan dengan perhubongan majikan—pekerja ada terdapat ketegangan dan juga kemesraan. Rekod pertikaian perusahaan bagi tahun lalu ada-lah jauh lebeh baik dari rekod bagi tahun terdahulu daripada-nya. Dari pertikaian[2] yang berlaku, sa-banyak enam puloh berlangsong dengan mogok yang melibat-kan 14,673 orang pekerja, dan menyebabkan kerugian 108,599 hari bekerja.

78. Sa-banyak empat puloh delapan perjanjian bersama antara Kesatuan[2] Sa-kerja dengan majikan[2] telah di-laksanakan dalam tahun itu.

79. Kemudahan[2] pengadilan timbangtara yang ada dan senang di-dapati di-dalam Badan Pengadilan Timbangtara Perusahaan itu ada-lah menjadi satu pengaroh yang menimbulkan sikap sederhana dalam perhubongan perusahaan dan juga tuntutan[2] gaji dan perundingan[2]. Dengan yang demikian pertikaian[2] dalam beberapa lapangan penting dalam ekonomi telah terhalang daripada merebak menjadi mogok atau "tutup pintu" yang boleh merosakkan nama baik negeri ini dan ekonomi-nya sa-lain daripada menjadi satu gangguan kapada perkembangan perusahaan yang sa-makin bertambah. Semenjak Badan itu di-tubohkan ia-telah membicharakan tujoh belas pertikaian yang telah di-rujok kapada-nya dan delapan pertikaian lagi maseh menanti penyelesaian-nya.

80. Satu lagi perkara yang menarek perhatian dalam lapangan perusahaan ia-lah perkembangan pertubohan kesatuan sa-kerja dalam bidang[2] baharu ekonomi, terutama sa-kali dalam perusahaan[2] membuat barang[2]. Banyak masaelah telah di-hadapi dalam penubohan dan gerakerja kesatuan[2] sa-kerja tu. Walau bagaimana pun ada tanda[2] yang menggalakkan bahawa perhubongan[2] majikan—pekerja yang elok sedang tumboh dalam bidang[2] baharu ini dan entok[2] gaji pada 'am-nya telah mulai munchul. Walau bagaimana pun dalam idang[2] yang telah kukoh kedudokan-nya, perhubongan[2] antara satu pehak engan yang lain terus menerus baik pada 'am-nya.

. Di-pehak majikan juga terdapat tanda[2] yang menggalakkan. Pertubohan[2] ajikan dalam perusahaan perladangan telah di-susun sa-mula untok memberi luang kapada lebeh banyak lagi pehak perladangan menghantar wakil[2] reka, dan Persatuan Perunding Majikan[2] Sa-Malaya dan dua lagi pertubohan jikan[2] dalam bidang perdagangan sedang berusaha menambah ahli dan akerja mereka.

Pada akhir tahun 1966 dan awal tahun 1967 banyak perhatian di-beri ka-a masaelah terlalu banyak kesatuan sa-kerja. Kerajaan, sa-lain daripada gemukakan kapada Kongres Kesatuan Sa-kerja Malaysia satu ranchangan lengkap bagi membentok dengan lebeh saksama pertubohan[2] kesatuan rja, juga telah memulakan tindakan[2] bagi menjalankan kuatkuasa

peruntokan[2] dalam Act Kesatuan Sa-kerja tahun 1965 bagi mengurangkan bilangan kesatuan[2] sa-kerja dalam sa-suatu jenis perniagaan atau perusahaan. Kesatuan[2] sa-kerja juga telah mengambil berat mengenai masaelah itu dan sedang berusaha menyelesaikan-nya sendiri. Jelas-lah bahawa kesatuan[2] sa-kerja kena-lah mengambil berat soal ini supaya pergerakan kesatuan sa-kerja pada masa yang akan datang boleh menjadi kuat dan sentiasa maju.

83. Sistem dan amalan perhubongan perusahaan juga di-kaji dengan teliti dalam tahun itu dan satu Rang Undang[2] bagi meminda peruntokan[2] undang[2] yang ada sekarang dan menyatukan pengalaman yang di-dapati dalam menjalankan undang[2] tersebut di-seluroh Malaysia ada-lah di-bentangkan dalam penggal Parlimen ini.

Undang[2] Buroh

84. Undang[2] mengenai keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja[2] dalam kilang juga sedang di-pinda dan satu Rang Undang[2] berkenaan dengan-nya sekarang ini sedang di-binchangkan dalam Majlis Penasihat Perburohan Bersama Kebangsaan.

85. Berbagai-bagai pindaan penting kapada Undang[2] Pekerjaan tahun 1965, bagi menambahkan kuatkuasa-nya ada-lah juga di-bentangkan dalam penggal ini.

86. Beberapa undang[2] buroh Malaysia Barat telah di-pakai di-Malaysia Timor dalam tahun lalu dan perbinchangan[2] sedang berjalan bagi menyelesaikan kerja berkenaan dengan hal ini pada tahun ini.

Pekerja[2] bagi Sabah

87. Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia telah di-lancharkan pada akhir tahun lalu sa-bagai satu ranchangan bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untok mengator kerja memindah buroh ka-Sabah kerana negeri itu sangat kekurangan buroh, terutama sa-kali dalam bidang pertanian. Hingga bulan Mei, 1967, 400 orang pekerja dan 264 orang tanggongan mereka telah di-tempatkan oleh Lembaga itu di-beberapa jenis ladang di-Sabah dan sekarang ranchangan[2] sedang di-susun untok menghantar pekerja[2] bagi kebun[2] kechil getah di-sana. Dalam tahun ini kira[2] 1,200 orang pekerja di-jangka akan di-hantar ka-Sabah dari Malaysia Barat dan lebeh banyak lagi daripada itu akan di-hantar dalam tahun 1968.

Latehan dan Pekerjaan Perusahaan

88. Tiga orang daripada satu kumpulan enam orang pakar Pertubohan Buroh Antara Bangsa yang di-untokkan kapada Jabatan Pekerjaan dan Latehan yang baharu dalam Kementerian Buroh telah pun memulakan kerja mereka di-Kuala Lumpur dan tiga orang lagi itu di-jangka akan datang menjalankan kerja mereka di-sini sadikit masa lagi. Ada-lah di-jangkakan bahawa kerja[2] yang akan di-jalankan dalam Jabatan baharu ini akan memberi sumbangan yang besar bag menambahkan lagi daya Kerajaan membuat ranchangan tenaga manusia dai menjalankan-nya dan juga bagi memperbaiki dan menggiatkan lagi perkhid matan[2] latehan perusahaan, penyelidekan buroh dan menukar pekerjaan dalar

Kementerian Buroh. Ranchangan[2] sedang di-usahakan bagi menambahkan lagi kemudahan[2] latehan yang ada sekarang ini di-Pusat Latehan Perusahaan di-Kuala Lumpur dengan memulakan latehan dalam bidang[2] perniagaan baharu dan juga melancharkan ranchangan latehan belia yang di-perchepatkan kerana ranchangan melateh pelateh[2] dengan sendiri-nya tidak mungkin akan dapat mengeluarkan pekerja[2] yang terlateh sa-banyak yang di-kehendaki negara. Ada-lah di-jangkakan bahawa apabila tambahan kemudahan[2] bengkel dan asrama telah siap nanti lebeh daripada 1,200 orang akan dapat di-terima masok menjadi pelateh. Kerja[2] sedang di-buat bagi mendirikan sa-buah lagi Pusat Latehan Perusahaan di-Utara Malaya. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan tambahan ini hasil latehan daripada kedua-dua buah Pusat ini akan lebeh dari 2,500 orang sa-tahun. Kerajaan telah meminta bantuan daripada negara[2] sahabat bagi mendapat alat[2] mustahak bagi bengkel dan juga jurulateh[2] yang pakar untok Pusat Latehan yang baharu itu.

Insuran Kebajikan Pekerja (Social Insurance)

89. Dalam tahun ini Kerajaan akan melancharkan satu ranchangan Insuran Kebajikan Pekerja yang akan meliputi segala kemungkinan berkenaan dengan kechederaan pekerjaan (employment injury), penyakit pekerjaan (occupational diseases) dan kechachatan (invalidity) dari sebab[2] yang lain daripada kechederaan pekerjaan. Kerja[2] mengkaji dan menyediakan ranchangan itu telah banyak di-buat dan undang[2] mengenai-nya di-jangka akan di-bentangkan dalam Parlimen tidak lama lagi. Ranchangan meliputi kechachatan itu di-jangka akan melindongi lebeh kurang 800,000 orang pekerja di-seluroh Malaysia Barat, dan ranchangan kechederaan sa-masa bekerja di-chadang akan di-mulakan buat sementara di-empat atau lima buah bandar[2] yang besar dan kemudian-nya di-adakan di-pusat[2] yang lain pula. Dalam peringkat pertama, lebeh kurang 150,000 orang pekerja mungkin mendapat faedah daripada ranchangan Insuran Kebajikan Pekerja ini dan faedah-nya ia-itu wang yang di-terima ada-lah sa-kali ganda yang di-terima sekarang kerana kechachatan kekal dan kematian penyara-hidup di-bawah Undang[2] Pampasan Pekerja yang akan di-gantikan oleh Insuran Kebajikan Pekerja itu. Penasihat Keselamatan Masharakat di-bawah Ranchangan Colombo telah juga di-minta menyampaikan kapada Kerajaan Ranchangan[2] Insuran Kebajikan Pekerja meliputi orang[2] sakit dan orang[2] bersalin.

Majlis Penetapan Gaji

90. Dalam tahun lalu kerja[2] yang di-jalankan mengenai Majlis Penetapan Gaji ada-lah lebeh banyak daripada yang biasa. Sa-buah Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja[2] dalam Perusahaan Panggong Wayang telah di-tubohkan dan satu perentah Peratoran Gaji bagi pekerja[2] punggah-memunggah di-Pulau Pinang telah di-kuatkuasakan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh ranchangan pendaftaran pekerja[2] pelabohan yang baharu sahaja di-tubohkan di-bawah Lembaga Perurohan Pelabohan. Shor[2] Peratoran Gaji yang pertama bagi Majlis Penetapan Gaji Untok Perusahaan Penjualan Makanan dan Hotel telah juga di-pinda dan lor[2] Peratoran Gaji yang baharu juga di-jangka akan di-terima dari Majlis Penetapan Gaji Pembantu Kedai. Kuasa Majlis Penetapan Gaji Pembantu Kedai telah juga di-tambah untok meliputi 26 buah bandar[2] besar di-Malaysia

Barat, dan pegawai[2] Kementerian ini telah memereksa lebeh daripada enam puloh peratus jumlah kedai yang ada dalam sembilan buah bandar yang terkena dengan Perentah Peratoran Gaji yang ada sekarang.

91. Pendek kata dalam tahun lalu banyak kejayaan yang telah di-chapai dalam hal[2] mengenaï buroh dan ada-lah di-jangkakan bahawa lebeh banyak lagi kejayaan akan di-chapai dalam tahun hadapan. Kerajaan akan terus bekerja untok mengelokkan lagi keadaan hidup pekerja[2] negeri ini dengan membuat undang[2] dan dengan jalan[2] lain; menambahkan harapan untok mendapat pekerjaan yang lebeh berfaedah kapada orang[2] yang baharu hendak masok bekerja dengan mengadakan perkhidmatan latehan yang lebeh giat dan menempatkan pekerja[2]. Kerajaan juga akan terus berusaha mengelokkan lagi kerja[2] menyatukan usaha[2] pekerja dengan chita[2] dan gerakerja[2] pembangunan negara dengan menggalakkan perhubongan[2] yang lebeh baik antara majikan dengan pekerja.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Faham Komiunis dan Gerakan Sabersif

92. Faham Komiunis dan gerakan sabersif maseh menjadi anchaman yang besar.

93. Di-Malaysia Timor ada-lah jelas bahawa Pertubohan Komiunis Sarawak yang berpedoman kapada Peking telah dapat mempengarohi sa-bahagian besar masharakat Sarawak dan telah membuat persediaan yang lengkap untok peperangan gerila yang berpanjangan. Keadaan di-Negeri ini, dalam beberapa perkara, ada-lah sa-makin hampir sama dengan keadaan di-Malaya pada awal tahun 1948.

94. Di-Malaysia Barat kegiatan Barisan Bersatu Komiunis telah bertukar chorak menjadi ganas dan mahu berlawan dan di-arah serta di-susun terus oleh Parti Komiunis Malaya bertempat di-sempadan Malaysia/Thai.

95. Kerajaan amat-lah sedar tentang anchaman ini kapada keselamatan negara dan sedang berusaha bersunggoh-sunggoh menghalang anchaman itu dari merebak dan untok menghapuskan-nya.

Pasokan Polis Di-Raja Malaysia

96. Pasokan Polis Di-Raja Malaysia terkenal baik di-luar negeri. Pasokan Polis dari negara[2] tetangga seringkali menggunakan kemudahan[2] latehan tempatan dan ini ada-lah menjadi bukti bahawa latehan[2] yang di-sediakan i ada-lah tinggi mutu-nya dan di-akuï oleh negara[2] asing.

97. Oleh kerana keadaan berubah-ubah mengikut perkembangan kemajı negara, maka mustahak-lah Pasokan Polis Di-Raja Malaysia di-lengkapl mengikut keadaan masa supaya ia dapat menjalankan tugas[2]-nya den

sempurna. Alat[2] kelengkapan-nya yang lama sedang di-tukar dengan yang baharu dan di-tambah bilangan-nya dan dengan tamat-nya konferantasi latehan[2] di-dalam dan di-luar negeri sedang di-perhebatkan. Perhatian khas di-beri kapada kebajikan dan semangat anggota Pasokan dan bagi menchapai tujuan ini di-tugas khas dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama perkara mendirikan rumah[2] tempat tinggal yang sesuai bagi pegawai[2] rendah dan mata[2] biasa.

98. Pasokan Polis Di-Raja Malaysia pada 'am-nya telah menjalankan tugas dan kewajipan-nya yang berat dalam menjaga keamanan dan ketenteraman dengan terpuji. Dengan bertambah-nya berlaku kesalahan jenayah baharu[2] ini bukan-lah menandakan bahawa pehak Polis tiada mengambil berat menjalankan kewajipan-nya atau pun tidak chekap. Sa-bagaimana di-ketahui di-dalam negeri[2] yang sedang maju bertambah-nya kesalahan jenayah biasa-nya mengikuti perkembangan pembangunan dan di-Malaysia, hal ini ada-lah nyata dengan ada-nya kegiatan[2] kumpulan haram dan samseng[2]. Pehak Polis tidak-lah dapat dengan sendiri-nya sahaja menyelesaikan masa'elah ini. Ada-lah menggembirakan apabila di-dapati bahawa semangat tata-negara telah meningkat maju di-kalangan orang[2] 'awam dan kerana kemajuan ini-lah pehak Polis telah menchapai banyak kejayaan. Ada-lah di-harapkan bahawa banyak lagi kerjasama dari orang 'awam akan di-dapati di-masa hadapan.

99. Usaha mengganti pegawai[2] dagang dengan pegawai[2] Malaysia dalam Pasokan Polis Di-Raja Malaysia sedang berjalan terus mengikut dasar Kerajaan dan Pasokan ini sekarang ada-lah di-bawah arahan dan kawalan sa-orang pegawai Malaysia yang menjadi Ketua Polis Negara.

Senoi Pra'aq

100. Sa-bagai menghargai jasa[2] pasokan sementara ini sa-masa Dharurat dan peranan-nya dalam gerakan[2] yang di-jalankan sekarang di-kawasan keselamatan sempadan di-Utara Malaya, Kerajaan telah mengambil keputusan untok mengekalkan Pasokan ini dengan menyatukan-nya di-bawah Pasokan Polis Di-Raja Malaysia. Perchantuman ini akan di-usahakan di-masa yang sesuai.

Pasokan Kawalan

01. Pasokan Kawalan telah di-tubohkan bagi menjalankan tugas[2] tertentu alam masa konferantasi. Dengan tamat-nya konferantasi pertubohan ini tidak ustahak lagi. Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa Pasokan ini patut -bubarkan.

Jabatan Kimia

. Dalam penyata tahun lalu ada di-sebut tujuan dan peranan Jabatan ini.

. Memandang kapada permintaan[2] bagi mendapat perkhidmatan analisa atan ini sa-makin bertambah banyak, maka ada-lah menjadi dasar Kerajaan lak menubohkan ma'amal[2] kawasan. Bagi menchapai maksud itu, vangan[2] akan di-tubohkan di-Kuala Trengganu dan Johor di-bawah changan Malaysia Yang Pertama.

JABATAN PENCHETAK KERAJAAN

104. Untok menjalankan tugas-nya menchetak semua perchetakan Kerajaan usaha untok melengkapkan Jabatan ini termasok segala chawangan[2]-nya, dengan meshen[2] tertentu dan kakitangan[2] yang terlateh telah di-tugaskan.

105. Dalam tahun 1966, dua orang pegawai telah tamat menjalankan latehan sa-lama dua tahun dalam teknik perchetakan di-"London College of Printing". Lapan orang telah bertolak untok mengikuti kursus di-United Kingdom, Australia, New Zealand, India dan Jepun untok mendapat latehan dalam pentadbiran perchetakan (printing administration). "litho-offset, typographic layout, bookbinding, letterpress printing and offset printing". Daripada lapan orang pegawai ini, empat telah tamat di-dalam kursus mereka dan pulang ka-Tanah Ayer.

JABATAN PENJARA

106. Memandang kapada perkembangan[2] baharu dalam chara mengurus orang[2] salah maka mustahak-lah pegawai[2] penjara di-hantar lagi ka-luar negeri untok berlateh supaya chara[2] mengurus orang salah dalam penjara[2] kita dapat di-samakan dengan chara[2] dalam negeri[2] yang lebeh maju. Pada tahun 1966, empat orang pegawai penjara telah menjalani kursus sa-lama tiga bulan yang di-adakan di-"United Nations, Asia and Far East Institute for the Prevention of Crime and Treatment of Offenders, Fuchu, Tokyo".

107. Latehan tiap[2] tahun juga di-adakan di-Sekolah Latehan Pegawai[2] Penjara, Taiping untok pegawai[2] dan wadar[2].

108. Perkara yang di-utamakan dalam ranchangan Jabatan ini di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ia-lah membena bangunan[2] penjara dan rumah[2] tempat tinggal.

JABATAN PENCHEGAH RASUAH

109. Dalam penyata tahun lalu ada di-sebut mengenai perlantekan satu Jawatan-kuasa Kabinet bagi mengkaji susunan[2] Jabatan ini. Jawatan-kuasa tersebut telah pun tamat membuat kajian-nya dan Jabatan ini di-jangka akan di-susun sa-mula tidak lama lagi. Satu Bill untok meminda "Prevention of Corruption Act 1961" akan di-bentang semasa sidang Parlimen ini.

110. Kerajaan ada-lah berazam hendak menghapuskan rasuah dalam perkhidmatan 'awam dan sedang mengambil langkah[2] yang mustahak untok menchapai tujuan ini.

JABATAN IMIGERESEN

111. Tanggong-jawab bagi menjalankan dasar Kerajaan hendak menggan orang[2] dagang dalam perniagaan dan perusahaan dengan orang[2] Malaysia mase di-pikul oleh Pejabat Setia-usaha Mengganti Orang[2] Dagang dengan Oran Malaysia yang bekerja di-bawah arahan Pengawal Imigeresen Negara. Keputus Kerajaan mengenai ranchangan hendak mengganti orang[2] dagang dengan oran Malaysia dalam 323 buah sharikat perniagaan sedang di-laksanakan.

112. Bangunan pejabat imigeresen di-Tambak Johor bagi menguruskan kawalan perjalanan di-antara Singapura dengan Malaysia Barat akan siap di-bena tidak lama lagi dan ada-lah di-harapkan bahawa kawalan imigeresen yang lengkap terhadap orang² dari Singapura akan di-mulakan dari 1 haribulan Julai tahun ini.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

113. Dasar kerajaan hendak menyamakan sistem pendaftaran di-Sarawak dan Sabah dengan sistem di-negeri² di-Malaya sedang di-jalankan dengan sa-chepat mungkin.

Pendaftaran Negara—Di-Malaysia Barat 241,227 kad pengenalan dari-pada beberapa jenis itu telah di-keluarkan dalam tahun 1966 dan jabatan ini telah menyalut sa-banyak 304,948 kad untok Sarawak dan 21,966 kad untok Sabah.

Pendaftaran Warga Negara—Dalam tahun 1966, 68,014 sijil telah di-keluarkan untok Malaysia Barat, 11,853 sijil untok Sarawak dan 4,723 sijil untok Sabah.

LEMBAGA MENAPIS FILEM

114. Sa-telah Singapura berpisah sahaja dengan Malaysia, Kerajaan telah menubohkan Lembaga Menapis Filem-nya sendiri yang mula menjalankan tugas-nya pada 1 haribulan Julai, 1966. Sa-belum daripada itu filem² untok di-tayangkan di-Malaya telah di-tapis oleh Badan Menapis Filem Seluroh Malaya bertempat di-Singapura.

115. Dalam tahun 1966 Lembaga ini telah menguruskan 1,327 filem² karangan (feature) dan beberapa filem² pendek 'iklan, filem² berita, filem Penerangan, filem² talivishen dan filem² kepunyaan Perwakilan² negeri luar.

KEMENTERIAN HAL EHWAL SABAH DAN PERTAHANAN 'AWAM

116. Oleh kerana konferantasi telah tamat, maka kerja² Kementerian ini telah di-kurangkan dan dengan demikian anggaran perbelanjaan tahun 1967, telah di-potong sa-banyak 56 peratus.

117. Kementerian ini sedang menyusun sa-mula Pertahanan 'Awan mengikut keperluan masa aman. Ahli² Pasokan Pertahanan 'Awam telah di-kurangkan tetapi ahli²-nya yang chekap maseh bertugas di-bandar² yang besar di-Malaysia. Kementerian ini telah mengeluarkan satu perentah kapada Pasokan² Pertahanan 'Awam meminta ia menjalankan kerja² bagi mengurangkan kesusahan orang² yang di-timpa mala petaka saperti kerja menolong orang² yang kesusahan kerana banjir.

8. Oleh kerana kesusahan wang pada masa ini, maka Kementerian ini telah mengambil langkah² yang tersebut di-bawah ini:

(i) Ranchangan Amaran Serangan Udara untok Malaysia Barat dan Malaysia Timor telah di-berhentikan sementara sa-hingga arahan² baharu di-keluarkan.

(ii) Berbagai[2] jenis kereta[2] yang berlebehan bagi kegunaan Pertahanan 'Awam sedang di-pindahkan kapada Kementerian[2] dan Jabatan[2] lain sa-bagaimana yang di-arahkan oleh pehak Perbendaharaan.

(iii) Hampir[2] sa-tengah daripada jumlah pegawai/kakitangan Kementerian ini yang di-ambil bekerja sa-chara sementara telah di-berhentikan.

119. Jumlah ahli[2] Pasokan Pertahanan 'Awam ia-lah 3,600 orang dan mereka sedang berlateh saperti biasa. Jawatan-kuasa Penyama Pertahanan 'Awam (Co-ordinating Committee) di-perengkat[2] Negeri dan Bahagian maseh berjalan saperti yang sudah[2].

KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN

120. Bijeh timah, barang galian yang utama sa-kali di-Malaysia ini, maseh menjadi satu daripada tulang belakang ekonomi negara ini. Pengeluaran sa-banyak 68,886 tan dalam tahun 1966, ia-lah yang terbanyak sa-kali semenjak tahun 1941 dan 5,210 tan lebeh banyak daripada rekod yang dahulu ia-itu 63,670 tan dalam tahun 1965. Rekod ini telah terchapai oleh kerana harga bijeh timah tinggi dan dengan hal yang demikian kawasan[2] galian yang kechil telah banyak di-lombong dan juga tanah[2] yang mengandongi bijeh yang tidak berapa banyak di-kerjakan dengan memberi keuntongan. Pengeluaran dalam tahun 1967 ada-lah di-jangka akan kurang sadikit daripada pengeluaran tahun 1966. Ini tidak dapat di-elakkan oleh kerana harga bijeh timah sa-makin turun menyebabkan beberapa buah lombong yang tidak berapa banyak bijeh timah-nya di-tutup. Sunggoh pun kawasan bijeh timah yang besar[2] tiada di-dapati, tetapi pekerjaan mencharigali sentiasa di-galakkan. Beberapa kawasan yang besar[2], terutama-nya di-Perak, yang dahulu tiada di-benarkan di-jalankan usaha mencharigali dan melombong, telah di-buka dan pada masa ini telah mendapat sambutan yang baik.

121. Sunggoh pun sa-banyak tiga puloh satu buah lombong di-usahakan pada hujong tahun 1966, jika di-bandingkan dengan dua puloh tujoh buah sahaja pada penghujong tahun 1965 tetapi pengeluaran bijeh besi dalam tahun 1966, sa-banyak 5.7 juta tan ia-lah 17.8 peratus kurang daripada pengeluaran pada tahun 1965, ia-itu berjumlah 6.9 juta tan. Hal ini ia-lah di-sebabkan oleh pengeluaran beberapa buah lombong telah merosot oleh kerana bijeh besi yang tinggal sa-makin kurang. Keadaan ini akan terus berlaku dan oleh sebab itu ada-lah di-jangka pengeluaran bijeh besi pada tahun 1967 akan merosot lagi.

122. Pengeluaran bijeh bauxite dalam tahun 1966 telah bertambah daripada 843,172 tan dalam tahun 1965 menjadi 940,447 tan dalam tahun 1966. Sebab[2]-nya pengeluaran yang besar ia-lah pembeli[2] luar negeri berkehendakkan lebeh banyak lagi. Pengeluaran sa-banyak itu di-jangka tidak dapat di-kekalkan dalam tahun 1967, oleh kerana sa-buah daripada lombong[2] yang besar sudah beransor-ansor habis bijeh-nya. Walau bagaimana pun bijeh bauxite Malaysia maseh ada chukup lagi untok di-keluarkan lebeh kurang 500,000 tan tiap tahun bagi beberapa tahun yang akan datang.

123. Pengeluaran minyak mentah daripada kawasan minyak Miri di-Sarawak makin kurang. Dalam tahun 1966, 345,654 tong Amerika Sharikat telah di-keluarkan berbanding dengan pengeluaran sa-banyak 351,298 tong Amerika Sharikat pada tahun 1965. Minyak yang belum di-keluarkan di-kawasan ini makin sa-tahun sa-makin kurang tetapi di-harap dengan ada-nya usaha charigali minyak di-kawasan perayeran yang berdekatan dan usaha ini pula nampak-nya akan berjaya maka minyak yang belum di-keluarkan akan bertambah.

124. Pekerjaan mencharigali bijeh timah sa-chara kasar dalam Kawasan[2] Simpanan Melayu telah terus di-jalankan. Dalam tahun 1966, kebanyakan kerja[2] ini telah di-jalankan di-Perak. Ranchangan ini akan di-lanjutkan lagi dalam tahun 1967. Sa-hingga ini 48 kawasan simpanan Melayu telah di-charigali. Lapan belas daripada-nya di-fikirkan ada kemungkinan mengandongi bijeh timah dan orang[2], sharikat[2] dan sharikat[2] kerjasama Melayu ada-lah di-beri galakan untok menyiasat kawasan[2] ini dengan teliti dengan tujuan supaya lebeh ramai lagi orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan melombong. Peruntokan telah juga di-buat dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama untok membantu pemilek[2] tanah Melayu di-dalam kawasan[2] yang terpileh dalam kawasan simpanan Melayu, mengusahakan tanah mereka untok di-lombong.

125. Pengusaha[2] telah sa-makin chenderong kapada kawasan perayeran di-Malaysia bagi mengeluarkan bijeh timah dan minyak. Dalam tahun 1966, Continental Shelf Act dan Petroleum Mining Act telah di-luluskan oleh Parlimen. Dengan Undang[2] ini boleh-lah di-jalankan pekerjaan mencharigali dan melombong bahan[2] galian dalam kawasan perayeran dan permohonan yang telah banyak di-terima untok mencharigali bijeh timah dan minyak dalam kawasan[2] perayeran ini ada-lah sedang di-timbangkan dengan bersunggoh-sunggoh.

126. Usaha charigali geo-chemical yang di-jalankan dengan bantuan Bangsa[2] Bersatu telah berjumpa dengan kawasan[2] mengandongi tembaga di-Sabah. Jabatan Kajibumi, Wilayah Borneo, telah melanjutkan lagi pekerjaan charigali ini, termasok juga mencharigali intan. Hasil[2] usaha mencharigali ini menunjokkan bahawa kawasan[2] ini boleh di-usahakan dengan memberi keuntongan. Atas nasihat sa-orang pakar Bangsa[2] Bersatu pengusaha[2] antara bangsa telah di-pelawa membuat permohonan untok menyiasat kawasan[2] ini dengan sa-chukup-nya dengan tujuan untok di-usahakan kemudian kelak.

Pejabat Pesurohjaya Tanah

27. Dalam tahun 1966 Kanun Tanah Negara, ia-itu satu Undang[2] Tanah Per-ekutuan yang boleh di-pakai dalam semua Negeri di-Malaysia Barat telah di-uat-kuasakan. Walau bagaimana pun, sa-bagaimana yang lazim dengan mana[2] ndang[2] baharu, timbul-lah kerumitan apabila undang[2] itu hendak di-tadbirkan an apabila atoran[2] kena di-sesuaikan kerana undang[2] telah berubah itu. Untok engatasi segala kerumitan ini, Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu ah mengadakan beberapa kursus di-perengkat Negeri. Ia dan Timbalan-nya ah melawat semua Negeri menemui Pesurohjaya[2] Tanah dan Galian Negeri, mungut[2] Hasil Tanah dan Penolong[2] mereka dan menerangkan peruntokan

Kanun Tanah Negara kapada mereka. Perbinchangan[2] dalam kursus[2] itu di-dapati berfaedah kapada pegawai[2] tanah, dan Kerajaan[2] Negeri telah memberi kerjasama dengan membenarkan sa-berapa banyak pegawai yang terdapat untok menyertai kursus[2] ini. Pejabat[2] Tanah akan dapat kerap di-lawat supaya usaha[2] dapat di-jalankan bagi mengikut dengan betul peruntokan[2] dan atoran[2] yang tersebut dalam Kanun itu.

128. Oleh sebab Kanun Tanah Negara itu ia-lah satu Undang[2] Persekutuan yang tujuan-nya sa-mata-mata hendak menyatukan sistem tanah dan hak milek tanah dalam semua Negeri di-Tanah Melayu, maka Pejabat Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu telah menjadi sa-buah Pejabat perundingan dan tempat mendapat nasihat mengenai tafsiran yang betul berthabit dengan peruntokan[2] Kanun ini. Lama kelamaan sa-telah pegawai[2] tanah biasa menggunakan Kanun baharu ini dalam kerja mereka tiap[2] hari, maka ada-lah di-harapkan yang kerumitan pada permulaan itu dapat di-selesaikan. Untok mengatasi kerumitan[2] ini, pegawai[2] tanah semua Negeri di-Tanah Melayu di-kehendaki menghadziri kursus pentadbiran tanah di-Dewan Latehan, Petaling Jaya, Kuala Lumpur. Dalam tahun 1966, dua kursus telah di-adakan dan sa-banyak empat puloh lapan orang pegawai tanah telah menghadziri kursus[2] tersebut. Ada-lah di-persetujui bahawa kursus[2] saperti itu akan di-adakan empat kali sa-tahun pada tiap[2] tahun mulai tahun 1967. Dalam tahun 1966, dua puloh Pejabat Tanah telah di-lawati oleh Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu dan Penolong-nya dan salinan[2] laporan lawatan itu telah di-hantar kapada Kerajaan Negeri dan Pejabat[2] yang berkenaan.

129. Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu maseh lagi menjalankan dua tugas-nya, ia-itu sa-bagai penasehat hal[2] tanah kapada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan[2] Negeri dan Pehak[2] Berkuasa 'Awam (Public Authorities) apabila nasihat-nya di-minta, dan mengikut Undang[2] "Federal Land Commissioner Ordinance, 1957", berkenaan dengan semua harta Persekutuan yang tiada boleh di-ubah pindah termasok-lah tanah[2] Keretapi.

130. Buku daftar tanah harta Persekutuan yang di-bawah kuasa Pesurohjaya Tanah Persekutuan ada di-selenggarakan di-Pejabat Pesurohjaya Tanah. Pada Penghujong tahun lalu 1,745 lot tanah bergeran dan 2,060 lot tanah rezab Persekutuan telah di-chatetkan ka-dalam buku daftar tanah ini. Kerja menye-lenggarakan daftar ini telah berjalan dengan baik dan ada-lah di-jangka kerja ini akan siap dalam masa lima tahun lagi.

131. Sekim Penyelesaian Tanah, Kelantan dan Sekim Pentadbiran Tanah, Perlis yang betul[2] di-bawah kawalan Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu ada-lah berjalan dengan terator mengikut ranchangan masing[2]. Berkenaan dengan Sekim Pentadbiran Tanah Perlis, Kerajaan Negeri telah meluluskan satu undang[2] saperti Sekim Penyelesaian Tanah, Kelantan.

132. Sekim Penyelesaian Tanah, Kelantan sedang menjalankan kerja[2] di Daerah Kota Bharu dan akan berpindah ka-Tumpat pada tahun hadapan. Pad penghujong tahun 1966, 104,268 keping tanah dalam Daerah itu telah di-siasa dan 69,005 suratan hakmilek telah di-keluarkan.

133. Sekim Pentadbiran Tanah di-Perlis hingga masa ini telah menyiasat 9,0 keping tanah dan telah mengeluarkan 5,597 suratan hakmilek.

LEMBAGA PEMULEHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA

134. Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara telah di-tubohkan dalam tahun 1966 di-bawah Undang² (Perbadanan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara (No. 22 tahun 1966). Undang² ini telah di-kuatkuasakan mulaï 1 haribulan April, 1966. Sadikit pindaan yang kechil pada Undang² ini telah di-buat pada 12 haribulan Mei, 1966. Kuatkuasa Undang² ini ia-lah chuma di-dalam Negeri² Tanah Melayu sahaja.

135. Lembaga ini terdiri dari sa-orang Pengerusi dan sa-belas orang ahli² yang lain dengan tiga orang daripada mereka telah di-lantek oleh Majlis Tanah Negara untok mewakili Kerajaan Negeri² Tanah Melayu. Lembaga ini telah memulakan tugas-nya pada 1 haribulan Oktober, 1966 dan kakitangan² Lembaga mula di-ambil pada hujong tahun 1966 dan mulaï bertugas pada 1 haribulan Januari, 1967.

136. Mengikut sekshen 4 Undang² ini tugas Lembaga ini ia-lah memulehkan dan memajukan:

(*a*) sa-barang tanah Kerajaan Negeri (termasok-lah tanah² di-dalam Kumpulan Penempatan) sama ada dengan chadangan Lembaga sendiri dan mendapat kebenaran dari Pehak Berkuasa Negeri atau pun atas permintaan dari Pehak Berkuasa Negeri; dan

(*b*) sa-barang tanah milek dengan permintaan tuan yang empunya tanah dan dengan sharat² yang di-persetujuï oleh tuan yang empunya tanah dan Lembaga.

Di-samping itu, Lembaga ini boleh menyatukan tanah² yang tidak ekonomik atau tanah² kechil di-dalam Negeri² Tanah Melayu yang berselerak dengan persetujuan tuan yang empunya tanah atau dengan membeli tanah² itu. Tetapi sa-belum sa-barang pekerjaan penyatuan di-mulakan, satu penyiasatan yang teliti perlu di-jalankan ka-atas tanah² milek terutama sa-kali tanah² padi, yang ada terdapat masa'elah sewa menyewa supaya satu jalan yang baik boleh di-dapati bagi mengatasi masa'elah² berkaitan dengan penyatuan tanah dan juga satu pelan yang sesuai dapat di-sediakan bagi menjalankan segala pekerjaan penyatuan tanah itu.

137. Lembaga ini akan menumpukan tenaga-nya kapada Ranchangan Tanah Pinggir dan Ranchangan Tanaman Petakan Baharu (New Block Planting). Pada tahun 1967 Lembaga ini telah berchadang untok memulakan pemulehan tanah sa-bagai projek perintis di-tiga atau empat Ranchangan Tanah Pinggir di-bawah penyeliaan L.K.T.P. Lembaga telah memileh projek perintis yang berikut untok pemulehan Ranchangan Tanah Pinggir dalam tahun 1967:

Nama Ranchangan	Tempat dan Negeri	Luas-nya
(1) Ranchangan Tanah Pinggir Gong	Temerloh, Pahang	936 ekar
(2) Ranchangan Tanah Pinggir Rasau	Slim River, Perak	568 „
(3) Ranchangan Tanah Pinggir Ayer Hitam	Kuala Pilah, Negeri Sembilan	1,761 „

Chara[2] Lembaga ini memulehkan Ranchangan[2] Tanah Pinggir ia-lah dengan sa-chara konterek sa-hingga di-satu masa kelak apabila Lembaga akan menyerahkan ranchangan tersebut kapada peserta[2] jika di-fikirkan ranchangan[2] ini boleh selamat. Tetapi sa-takat mana yang boleh, konterekter akan mengambil buroh[2]-nya dari peserta[2] untok bekerja dalam ranchangan[2] itu.

138. Saperti L.K.T.P., segala perbelanjaan kemajuan akan di-kira sa-bagai pinjaman kapada peserta[2] dan perbelanjaan pentadbiran akan di-kira sa-bagai pemberian perchuma dari Kerajaan Pusat.

139. Kenyataan[2] tender Ranchangan Tanah Pinggir Gong telah di-keluarkan. Kerja[2] pemulehan ada-lah di-jangka akan di-mulakan sama ada dalam bulan April atau Mei, 1967. Untok dua Ranchangan yang lain kerja pemulehan akan di-mulakan di-dalam bulan Mei atau Jun 1967. Sa-telah memperoleh pengalaman dari projek panduan ini dan sa-telah pegawai[2] luar di-lateh oleh L.K.T.P., Lembaga ini akan memulehkan beberapa Ranchangan Tanah Pinggir dalam tahun 1968. Dengan kerjasama dan pertolongan yang sa-penoh-nya dari L.K.T.P. dan Kerajaan Negeri, Lembaga ini mempunyai harapan dapat menyelamatkan beberapa Ranchangan[2] Tanah Pinggir yang tidak memuaskan.

Jabatan Hutan

140. Sa-telah melaksanakan dua ranchangan pembangunan dengan jaya-nya Jabatan Hutan telah membentangkan empat belas projek pembangunan dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Kerja[2] bagi menjalankan projek[2] ini sedang berjalan dengan baik. Satu daripada projek[2] itu ia-lah membuka sa-buah ladang pemandu di-tanam dengan pokok[2] jenis yang chepat tumboh. Jabatan Hutan dalam sa-puloh tahun yang lalu telah membuat perchubaan[2] menanam berbagai[2] jenis pokok pine dalam kawasan[2] kechil di-beberapa tempat dalam Negeri ini. Daripada perchubaan[2] itu di-dapati ada beberapa jenis pokok pine yang sesuai di-tanam di-negeri ini. Sekarang ini ada-lah di-ranchangkan hendak meneruskan perchubaan[2] itu dengan menanam jenis[2] itu dalam ladang[2]. Tujuan projek ini ia-lah hendak mengadakan chukup kayu[2] yang sesuai bagi di-buat pulpa dan kertas.

141. Sa-lain daripada projek ini ada beberapa projek penyelidekan yang sedang di-jalankan di-Ma'mal Penyelidekan Kayu (Timber Research Laboratory). Dalam penyelidekan ini perchubaan[2] di-buat bagi mengkaji sama ada kayu kayan dari beberapa jenis[2] yang di-dapati dalam negeri ini dan juga dari luar negeri itu sesuai bagi di-buat pulpa.

142. Satu pasokan Pegawai[2] Hutan sedang menjalankan kerja berkenaan dengan Pemetaan Tinjauan Hutan untok negeri ini, bersama[2] dengan bahagian Pemetaan Jenis Tanah, Jabatan Perdana Menteri. Dalam tahun lalu, kerja membuat peta ini telah selesai di-jalankan bagi sa-bahagian Negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pahang.

143. Pengeluaran kayu[2] balak dan hutan[2] dalam Negeri[2] Tanah Melayu dalam tahun 1966 ada-lah terbanyak sa-kali daripada yang pernah di-keluarkan dalam tahun[2] yang lalu, ia-itu sa-banyak 2,691,360 tan. Jumlah ini ia-lah 413,660 tan

lebeh daripada banyak yang di-keluarkan dalam tahun 1965. Jumlah chukai yang di-pungut dari kayu kayan yang di-keluarkan dalam tahun lalu ia-lah lebeh kurang tiga puloh satu juta ringgit.

144. Oleh kerana kayu kayan yang di-keluarkan dalam tahun lalu itu banyak dan di-dapati lebeh daripada yang di-kehendaki oleh kilang^2 papan maka orang^2 yang mempunyai surat kebenaran atau lesen dengan tempoh yang panjang telah di-beri kebenaran mengeksepot kayu kayan itu. Langkah melonggarkan sekatan mengenai mengeksepot kayu kayan ini di-ambil ia-lah kerana hendak membantu pembalak^2 yang mengeluarkan kayu balak berlebeh^{2}an, menjual kayu balak mereka supaya tidak menjadi bertimbun^2 di-pasar tempatan.

145. Dalam perkara kayu yang telah di-gergaji pula, perdagangan mengeksepot kayu^2 ini telah juga meningkat maju. Dalam tahun lalu sa-banyak 338,274 tan yang telah di-gergaji telah di-eksepot ka-tiga puloh sembilan buah negeri; ini berma'ana-lah yang wang luar negeri telah di-bawa masok ka-negeri ini.

146. Bilangan kakitangan dalam Jabatan Hutan maseh lagi amat kurang. Pada penghujong tahun 1966 empat orang siswazah dari Universiti Australia telah balek memegang jawatan dalam Jabatan Hutan. Tambahan ini sa-patut-nya dapat mengurangkan kekurangan pegawai^2 kanan, tetapi malang-nya tiga orang Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Jabatan itu telah berhenti kerja kerana hendak masok bekerja dengan MARA dan Sharikat Guthrie.

147. Dalam bulan September, 1966 Jabatan Hutan telah mengadakan Persidangan Perhutanan Seluroh Malaysia Yang Pertama yang di-sambut dengan baik-nya oleh semua Pegawai^2 Hutan di-Malaysia Timor dan juga di-Malaysia Barat. Sa-banyak sa-ratus lima puloh orang wakil telah turut serta dalam Persidangan itu. Dalam bulan November, satu Persidangan Pembenaan Kayu dan Pameran Kayu Kayan telah di-adakan yang juga menchapai kejayaan yang gemilang.

148. Bilangan Bumiputra yang menyertai dalam perusahaan dan perdagangan kayu kayan di-dapati sa-makin bertambah. Dalam tahun 1965 jumlah lesen dan permit yang di-keluarkan kapada mereka ia-lah sa-banyak 612 dan pada penghujong tahun 1966 jumlah ini bertambah menjadi 682. Kemajuan ini amat-lah menggalakkan tetapi penyertaan mereka dalam menjalankan kerja^2 perusahaan dan perdagangan itu belum lagi nyata. Sunggoh pun lesen dan permit bagi mereka itu telah bertambah, lebeh daripada jumlah dalam tahun 1965, tetapi belum jelas yang mereka chergas menyertai dalam bidang ini. Di-antara sebab^2-nya ia-lah kekurangan modal dan pengetahuan dalam selok belok perniagaan kayu kayan. Walau bagaimana pun lama kelamaan Bumiputra itu akan mendapat pengalaman dan akan meningkat maju bersama-sama dengan orang^2 lain.

149. Sa-buah Pusat Penyelidekan Kegunaan Pengeluaran Hutan akan di-tubohkan di-Malaysia untok memperhebatkan kerja^2 yang di-jalankan mengenai keluaran^2 hutan supaya kegunaan lebeh banyak lagi hasil^2 hutan yang luas itu dapat di-maju dan di-tambah dengan chekap-nya.

150. Satu perwakilan pakar² dari Ibu Pejabat Pertubohan Bangsa² Bersatu di-jangka akan mengkaji sama ada berfaedah atau tiada penubohan Pusat itu; serta mengkaji dapat atau tiada menggunakan wang dari Kumpulan Wang Khas Bangsa² Bersatu bagi melancharkan-nya.

JABATAN UKOR

151. Beberapa kemajuan dalam perkara pemetaan rupabumi telah di-chapai dalam tahun 1966; sa-banyak 1,637,729 keping peta telah di-terbitkan; kerja² pemetaan Malaysia Barat dengan sekil satu inchi bagi satu batu telah selesai sa-paroh, dan kerja² pemetaan Malaysia Timor pula telah selesai tiga puloh peratus. Sayugia di-ingatkan ia-itu pemetaan kawasan Malaysia Timor ada-lah untok menentukan dengan betul-nya dalam peta akan sempadan antara-bangsa dengan Indonesia buat kali pertama-nya dalam sejarah. Kejayaan ini di-antara lain telah terchapai dengan kerjasama pegawai² dan kakitangan serta dengan sokongan yang telah di-beri oleh wakil² pemetaan British.

152. Tahun 1966 akan di-ingati sa-bagai tahun yang bersejarah bagi Jabatan Ukor kerana dalam tahun ini Malaysia Barat telah dapat di-gambar dari udara dengan satu sekil yang sama dan dalam masa yang singkat. Pekerjaan ini telah di-siapkan sa-telah di-jalankan penerbangan sa-jauh 24,000 batu dan di-terbit-kan sa-banyak 150,000 keping gambar dan telah di-jalankan dengan kerjasama Kerajaan Canada yang telah membiayai sa-bahagian besar perbelanjaan itu di-bawah Bantuan Ranchangan Colombo. Gambar² ini bukan sahaja berguna besar kapada Jabatan Ukor bahkan kapada pakar² kehutanan, pertanian, peranchangan dan lain².

153. Perpustakaan Peta Negara telah di-tubohkan supaya dapat di-sediakan gambar² udara dan ma'alumat² ukor yang di-jangka sa-makin bertambah banyak di-kehendaki. Perpustakaan ini boleh di-gunakan oleh jabatan² Kerajaan dan orang ramai dan akan menjadi satu lagi tempat yang penting bagi rekod² kebangsaan Malaysia.

154. Kerja di-luar telah di-tumpukan untok menyiapkan penyambongan alataras jodesi dengan Negeri Thai, mengadakan ukoran tarekan di-Sarawak dan pada umum-nya menguatkan kawalan ukor di-Malaysia Timor. Di-samping ini, pegawai² penghitong di-pejabat dengan sokongan yang kuat dari pegawai² penghitong yang menggunakan penghitong letronik di-Amerika Sharikat, telah menyempurnakan pelarasan penigasudutan bagi Malaysia Barat bagi pertama kali-nya.

155. Menurut sa-bagaimana yang di-kehendaki bagi Ranchangan Pembangunai Negara dan Luar Bandar sa-banyak 46,875 lot tanah telah di-ukor. Pada me nyempurnakan kerja ini usaha² telah di-jalankan untok mengukor dari udai (reconnaissance surveys) dan menandakan pembarisan jalan² bagi Ranchanga Pembangunan dengan menggunakan alat theodolite sa-jauh lebeh daripada s puloh ribu batu. Sunggoh pun lot yang di-ukor itu kurang daripada tahun ya lalu tetapi lot² yang belum lagi di-ukor atau di-tandakan sempadan-nya dan l yang belum di-uruskan oleh pejabat telah nyata kurang.

156. Sunggoh pun sa-telah tamat konfrantasi tidak kurang juga orang berkehendakkan peta² rupabumi, tetapi ada-lah menjadi dasar Jabatan ini hendak bersunggoh-sunggoh menerbitkan peta², foto² udara dan ma'alumat² ukor bagi pembangunan negeri ini. Ranchangan pemetaan yang besar² telah pun siap bagi kawasan ranchangan Jengka Triangle, kajian pembangunan Negeri Terengganu, kajian menchegah banjir di-Malaysia Barat dan beberapa banyak ranchangan² pembangunan yang lain. Jabatan ini juga memberi sumbangan untok satu Peta Negara, kajian bumi dan tentang penggunaan peta² dan ilmu² khas yang lain.

157. Untok meninggikan mutu kawalan bagi pengarasan di-Malaysia, satu kajian sedang di-jalankan untok menempatkan steshen² tolak pasang-surut di-beberapa tempat di-tepi pantai. Sa-lain daripada menyediakan bahan² bagi pengkajian saintifik ka-atas negeri ini, steshen² ini akan menyediakan ma'alumat² bagi pengkajian menchegah banjir dan lain² projek yang sa-umpama itu.

158. Ada-lah di-chadangkan hendak meminta bantuan Kerajaan Canada untok mengambil gambar seluroh Negeri Sabah dari udara sa-bagai satu chara hendak menchepatkan kerja² ukor dan lain² kajian kawasan itu. Projek ini ada-lah sama saperti yang telah di-jalankan di-Malaysia Barat dan akan berguna bagi pembangunan kawasan itu.

159. Oleh sebab kerja² pemetaan Malaysia Barat telah berjalan dengan pesat-nya dengan ada-nya foto udara yang baik dan oleh kerana kawalan di-darat telah siap maka kena-lah di-buat ranchangan jangka-panjang bagi memberhentikan pekerja² I.M.G.

160. Dalam hal ukor geran, Jabatan Ukor akan terus menerus menjalankan kerja mengukor kawasan² Ranchangan Kemajuan Tanah. Harus-lah mustahak mengupah Juru² Ukor Berlesen untok membuat beberapa banyak kerja² yang akan di-hantarkan ka-Pejabat ini, terutama-nya dari Negeri Pahang.

161. Semua pegawai² di-dalam Jabatan ini terdiri daripada anak-negeri, melainkan sa-orang sahaja yang berpangkat tingkatan-biasa.

Jabatan Kajibumi

MALAYSIA BARAT

62. Dalam tahun lalu, rombongan² kerja luar Jabatan Kajibumi telah giat elaksanakan projek jangka-panjang membuat satu peta sa-chara terator dengan oran 1″-1 batu untok seluroh negara. Sa-masa itu juga Pegawai Kajibumi ah di-tugaskan menyiasat projek² jangka-pendek yang penting dan berkaitan gan kemajuan ekonomi yang di-ranchangkan bagi Malaysia Barat. Penyia-n Kajibumi bagi sekim pembekalan ayer Kuala Lumpur untok memenohi ntaan ayer yang bertambah-tambah banyak-nya bagi keperluan urusan ah tangga dan perusahaan telah pun selesai. Pemetaan tanah pada asas-nya projek Kemajuan Tanah Jengka Triangle yang penting itu pun telah juga ai. Sa-lain daripada itu nasihat Kajibumi kapada kaum pelombong, kajian

bagi kejadian[2] bijeh, bantuan dalam kerja memaju, membahagi[2] dan menyelidek ayer bawah tanah, dan kajian rupa bumi bagi tapak[2] pembenaan kejuruteraan telah pun di-uruskan. Chara[2] baharu dan yang chepat dalam menganalisa di-ma'mal[2] khusus-nya dalam teknik analisa X-ray telah pun di-siasat dan di-gunakan dengan jaya-nya.

163. Dasar[2] masa hadapan Jabatan Kajibumi tidak bertukar. Dasar[2] ini ia-lah hendak menyelesaikan pemetaan tanah seluroh Malaysia Barat yang akan menjadi asas bagi mendapat satu anggaran yang boleh di-pakai mengenai galian[2] yang ada dalam negeri ini, menjalankan penyiasatan yang lengkap bagi kejadian[2] galian apabila membuat peta kawasan[2] bergalian itu, dan mengkaji keadaan rupa bumi timbunan[2] ekonomik supaya dapat di-buat satu asas untok menchari dan menentukan tempat timbunan[2] galian di-masa hadapan. Jabatan Kajibumi akan terus membantu Kerajaan mengenai dasar[2] kegunaan-tanah, menggali galian dalam kawasan[2] yang di-tandakan untok di-majukan, membuat kajian geohydrological saperti bekalan ayer bawah-tanah dan menyiasat tapak[2] ampang haidero-letrik, dan mengembangkan dan memajukan chara[2] analisa galian dan kimia bagi faedah ra'ayat. Kerja memungut pengetahuan mengenai rupa bumi dan menyemak-nya bersama-sama dengan pengetahuan asas rupa bumi akan lama-kelamaan membawa kita memahami rupa bumi Malaysia Barat yang amat penting bagi pembangunan dan kemajuan susunan sosial dan ekonomi Malaysia.

KAWASAN BORNEO

164. Kejayaan Pejabat Kajibumi di-Malaysia Timor yang istimewa dalam masa tahun yang lalu ia-lah penyiapan kerja kajibumi dan charigali di-kawasan Charigali Tembaga Mamut yang bergunong ganang dekat Gunong Kinabalu. Banyak sharikat lombong tembaga telah tertarek hati dengan hasil kerja itu, dan permohonan[2] daripada beberapa buah sharikat yang besar[2] hendak melombong kawasan Mamut sedang di-timbangkan oleh Kerajaan Sabah.

165. Pejabat Kajibumi terus memberi nasihat kapada Kerajaan Sarawak dan Sabah mengenai perkara minyak dan melombong. Perundingan khas untok mengeluarkan dan menukar lesen charigali minyak di-laut telah di-selesaikan bagi kira[2] tujoh ribu batu persegi kawasan perayeran menjadikan jumlah yang berlesen tujoh puloh ribu batu persegi dan di-agak perbelanjaan Sharikat[2] minyak bagi penyelidekan di-Malaysia Timor akan bertambah hingga tiga puloh juta ringgit dalam tahun 1967.

166. Kerja mengukor yang biasa dan menerbitkan buku[2] terus di-buat oleh Pejabat Kajibumi, Bahagian Borneo, dengan sa-chepat mungkin yang terdaya oleh kakitangan-nya yang sadikit. Kerja membuat peta bumi bagi tiga kawasan telah siap dan peta[2] dan penyata[2] sedang di-sediakan untok di-chetak. Di-Sarawak, kerja[2] baharu yang di-jalankan ia-lah membuat peta tanah liat (kaolonitic) dan mencharigali tembaga chara geochemical di-Bahagian Kedua, sedangkan di-Sabah bumi Semenanjong Sandakan sedang di-buat peta-nya dengan lengkap dan kerja telah di-mulakan bagi menyiasat bumi dan geochemical bagi kawasan sa-luas tiga ribu batu persegi di-Lembah Segama.

JABATAN MERGESTUA

167. Tugas Jabatan Mergestua yang utama ia-lah memelihara, melindongi serta mengawal binatang[2] liar. Dalam hal memelihara binatang[2] liar dalam Jabatan ini ada sa-orang pakar Ranchangan Colombo yang mula bertugas pada bulan Oktober, 1966. Pakar ini. Dr. W. E. Stevens berijazah Ph. D, pada masa ini membuat penyelidekan berkenaan dengan Kawasan[2] Perlindongan Mergestua yang telah sedia ada dan ia akan membuat ranchangan untok mengadakan lebeh banyak lagi Kawasan[2] Perlindongan Mergestua sa-bagaimana yang di-tetap-kan dalam dasar Kerajaan fasal menggunakan tanah.

168. Oleh kerana tempat[2] tinggal dan kemudahan[2] lain di-Taman Negara di-tambah maka pada tahun yang lalu bertambah-tambah ramai-lah pelanchong[2] dari luar dan dalam negeri melawat ka-Taman Negara. Hasil yang di-pungut pada tahun 1966 ia-lah sa-banyak $26,233.35, ia-itu lebeh banyak daripada hasil tahun 1965 yang berjumlah $18,705.89. Usaha[2] memelihara mergestua dan tumbohan[2] di-Taman Negara itu ada-lah untok faedah semua orang.

169. Wang sa-banyak $200,000 akan di-belanjakan untok menambah tempat[2] tinggal dan lain[2] kemudahan di-Taman Negara supaya chukup untok kegunaan orang yang sa-makin banyak datang melawat ka-sana. Rumah[2] kakitangan di-Taman Negara akan juga di-perelokkan lagi pada tahun ini.

JABATAN ORANG ASLI

170. Ranchangan Pembangunan Luar Bandar untok Orang[2] Asli dalam tahun 1966 telah berjaya. Sembilan ranchangan perumahan telah di-siapkan dan dengan yang demikian lebeh kurang 1,200 Orang Asli telah mendapat rumah di-beberapa tempat. Sa-lain daripada itu beberapa projek pertanian yang kechil[2] telah di-jalankan. Projek[2] ini termasok-lah pemberian binatang[2] ternakan, beneh[2] tanaman dan mengorek kolam[2] ikan.

171. Dalam tahun lalu tiga buah sekolah telah di-bena untok kanak[2] Orang Asli yang tinggal jauh dari masharakat[2] lain. Sekarang ini ada 78 buah sekolah khas saperti itu. Lebeh daripada empat ribu orang kanak[2] sedang menuntut di-sekolah[2] yang di-selenggara oleh Jabatan ini atau di-sekolah[2] biasa. Kelas[2] dewasa juga sedang di-adakan di-balai[2] raya yang di-bena oleh Jabatan ini dalam beberapa kampong Orang Asli dan lebeh kurang 3,500 Orang Asli sedang menuntut di-kelas[2] ini.

172. Perkhidmatan perubatan kapada Orang Asli ada-lah tersusun dengan baik-nya. Sa-hingga hujong tahun lalu, 18,340 Orang Asli telah di-rawat di-Pos[2] Perubatan di-dalam hutan. 808 orang telah di-rawat di-dua buah Rumah Sakit Orang Asli, ia-itu di-Gombak dan di-Kuala Lipis. Di-hitong panjang sa-ramai 195 Orang Asli telah di-rawat di-Rumah Sakit Gombak tiap[2] hari, dan bilangan beranak sa-makin bertambah banyak daripada yang mati. Dari 1 haribulan Julai hingga 30 haribulan September tahun lalu 1,730 Orang Asli telah di-rawat dengan X-ray. Maka nampak benar yang usaha[2] Jabatan ini hendak memberi kemudahan[2] perubatan kapada Orang Asli ada-lah berjaya.

173. Kerajaan akan terus berusaha meninggikan lagi taraf sosial dan ekonomi Orang Asli dengan memperhebatkan lagi ranchangan[2] kemajuan luar bandar, pelajaran dan kesihatan. Banyak lagi projek[2] saperti ini di-ranchang untok di-jalankan dalam tahun ini, sa-bagaimana yang tersebut dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Tidak shak lagi usaha[2] pembangunan ini akan meninggikan lagi taraf hidup Orang Asli dan dengan yang demikian lama kelamaan mereka akan dapat hidup bersama-sama dengan lain[2] ra'ayat negara.

KEMENTERIAN KE'ADILAN

174. Jabatan ini telah mengalami kesulitan oleh kerana kekurangan kakitangan semenjak dasar memenohi jawatan[2] dengan orang[2] Malaysia di-mulakan. Suatu ranchangan sa-chara segera telah di-jalankan untok mengatasi kekurangan itu. Sa-banyak lima belas biasiswa untok pelajaran menuntut 'ilmu undang[2] telah di-beri dalam tahun 1966 dan sa-banyak itu juga akan di-beri pada tiap[2] tahun bagi tahun 1967 dan tahun 1968. Apabila penuntut[2] ini kembali kelak maka masaelah tentang kakitangan jabatan ini dapat-lah di-selesaikan.

175. Pekerjaan menterjemahkan undang[2] ka-dalam Bahasa Kebangsaan ada-lah berjalan dengan maju-nya tetapi pekerjaan ini tidak dapat di-jalankan dengan chepat oleh kerana kesukaran mendapat penterjemah[2] undang[2] yang berpengalaman. Sa-tengah[2] Rang Undang[2] yang di-bentangkan dalam Parlimen sekarang ini ada-lah di-gubal dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan. Berikutan dengan terkanun-nya Act Bahasa Kebangsaan, 1967, langkah[2] sedang di-jalankan untok menambah bilangan kakitangan supaya jabatan ini boleh menjalankan kerja[2] yang sa-makin bertambah di-sebabkan oleh Act Bahasa Kebangsaan itu.

176. Undang[2] bagi Negeri[2] Malaysia Timor yang telah di-ishtiharkan sa-bagai Undang[2] Persekutuan kebanyakan-nya telah di-chetak sa-mula dan naskhah[2]-nya yang berjilid telah dapat di-adakan untok 'awam. Pekerjaan pengubahan telah hampir selesai. Undang[2] Persekutuan yang telah di-jalankan kuat-kuasa-nya di-Negeri[2] Malaysia Timor dalam tahun yang lalu termasok-lah undang[2] berkenaan dengan Pemegang Amanah 'Awam, Pendaftaran Negara, Loteri Kebajikan Masharakat dan Pilehanraya. Dengan Undang[2] Pilehanraya itu berjalan kuat-kuasa-nya di-Negeri[2] itu maka dapat-lah di-adakan pilehanraya sa-chara langsong di-Negeri[2] itu. Kerja sedang di-jalankan sekarang ini untok mengeluarkan chetakan[2] sa-mula bagi undang[2] Persekutuan itu yang naskhah[2]-nya kekurangan sekarang ini.

177. Dalam tempoh yang di-kaji ini, kemajuan yang di-perolehi oleh Jabatan Kehakiman ada-lah saperti berikut:

(*a*) Sa-orang Hakim dagang Mahkamah Persekutuan telah bersara dan tiga orang ra'ayat Malaysia, ia-itu dua daripada-nya dari Perkhidmatan Perundangan Persekutuan dan sa-orang lagi dari Peguam[2] tempatan (local Bar) telah di-lantek menjadi Hakim.

(*b*) Tiga orang pegawai yang sedang berkhidmat telah di-beri biasiswa bagi tahun 1966 untok menuntut 'ilmu undang[2] di-United Kingdom dengan tujuan untok di-panggil ka-English Bar. Dalam tempoh ini dua orang penuntut biasiswa kehakiman telah kembali dari United Kingdom sa-telah tamat Pepereksaan Bar Final, dan mereka itu telah di-lantek untok berkhidmat dalam Perkhidmatan Perundangan Persekutuan.

(*c*) Pembenaan sa-buah bangunan Mahkamah baharu, di-Jesselton maseh di-jalankan dan bangunan ini di-jangka siap pada hujong tahun 1967. Bangunan Mahkamah baharu, Kuala Selangor yang mula di-bena pada bulan Februari, 1967, akan siap pada hujong tahun ini.

178. Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Muflis telah di-susun sa-mula menjadi dua Jabatan yang berasingan mulaï daripada 1hb November, 1966. Jabatan Pemegang Amanah Raya, ada-lah sekarang ini di-ketuaï oleh Pemegang Amanah Raya, Malaysia.

179. Jabatan Pemegang Amanah Raya itu sudah pun sekarang bertanggong-jawab bagi seluroh Malaysia. Undang[2] Pemegang Amanah tahun 1949 telah di-jalankan kuat-kuasa-nya di-Negeri[2] Borneo dalam bulan Jun, 1965 oleh undang[2] "Trustee Investment Act tahun 1965". Undang[2] "Public Trustee Ordinance, 1950" bersama[2] dengan undang[2] tambahan (Subsidiary Legislations) yang di-perbuat di-bawah-nya telah di-jalankan kuat-kuasa-nya di-Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dalam bulan Mach, 1966 oleh Perentah yang di-namakan Modification of Laws (Extension to Borneo State) Order 1966. Tindakan sedang di-ambil untok menjalankan kuat-kuasa Undang[2] Wasiat dan Pentadbiran, 1959 (Probate and Administration Ordinance, 1959), mula[2] di-Negeri Sabah pada tahun ini dan kemudian di-Negeri Sarawak.

180. Dua Chawangan Pejabat bagi Jabatan itu telah di-buka di-Malaysia Timor, sa-buah di-Jesselton dan yang sa-buah lagi di-Kuching. Ra'ayat dua buah Negeri ini yang menggunakan perkhidmatan Pejabat Chawangan itu banyak juga dan tidak shak lagi pada masa yang akan datang bertambah[2] banyak lagi ra'ayat akan datang untok menggunakan perkhidmatan Jabatan itu dalam pentadbiran amanah dan pesaka.

181. Di-Malaysia Barat, usaha memperbesarkan Jabatan Pemegang Amanah Raya ada-lah berjalan dengan giat-nya. Kerja mengadakan sa-buah Chawangan Pejabat di-Seremban untok ra'ayat Negri Sembilan telah di-ator dan di-harap sa-buah Chawangan Pejabat lagi dapat di-adakan tiada berapa lama lagi di-Kangar untok Negeri Perlis. Apabila siap Chawangan Pejabat di-Kangar itu tiap[2] 13 buah Negeri Malaysia akan mempunyaï Chawangan Pejabat Jabatan Amanah Raya.

182. Kerja dalam Jabatan Pemegang Amanah Raya makin bertambah banyak. Bertambah banyak ra'ayat datang menggunakan perkhidmatan yang di-beri oleh Jabatan itu dalam mentadbirkan amanah dan pesaka dan juga membuat Surat[2] Wasiat. Jabatan Pemegang Amanah Raya yang termasok Pentadbir Pesaka, dalam menjalankan kerja-nya, ada-lah memberi pertolongan yang besar kapada

ra'ayat dalam hal kemasharakatan dan perundangan. Tujuan Pemegang Amanah Raya pada masa yang lalu dan juga pada masa yang akan datang, ia-lah hendak menyamakan tugas-nya dengan tugas pemegang amanah bersendirian.

183. Dalam susunan yang baharu ini pekerjaan Pegawai Muflis ada-lah untok Negeri[2] Tanah Melayu sahaja. Sekarang tindakan sedang di-ambil untok mengadakan Undang[2] Muflis dan Peratoran[2] Muflis (Bankruptcy Act and Bankruptcy Rules) yang sama bagi seluroh Malaysia, supaya undang[2] muflis Negeri Sabah dan Negeri Sarawak di-mansokhkan. Undang[2] dan Peratoran[2] yang di-chadangkan itu telah di-buat deraf-nya dan sedang di-timbangkan oleh Peguam Negara.

184. Menurut Undang[2] Sharikat, 1965 Pegawai Muflis, Tanah Melayu juga bertugas sa-bagai Pegawai Penerima hingga Federal Bankruptcy Act berjalan kuat-kuasa-nya. Peratoran[2] Pembubaran Sharikat[2] (Companies Winding-up Rules), Malaysia yang baharu telah di-buat deraf-nya dan sedang di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa Peratoran[2] (Rules Committee).

185. Pada tahun ini sa-buah Chawangan Pejabat akan di-buka di-Kota Bharu di-ketuai oleh sa-orang Pegawai bagi menjalankan kerja muflis di-Pantai Timor Malaysia Barat ia-itu sampai ka-Kuala Trengganu dan Kuantan. Pada masa ini kerja bagi Pantai Timor Malaya itu di-buat dengan kesusahan oleh Ibu Pejabat di-Kuala Lumpur.

KEMENTERIAN KEBAJIKAN 'AM

186. Kerajaan akan terus mengembang dan mengokohkan perkhidmatan[2] kebejikan supaya mereka yang serba kekurangan, chachat, miskin, kanak[2] yang perlukan didekan dan perkhidmatan dan budak[2] nakal dapat merasai ne'mat hidup yang lebeh sempurna.

187. Dalam sa-tahun yang lalu, kerja mengembang dan meluaskan perkhidmatan[2] untok orang[2] chachat chedera telah banyak di-jalankan. Satu kempen penerangan telah di-lancharkan dengan jaya-nya pada tahun yang lepas untok menyedarkan orang ramai akan kebolehan orang[2] chachat, ia-itu jika mereka diberi latehan yang sesuai dan di-didek menyesuaikan diri, mereka boleh bekerja dengan sa-penoh tenaga dan menchari nafkah sendiri. Sa-buah Badan Pemasaran yang menjadi sa-bahagian yang penting dalam perkhidmatan pemulehan bagi orang[2] chachat akan di-lancharkan pada tahun ini untok menolong pekerja[2] di-rumah dan dalam wokshop[2] yang di-lindongi untok menjual barang[2] buatan mereka.

188. Perkhidmatan[2] pemulehan bagi budak[2] nakal telah di-luaskan lagi sa-telah di-adakan perkhidmatan akhlak di-Sabah dan Sarawak dan sa-telah siap sa-buah Rumah Tahanan/Asrama yang baharu di-Pulau Pinang pada awal tahun yang lepas untok budak[2] nakal. Sa-buah lagi Rumah Tahanan/Asrama sedang di-ranchangkan untok Negeri Sabah pada tahun ini.

189. Perkhidmatan[2] yayasan bagi pengemis[2] dan kuturayau[2] akan terus di-perluaskan lagi pada tahun ini. Kerja membena sa-buah Rumah baharu di-Johor untok orang[2] tua dan yang melarat, termasok kuturayau[2], akan di-mulakan dalam tahun ini, dan sa-lain daripada itu sa-tengah daripada Rumah[2] yang ada sekarang akan di-besarkan untok mengambil masok lagi pengemis[2] dan kuturayau[2] sa-telah di-adakan Undang[2] Kuturayau dahulu.

190. Perkhidmatan[2] bagi perempuan[2] dan gadis[2] yang terdedah kapada bahaya keruntohan akhlak akan juga terus mendapat perhatian Kerajaan. Kerja mem-bena sa-buah Rumah Perlindongan di-Terengganu bagi pemulehan perempuan[2] yang sa-umpama itu akan di-mulai dalam tahun ini.

191. Perkhidmatan bagi kanak[2] yang perlukan didekan dan perlindongan akan juga di-perluaskan. Peranchangan awal untok membena sa-buah Rumah Kanak[2] yang baharu sedang giat di-usahakan untok menerima kanak[2] yang datang daripada Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

192. Perkhidmatan bagi orang[2] sakit melarat yang di-usahakan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan juga mendapat perhatian yang khas. Kerja membuat ranchangan awal telah banyak di-siapkan dan ranchangan ini akan di-jalankan sa-takat mana yang termampu.

193. Ranchangan[2] yang merata untok membaiki dan meninggikan taraf hidup ra'ayat saperti yang terkandong di-dalam Ranchangan Gerakan Maju sedang di-beri keutamaan. Pekerja[2] kebajikan akan di-minta menyertai ranchangan ini dan mereka akan memainkan peranan yang lebeh besar pada menggerakkan kumpulan[2] masharakat supaya mempunyai hasrat dan chita[2] yang lebeh tinggi, semangat menolong diri sendiri dan menggalakkan ra'ayat mengambil bahagian dalam Ranchangan Gerakan Maju.

194. Latehan sambil bekerja bagi kakitangan akan di-perluaskan dan kerja membena sa-buah Pusat Latehan Berasrama akan di-mulakan pada awal tahun ini sa-kira-nya wang di-sediakan.

195. Bantuan akan terus di-beri kapada tanggongan orang[2] tahanan. Ranchangan pemulehan bagi mangsa[2] banjir yang menanggong penderitaan dan kerugian akibat ayer bah yang berlaku awal tahun ini akan terus mendapat pandangan Kerajaan dalam tahun ini.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

'Am

196. Pada penghujong tahun 1966 Kementerian ini mula mempunyai beberapa orang pegawai[2]-nya sendiri di-perengkat negeri dan daerah tetapi hampir sa-panjang tahun itu Kementerian ini terpaksa mengharapkan pertolongan daripada pegawai[2] Jabatan Kebajikan Masharakat menjalankan kerja[2]-nya di-perengkat negeri dan daerah. Ada-lah di-harapkan bahawa dalam tahun 1967 Kementerian ini akan mempunyai pegawai[2]-nya sendiri di-perengkat negeri dan juga di-perengkat daerah supaya kerja[2] dan tugas[2] Kementerian dapat di-jalankan dengan lebeh tegas lagi.

197. Pada tahun 1966 dua ranchangan baharu telah di-laksanakan oleh Kementerian ini di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Pertama, ia-itu pembenaan pusat[2] pelbagai-guna dan penubohan Angkatan Belia Pelupor Negara.

198. Dalam tahun yang tersebut Kementerian ini telah mendapat tanah[2] untok tapak pusat[2] tersebut di-beberapa buah negeri termasok-lah negeri[2] di-Malaysia Timor. Di-harapkan dalam tahun 1967 Kementerian ini dapat membena pusat[2] pelbagai-guna itu sa-kurang[2]-nya dalam tiga buah negeri.

199. Angkatan Belia Pelupor Negara telah di-tubohkan pada tahun 1966 bertempat di-Dusun Tua. Semenjak tertuboh-nya dalam bulan Jun, 1966, Angkatan itu telah mempunyai 175 orang peserta[2] dan mereka telah di-tempatkan di-dalam berbagai[2] jurusan latehan yang di-dapati di-Pusat itu.

KEBUDAYAAN

200. Dalam tahun 1966 Kementerian ini telah di-beri tugas mengadakan pertunjokan[2] kebudayaan di-majlis[2] resmi saperti perayaan[2] Pertabalan Duli[2] Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan lawatan[2] orang[2] kenamaan dari luar negeri.

201. Sa-lain daripada mengadakan kursus[2] drama dan tarian di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bharu, Kementerian ini telah juga mengadakan satu kursus tarian bagi orang ramai di-Dewan Belia Kampong Pandan dan sambutan dari orang ramai ada-lah memuaskan hati.

202. Dalam tahun itu Kementerian ini telah mengatorkan lawatan[2] kebudayaan ka-negeri[2] di-Utara Malaysia Barat, ka-Sabah dan Sarawak dan ka-Bangkok sa-bagai mengambil sempena temasha Sokan Asia yang Kelima.

203. Balai Seni Lukis Negara dan Angkatan Seni Lukis Semenanjong telah mengadakan beberapa pameran[2] lukisan dalam tahun itu. Berkenaan dengan chadangan hendak membena sa-buah bangunan baharu untok Balai Seni Lukis Negara tidak ada apa[2] kemajuan yang di-buat kerana kekurangan wang.

204. Kementerian ini telah mula mengeluarkan filem berkenaan "Kebudayaan" dengan kerjasama pehak Filem Negara Malaysia. Ia juga telah mengadakan ranchangan[2] kebudayaan di-Talivishen Malaysia dalam tahun itu.

BELIA

205. Dalam tahun 1966, 61 buah kelab belia telah di-tubohkan, menjadikan berjumlah sa-banyak 1,183 buah kelab di-Malaysia Barat sahaja. Berapa banyak telah di-tubohkan di-Negeri[2] di-Malaysia Timor tiada dapat di-ketahui kerana Kementerian ini maseh lagi kekurangan pegawai[2]-nya sendiri untok mengumpol angka kelab[2] belia di-sana.

206. Sa-jumlah 38 kursus telah di-adakan di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bharu dan sa-ramai 775 orang belia telah hadzir dalam kursus[2] itu. Kursus utama yang di-adakan ia-lah Kursus Pimpinan. Kursus[2] yang

lain ia-lah Pertukangan, Jahitan, Seni Foto, Drama, Urusan Rumah Tangga dan Perkhemahan Kerja. Kementerian ini berharap dapat menambah lagi bilangan kursus[2] dalam tahun 1967 supaya ramai lagi belia[2] dapat mengambil kursus[2] itu.

207. Dalam tahun 1966 itu telah tertuboh sa-buah badan gerakan belia—Gerakan 4-B Malaysia. Pertubohan ini ada-lah merupakan sa-buah daripada Pertubohan Belia Kebangsaan Malaysia, dan di-tubohkan bagi belia yang chenderong dalam perkara[2] pertanian.

208. Dalam tahun itu kebanyakan daripada kelab[2] belia di-seluroh Negeri telah menuruskan berbagai[2] kegiatan dalam hal ekonomi, kemasharakatan dan kebudayaan.

Sokan

209. Pertubohan[2] sokan telah terus menjalankan usaha[2] untok mengadakan pertandingan dan kegiatan[2]-nya yang biasa. Sa-bilangan Pertubohan[2] Sokan Kebangsaan dan lain[2] badan sokan telah mendapat bantuan daripada Kementerian ini.

210. Temasha sokan yang istimewa dalam tahun 1966 ia-lah Sokan Asia yang Kelima yang di-adakan di-Bangkok. Malaysia telah mendapat tempat yang keempat antara negeri[2] yang mengambil bahagian.

211. Di-dalam pertandingan pusingan Piala Thomas bagi kawasan Barat Asia pasokan badminton Malaysia telah mengalahkan India dengan 8 perlawanan bebalas satu dan mengalahkan Pakistan dengan mata yang sama.

Muzium

212. Muzium Negara terus menjadi tempat kunjongan yang di-sukai oleh pelawat[2] ka-Kuala Lumpur. Jumlah pelawat[2] dalam tahun 1966 ia-lah 780,150 orang termasok 37,201 orang murid[2] sekolah, ia-itu lebeh sa-banyak 67,645 orang daripada tahun 1965.

213. Lapan pameran yang besar[2] telah di-adakan dalam tahun 1966, termasok dua pameran yang istimewa; satu mempertunjokkan bentok[2] duit shiling baharu yang di-adakan oleh Bank Negara dan yang satu lagi di-anjorkan oleh Universiti Malaya berhubong dengan International Association of Tamil Research Conference yang di-adakan di-Kuala Lumpur.

214. Tiga buah "Travelling Exhibition" telah di-hantarkan ka-Muzium Negeri Pulau Pinang dan Muzium Negeri Perak di-Taiping. Pameran[2] ini ia-lah berkenaan dengan "Dongson's Influence in Malaya", "Ajanta Cave Paintings" dan "Life and Work of Vincent Van Gogh".

215. Kerja pembenaan di-bilek pameran di-tingkat dua Muzium Negara untok pameran "zoological" telah di-siapkan dalam bulan September tahun itu. Pameran itu sedang di-sediakan dan di-harap bilek pameran itu akan di-buka kapada orang ramai pada penghujong tahun ini. Ini akan menjadikan Muzium Negara lebeh di-sukai lagi oleh orang ramai.

216. Muzium Negara ada-lah berhubong rapat dengan badan[2] pelajaran dan sain tempatan dan luar negeri. Pertukaran penerbitan-nya, ia-itu "Federation Museums Journal" dengan penerbitan 93 buah badan di-luar negeri telah di-uruskan.

217. Dalam tahun itu sa-banyak 240 benda[2] telah di-perolehi dan 38 daripada-nya ia-lah hadiah daripada orang awam.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Kerajaan Tempatan

218. Perjalanan pentadbiran Kerajaan Tempatan di-Malaysia Barat pada 'am-nya maseh tiada memuaskan hati. Apabila keluar kelak pendapat[2] dan shor[2] Surohanjaya Penyiasat di-Raja yang di-tubohkan untok menyiasat perjalanan Penguasa Tempatan itu di-harap Penguasa[2] Tempatan akan lebeh baik mutu-nya dan lebeh sempurna perjalanan-nya.

219. Majlis Bandaran Seremban, yang ahli[2]-nya di-dapati oleh sa-buah Surohanjaya Penyiasat[2] melakukan pentadbiran dan perbuatan[2] yang tiada mengikut peratoran, maseh di-tadbirkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan.

220. Semenjak 1 haribulan Julai, 1966 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil aleh pentadbiran Majlis Bandar Raya Pulau Pinang dan sa-buah Surohanjaya Penyiasat yang di-tubohkan di-bawah Undang[2] Surohanjaya Penyiasat Tahun 1950 untok menyiasat tudohan[2] bahawa ahli[2] Majlis Bandar Raya itu melakukan pentadbiran dan perbuatan[2] yang tiada mengikut peratoran dan melanggar undang[2], telah menamatkan penyiasatan-nya dan pada masa ini sedang menyediakan laporan-nya. Oleh kerana sebab[2] yang sa-umpama itu juga Majlis Bandaran Johor Bahru telah di-ambil aleh oleh Kerajaan Negeri Johor dan sa-buah Surohanjaya Penyiasat di-bawah Undang[2] Surohanjaya Penyiasat Tahun 1950 telah di-tubohkan dan akan mula menjalankan penyiasatan-nya tiada lama lagi. Majlis Bandaran Melaka dan Majlis Bandaran Batu Pahat telah di-ambil aleh oleh Kerajaan Negeri masing[2] kerana kedua[2]-nya tiada dapat hendak menunaikan kewajipan[2] dan tugas-nya oleh kerana sebab[2] yang berthabit dengan hal[2] kewangan. Tidak-lah ada lain jalan melainkan Kerajaan Negeri kena-lah mengambil aleh kedua[2] buah Majlis itu jika tidak maka terganggu-lah perkhidmatan[2] yang mustahak dan dengan yang demikian pembayar[2] chukai akan menderita.

221. Kerajaan Persekutuan terus membantu Penguasa[2] Tempatan untok kemajuan kawasan[2]-nya dengan memberi peruntokan[2] wang bagi melaksanakan projek[2] kemajuan. Projek[2] ini biasa-nya projek membena jalan raya dan jambatan, parit dan pembetong, menyedia dan menyambongkan bekalan letrik, mendirikan pasar dan gerai, mengelokkan lagi kemudahan[2] kesihatan, kemudahan[2] permainan dan rehat, bekalan ayer, mendirikan balai raya dan lain[2] bagi memperbaiki keadaan bandar.

222. Satu usaha yang besar ia-lah usaha Majlis Bandaran Kota Bharu membena sa-buah pasar baharu di-Kota Bharu. Kementerian ini telah memberi wang sa-banyak $420,000 dan meminjamkan wang sa-banyak $300,000 untok usaha itu. Pasar ini telah di-buka dengan resmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan pada 17 haribulan Mach, 1966.

Ibu Kota Persekutuan

223. Sa-bagaimana tahun[2] yang lepas, usaha[2] telah di-tumpukan bagi memperelokkan Ibu Kota Persekutuan supaya menjadi kemegahan Negara.

224. Jalan[2] raya telah banyak di-perbaiki dan di-tambah supaya lalu lintas dalam Ibu Kota ini lebeh sempurna dan selamat. Kerja membena jalan[2] raya baharu telah di-usahakan oleh Pentadbiran Ibu Kota dan Jabatan Kerja Raya. Dalam kawasan tengah sahaja, lebeh kurang sa-juta ringgit telah di-belanjakan bagi melebarkan jalan raya, menambah dan memperbaiki lampu[2] dan mengadakan jalan jalan-kaki. Kerja membuat ranchangan bagi menggunakan satu sistem lalu lintas yang baharu ia-itu sistem berputar (gyratory system) di-kawasan tengah Kuala Lumpur yang akan di-kawal dengan lampu[2] isharat lalu lintas yang di-tukar[2] serentak warna-nya oleh suatu pesawat besar telah banyak di-jalankan. Usaha itu juga di-jalankan bagi memperbaiki lagi parit dan saloran najis supaya pendudok[2] bandar itu dudok dalam keadaan dan kawasan yang lebeh berseh.

225. Pentadbiran Ibu Kota terus berusaha mengadakan rumah[2] murah bagi pendudok[2] yang berpendapatan kechil dan setinggan[2] (squatters) dalam dan di-sekeliling Kuala Lumpur. Perihal ranchangan rumah murah di-Kuala Lumpur ada di-sebutkan di-bawah tajok "Perumahan".

226. Dalam hal kesihatan, tidak ada kejadian wabak penyakit di-Kuala Lumpur. Perkhidmatan bagi ibu bersalin dan kesihatan kanak[2] sa-makin bertambah banyak dan baik dalam masa beberapa tahun ini.

Perumahan

227. Kemajuan yang di-perolehi dalam hal rumah murah dalam tahun yang mula[2] di-laksanakan Ranchangan Malaysia ia-itu tahun 1966 hanya boleh di-katakan memuaskan hati sahaja. Ini ia-lah kerana tanah tiada boleh di-dapati, kelambatan menyediakan tapak, kechorangan yang di-dapati dalam menjalankan piling dalam sa-buah ranchangan perumahan dan juga beberapa faktor yang lain termasok-lah hujan lebat dan banjir yang berlaku pada penghujong tahun itu. Sunggoh pun begitu pada penghujong tahun 1966 ada terdapat kemajuan yang lebeh chepat lagi. Daripada peruntokan yang di-beri sa-banyak $20 juta bagi tahun 1966 hanya kira[2] $9 juta sahaja telah di-belanjakan bagi ranchangan rumah murah. Perbelanjaan ini tidak-lah termasok perbelanjaan daripada pinjaman orang ramai sa-banyak $10 juta yang di-usahakan oleh pehak Ibu Kota Persekutuan dalam tahun 1964 untok ranchangan perumahan di-Jalan Pekeliling. Daripada peruntokan yang di-sediakan untok ranchangan rumah murah, sa-banyak $3 juta telah di-pinjamkan kapada Sharikat Kerjasama

Perumahan Pegawai[2] Kerajaan Malaysia dalam tahun itu dan sa-banyak $5.5 juta lagi telah di-pinjamkan kapada-nya pada 31 haribulan Disember, 1966; sa-banyak $2.5 juta telah di-pinjamkan kapada Sharikat Kerjasama Perumahan Angkatan Bersenjata menjadikan $11 juta semua-nya telah di-pinjamkan kapada kedua[2] buah Sharikat itu.

228. Dalam tahun 1966 dan pada awal tahun 1967, rumah[2] murah yang telah siap di-bena berjumlah 1,550 buah ia-itu dengan menggunakan wang Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi bukan-lah sa-banyak itu sahaja rumah murah yang di-dirikan dengan usaha Kerajaan. Jika di-kira rumah yang di-dirikan dengan perbelanjaan Kerajaan sa-chara langsong atau tidak langsong melaluï Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Kerja Raya dan sa-bagai-nya, maka banyak-nya semua sa-kali hampir[2] lapan ribu buah. Maka dalam masa itu telah di-dirikan sa-banyak itu boleh-lah di-katakan kemajuan yang munasabah. Patut juga di-jelaskan di-sini bahawa bagi ranchangan yang besar[2] di-bandar[2] besar (umpama-nya ranchangan[2] rumah bertingkat-tingkat dan ranchangan[2] rumah yang menggunakan teknik perumahan perusahaan), tidak dapat tiada tentu-lah ada lat antara masa meranchang dengan masa membena rumah itu dan dengan masa menyiapkan-nya. Walau pun begitu, kebanyakan ranchangan[2] yang besar ini di-jangka akan dapat di-siapkan pada penghujong tempoh Ranchangan Malaysia itu.

229. Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan dalam hujongan Titah Uchapan di-Raja tahun lalu, kebanyakan ranchangan rumah murah itu di-jalankan di-bandar Kuala Lumpur dan di-bandar[2] besar sahaja. Di-Ibu Kota Persekutuan, ranchangan perumahan di-Sungai Besi, di-Bangsar dan di-Jalan Pekeliling ia-itu sa-banyak 3,169 buah rumah ada-lah sedang dalam pembenaan. Kerja melaksanakan ranchangan perumahan di-jalan Shaw yang telah terbantut oleh kerana konterek yang menjalankan kerja piling tidak mematohi sharat konterek-nya telah di-jalankan sa-mula. Konterek itu sekarang ini membetulkan kerja[2] piling itu dan pembenaan "super-structure"-nya akan di-mulakan sa-lepas sahaja kerja piling itu siap. Lagi sa-buah ranchangan ia-itu Ranchangan Perumahan bagi peringkat keempat di-Jalan Loke Yew yang mengandongi 400 buah rumah dan yang di-chadangkan untok mereka yang tinggal di-atas tanah[2] haram telah pun di-mulakan baharu[2] ini dengan menjalankan kerja menanam piling-nya. Kerja[2] meranchang ranchangan[2] yang tersebut di-bawah ini sedang berjalan dengan baik:

Jalan Cheras	(3,000 buah rumah)
Jalan San Peng	(200 buah rumah)
Wardieburn Estate	(1,250 buah rumah)

Baharu[2] ini sa-buah lagi ranchangan perumahan yang besar dan yang mengandongi 2,768 buah rumah pangsa telah di-luluskan dan rumah[2] ini akan di-bena di-sekshen 90 bersempadan dengan Jalan Peel dan Jalan Cheras.

230. Memandang kahadapan, Kerajaan telah juga meluluskan chadangan hendak mengambil milek tanah sa-luas 900 ekar di-Seaport Estate bagi ranchangan perumahan pada masa akan datang. Urusan mengambil milek tanah itu hampir[2] selesai.

231. Ibu Kota Persekutuan telah juga melancharkan peringkat pertama ranchangan perumahan bagi kakitangan-nya di-Gombak. Ranchangan ini mengandongi 84 buah rumah berkembar dan 120 buah rumah berderet. Kerja membena rumah[2] itu telah pun di-mulakan. Semua-nya ada 419 buah rumah untok kakitangan-nya dalam ranchangan itu.

232. Satu lagi tempat yang ada ranchangan rumah murah yang agak besar juga ia-lah Pulau Pinang. Beberapa buah ranchangan telah pun di-luluskan bagi negeri itu untok membena rumah[2] berderet, rumah[2] pangsa empat tingkat dan rumah[2] pangsa banyak tingkat. Ranchangan[2] yang besar di-negeri itu ia-lah ranchangan[2] di-kawasan perusahaan Mak Mandin (mengandongi 240 buah rumah—rumah pangsa empat tingkat), di-Jalan Chain Ferry (mengandongi 672 buah rumah—rumah pangsa empat tingkat) dan Ranchangan Perumahan Rifle Range (mengandongi 3,743 buah rumah). Ranchangan[2] perumahan di-Mak Mandin dan di-Jalan Chain Ferry itu ada-lah di-chadangkan untok pekerja[2] di-kawasan Perusahaan di-Mak Mandin dan juga bagi mereka yang tinggal di-atas tanah[2] haram dan terlibat dengan pembenaan jalan raya yang baharu itu. Ranchangan di-Rifle Range itu ada-lah ranchangan pemandu yang kedua menggunakan teknik pembenaan perusahaan dan akan memakan belanja lebeh $20 juta. Kilang-nya sedang di-bena dalam kawasan ranchangan itu dan kelengkapan[2] rumah di-jangka akan mulai di-keluarkan dalam bulan Mei, 1967.

233. Sa-lain daripada ranchangan[2] perumahan di-bandar[2] besar itu, ada lagi ranchangan[2] perumahan yang telah di-luluskan untok pekan[2] kechil dan daerah[2] di-Malaysia Barat dan Timor. Rumah[2] yang akan di-bena atau yang sedang di-bena itu ia-lah rumah[2] papan yang rengkas pembenaan-nya, rumah[2] berderet dan rumah[2] pangsa saperti yang di-bena di-Johor Bahru dan Melaka. Dasar Kementerian ini ia-lah hendak mengadakan ranchangan rumah murah di-tiap[2] pekan. Oleh yang demikian beberapa buah ranchangan, tiap[2] satu-nya mengandongi daripada 30 hingga 100 buah rumah telah pun di-lancharkan di-pekan[2] kechil.

234. Kementerian itu sedang giat mengkaji chadangan hendak menubohkan sa-buah Pehak Berkuasa Perumahan dan Kemajuan Negara dan juga menimbang kemungkinan memasokkan dalam rang undang[2] yang akan menubohkan Pehak Berkuasa itu sharat[2] yang sesuai supaya wang pehak[2] bukan Kerajaan boleh di-gunakan untok membena rumah untok orang ramai. Sa-bagaimana yang telah di-ketahui, di-Amerika Sharikat dan juga di-lain[2] negara yang telah maju saudagar[2] dan sharikat[2] perniagaan ada memainkan peranan mereka dalam ranchangan perumahan Kerajaan.

Peranchang Bandar dan Kampong

235. Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong memberi perkhidmatan-nya kapada kawasan[2] bandar dan juga kawasan[2] kampong. Ada-lah di-harapkan yang pada masa yang akan datang Pelan[2] Kemajuan Negeri akan di-sediakan bagi tiap[2] negeri supaya segala usaha pembangunan dari pehak kerajaan dan persendirian di-jalankan mengikut chara dan segi yang sa-habis baik.

236. Dalam Pembangunan Luar Bandar, Jabatan itu terus memberi perkhidmatan-nya ia-itu menyediakan semua pelan kampong dalam ranchangan[2] Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dengan kerjasama Jawatan-kuasa Peranchang Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Perhubongan yang rapat telah di-pelihara dengan Pakar[2] Ranchangan Jengka Triangle pada masa mereka menjalankan tugas[2] mereka supaya kerja meranchang pembenaan kampong[2] dan bandar[2] itu dapat terus di-jalankan dengan sempurna-nya.

237. Suatu rangka Pelan Besar (Master Plan) untok Ibu Kota Persekutuan telah siap untok menggantikan Pelan Majlis Bandaran Kuala Lumpur yang telah di-luluskan dalam tahun 1939. Pelan baharu ini yang berdasarkan kapada anggaran pendudok[2] Ibu Kota dalam masa dua puloh tahun yang akan datang ia-itu sa-banyak 1,300,000 orang (pendudok[2] di-dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur sekarang ini ia-lah antara 600,000 dengan 700,000 orang) ada-lah suatu pelan yang elok kerana dalam-nya ada kawasan[2] sekolah, kawasan[2] perdagangan dan perusahaan dan sa-bagai-nya. Pelan itu juga menggunakan pelan pakar Lalu-lintas sa-bagai asas untok sistem "neighbourhood unit". Pelan baharu ini telah di-pamirkan kapada orang ramai untok di-kaji dan orang ramai ada-lah di-minta memberi pendapat mereka sa-belum pelan itu di-hantar kapada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Undang[2] Peranchangan Bandar sekarang ini.

238. Sa-telah mengkaji bersunggoh[2] mengenai perundangan peranchangan, maka Jabatan itu telah membuat satu rang Undang[2] Peranchangan yang baharu dan rang Undang[2] itu sekarang ini sedang di-kaji dengan teliti-nya oleh Jabatan Peguam Negara. Undang[2] ini sangat-lah mustahak bagi melancharkan Pelan Besar tersebut dan dalam-nya ada peruntokan[2] mengenai ranchangan pembangunan dan penggunaan tanah di-kawasan[2] bandar dan kampong di-seluroh Malaysia Barat, memelihara dan mengelokkan lagi segala kemudahan, memberi kebenaran untok memajukan tanah, memberi tambah kuasa kapada Kerajaan mengenai mengambil milek tanah dan memajukan tanah untok kegunaan orang ramai dan mengenakan chukai pembangunan dan lain[2] perkara yang berthabit dengan-nya.

239. Berkenaan dengan ranchangan rumah murah, Jabatan itu terus memberi kerjasama-nya kapada Kementerian dalam usaha memileh dan menilai tapak[2] perumahan, menyediakan pelan[2] tapak dan menetapkan bentok ranchangan rumah murah yang hendak di-bena di-Malaysia Barat dan Timor.

Perkhidmatan Bomba

240. Sa-laras dengan dasar Kerajaan hendak meninggikan lagi mutu perkhidmatan bomba di-Malaysia supaya kerugian kerana kebakaran dapat di-kurangkan menjadi sa-habis sadikit maka Jabatan Pemereksa Perkhidmatan Bomba telah mengambil langkah[2] untok menambahkan lagi kechekapan dalam chara latehan dan menyediakan kemudahan[2] yang lebeh baik lagi bagi sekolah Pusat Latehan Bomba. Sa-orang pegawai kanan sekolah tersebut baharu[2] ini telah tamat menjalani satu kursus yang lengkap di-seberang laut mengenai menguruskan pentadbiran[2] saperti itu. Sekolah tersebut memberi latehan kapada kakitangan

perkhidmatan bomba dari semua negeri dan perkhidmatan[2] bomba penguasa tempatan di-seluroh Malaysia. Ia juga memberikan latehan mengenai menchegah kebakaran kapada pekerja[2] perusahaan. Dalam tahun 1966 sa-ramai 220 orang telah mendapat latehan di-sekolah itu.

241. Bahagian Penchegah Kebakaran dalam Jabatan Pemereksa Perkhidmatan Bomba telah terus menjalankan kerja memereksa bangunan[2] Kerajaan Persekutuan untok menchegah kebakaran. Sa-banyak 1,272 pemereksaan telah pun di-jalankan dan alat[2] pemadam api yang sesuai di-sediakan di-tempat[2] yang di-fikirkan mustahak. Sa-banyak 121 buah Khemah Angkatan Bersenjata telah juga di-pereksa dalam tahun 1966 dan laporan[2] mengenai langkah[2] menchegah kebakaran telah pun di-hantar kapada Pehak[2] Berkuasa Tentera yang berkenaan. Jabatan itu juga telah terus memberi nasihat mengenai langkah[2] menchegah kebakaran apabila membuat pelan[2] bangunan baharu. Sukachita di-nyatakan bahawa dalam tahun 1966 tidak ada sa-barang kebakaran besar yang berlaku mengenai harta Kerajaan Persekutuan.

242. Memandang kapada betapa mustahak-nya suatu perkhidmatan bomba yang chekap bagi seluroh negeri ini di-adakan maka Kerajaan Persekutuan baharu[2] ini telah mendapat perkhidmatan sa-orang pakar melaluï Ranchangan Colombo. Tugas[2] utama pakar itu ia-lah menchari jalan untok memperbaiki chara[2] latehan dan juga mengkaji undang[2] dan peratoran[2] yang ada sekarang ini mengenai menchegah kebakaran dan kebiasaan mengenai-nya dan membuat shor[2] yang sesuai supaya satu undang[2] yang tegas mengenai menchegah kebakaran itu dapat di-adakan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA POS DAN TALIKOM

Jabatan Kerja Raya

243. Di-dalam tahun 1966 Jabatan Kerja Raya telah menjalankan ranchangan mengukohkan jalan[2] yang telah di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Yang Kedua itu, sa-lain daripada membena jalan[2] baharu.

244. Empangan Juru di-Seberang Prai telah siap di-bena. Jambatan Muar telah siap di-bena dan di-buka pada 15hb April, 1967, dan kerja membena jambatan Batu Pahat berjalan dengan baik.

245. Jalan terus baharu di-Kuala Lumpur yang baharu sa-paroh sahaja siap itu telah mengurangkan sadikit sesak di-atas jalan[2] raya di-Kuala Lumpur.

246. Ranchangan[2] Bekalan Ayer Linggi untok membekalkan ayer ka-Seremban dan Port Dickson dalam Negri Sembilan, Ranchangan[2] Bekalan Ayer Muar, Parit Raja, Jementah dan Layang[2] di-Johor, dan juga Ranchangan[2] Bekalan Ayer Jerantut, Rompin, Karak, dan Tras di-Negeri Pahang telah siap di-bena dalam tahun 1966.

247. Sa-lain daripada itu bekalan[2] ayer bagi projek[2] Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-Bukit Rokan, Lenga, Kemelah dan Sungai

Tekam telah juga di-bena. Dengan siap-nya bekalan[2] ayer yang tersebut serta juga bekalan[2] ayer yang di-bena di-luar bandar di-merata negeri ini, maka di-anggarkan sa-jumlah 200,000 orang yang mendapat faedah daripada projek[2] itu.

248. 191 unit tempat tinggal telah di-bena untok pekerja[2] perusahaan dan buroh kasar dan 373 buah rumah bagi pegawai[2] lain telah juga di-bena. Enam buah bangunan pejabat telah juga siap di-bena di-Kuala Lumpur.

249. Bagi tahun 1967 pula, di-antara beberapa ranchangan jalan raya yang besar ia-lah benaan jambatan[2] bagi menggantikan jambatan[2] kayu di-Negeri Trengganu, benaan Jambatan Batu Pekaka di-Negeri Kedah, dan juga meluruskan jalan antara Kuantan dengan Maran di-Negeri Pahang.

250. Ranchangan[2] jalan yang terta'alok kapada Wang Pinjaman hanya akan dapat di-tetapkan sa-telah di-timbangkan oleh Kajian Pengangkutan Kebangsaan yang akan di-mulakan pada pertengahan tahun 1967 ini.

251. Wang sa-banyak $12.6 juta telah di-peruntokkan bagi tahun 1967 di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar untok menjalankan ranchangan[2] jalan raya.

252. Wang sa-banyak $2 juta telah juga di-peruntokkan bagi ranchangan tahun 1967 untok membena dan memperbaiki rumah[2] pekerja. Enam buah bangunan pejabat akan di-dirikan di-Kuala Lumpur.

253. Bagi menjayakan tujuan Kerajaan hendak memberi bekalan ayer kapada semua pendudok negeri ini, pinjaman wang dari luar negeri sedang di-uruskan untok membena ranchangan[2] bekalan ayer di-Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Sungai Petani, Kota Bharu, Melaka, Dungun dan Kemaman.

Jabatan Perkhidmatan Pos

254. Pada tahun lalu, Jabatan Perkhidmatan Pos telah membuka enam buah Pejabat Pos baharu ia-itu di-Johol, Negri Sembilan, di-Bota dan Manong, Perak, di-Kemaman, Trengganu, di-Masjid Tanah, Melaka dan di-Sungai Buloh, Selangor. Dua buah bangunan Pejabat Pos ia-itu di-Kuala Trengganu dan di-Kuala Perlis yang di-bena dalam tahun 1966 sekarang ini telah di-buka. Sa-buah bangunan telah di-beli di-Petaling Jaya pada penghujong tahun 1966 untok di-jadikan sa-buah Pejabat Pos. Kerja[2] membena Pejabat[2] Pos baharu di-Klang Utara dan Kapar dalam Negeri Selangor, di-Sungai Petani, Kedah, di-Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan di-Ulu Tiram, Negeri Johor maseh berjalan terus.

255. Dua puloh sembilan Perwakilan Pos telah di-buka dalam tahun 1966 di-merata pelusok negeri ini. Empat buah Pejabat Pos Berkereta telah juga di-beli untok berkhidmat di-kawasan[2] luar bandar.

256. Dalam tahun 1967 Jabatan Perkhidmatan Pos telah meranchang untok memulakan kerja membena bangunan[2] Pejabat Pos baharu di-Batu Arang, Jinjang dan Jalan Pantai Bharu, Kuala Lumpur, Selangor, di-Enggor, Perak, di-Yen, Kedah, di-Cha'ah, Johor, sa-buah Pejabat Iseh di-Butterworth, Pulau Pinang dan asas bangunan untok Pejabat Besar Pos dan Ibu Pejabat Bahagian yang baharu

di-Seremban. Sa-banyak tiga puloh lagi Perwakilan Pos telah di-ranchangkan di-merata[2] tempat. Oleh itu, Jabatan Perkhidmatan Pos sentiasa menyediakan kemudahan[2] pos sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam negeri ini.

JABATAN TALIKOM

257. Pada keselurohan-nya Perkhidmatan Talikom telah bertambah maju di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor. Terutama sa-kali di-Ibu Kota di-mana permintaan[2] perkhidmatan talipon tersangat banyak dan kerja bagi menyediakan empat buah ibusawat di-pinggir Ibu Kota ini sedang berjalan dengan pesat-nya.

258. Pada tahun yang lalu telah di-nyatakan kemajuan rentangan Kebel SEACOM ka-Pulau Guam di-Lautan Pacific. Dengan siap-nya kebel ini pada tahun lalu Malaysia telah dapat mengadakan litar[2] talipon, taligerap dan telex sa-chara terus ka-London, San Francisco, Tokyo dan Manila.

259. Dalam masa itu juga radio ulangan kerap (high-frequency Radio) terus telah di-adakan di-antara Kuala Lumpur dengan Sydney.

260. Dengan siap-nya peringkat akhir Projek Kebel SEACOM ka-Cairn di-Australia dalam bulan April tahun ini, litar[2] radio ulangan kerap (high-frequency radio) di-ganti dengan litar[2] Kebel SEACOM yang bermutu tinggi.

261. Dengan tamat-nya konferantasi, perhubongan talipon sa-chara radio ulangan kerap (high-frequency radio) telah di-adakan pada akhir tahun 1966 di-antara Kuala Lumpur dengan Djakarta dan juga antara Kuala Lumpur dengan Medan.

262. Satu lagi, perhubongan talipon, taligerap dan telex sa-chara radio ulangan kerap (high-frequency radio) telah di-adakan pada bulan April tahun lalu di-antara Kuala Lumpur dengan Bangkok.

263. Pada 1hb Januari, 1967, Kerajaan telah mengambil aleh segala perkhidmatan perhubongan talikom yang di-jalankan oleh Sharikat Kebel dan Wireless di-Jesselton. Dengan ini maka segala perhubongan talikom ka-luar negeri ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan.

264. Ada-lah memang dasar Kerajaan hendak memperbaiki lagi perkhidmatan talikom dalam negeri ini. Kerja bagi mengadakan perhubongan sistem gelombang mikero di-antara Kuala Lumpur dengan Kuantan sudah pun di-mulakan. Kerja menukar ibusawat beropereter kapada ibusawat otomatik di-Kuala Trengganu telah di-mulakan. Sistem Radio Berserak (Scatter) di-antara Kuching, Sarawak dengan Malaysia Barat akan di-adakan sa-lain daripada kerja[2] mengelokkan lagi ibusawat[2] kechil saperti di-Kuching, Jesselton, Tawau, Lahad Datu dan di-tempat[2] lain. Kerja sedang berjalan bagi membaiki perhubongan[2] di-antara pekan[2] dalam Sabah dan Sarawak.

265. Peruntokan telah pun di-sediakan oleh Kerajaan bagi menjalankan kajian awal bagi membena suatu sistem gelombang mikero di-antara Jesselton dengan Kuching dan ada-lah dasar Kerajaan hendak mengadakan sistem ini di-masa hadapan.

D. Perkhidmatan Pos dan Talikom, Malaysia Timor

PERKHIDMATAN POS, SABAH

266. Dua belas buah Perwakilan Pos telah di-buka dalam tahun yang lalu dan dengan ini Perwakilan Pos di-kawasan[2] luar bandar berjumlah sa-banyak 44 buah. Perundingan maseh berjalan terus untok membuka banyak lagi Perwakilan[2] Pos untok memenohi kehendak orang ramai. Tujuan Jabatan Pos ialah hendak menambahkan lagi perkhidmatan pos di-luar[2] bandar di-mana sahaja yang boleh.

267. Sa-buah chawangan Pejabat Pos telah di-buka di-Tanjong Aru, Jesselton, dalam bulan Jun, 1966. Ini telah mengurangkan sadikit keadaan yang sesak di-Ibu Pejabat Pos Besar di-Jesselton.

268. Dua buah Pejabat Pos Berkereta telah mula di-jalankan dalam tahun yang lalu, sa-buah di-Jesselton sa-bagai perkhidmatan tambahan dan sa-buah lagi di-Tawau. Perkhidmatan di-Jesselton itu telah mula di-jalankan dalam bulan Januari, 1966, dan yang di-Tawau itu dalam bulan Disember.

269. Chara menghantar dengan posmen dari rumah ka-rumah telah mula di-adakan di-Lahad Datu, Kudat, Beaufort, Tenom dan Keningau. Perkhidmatan ini telah di-adakan di-semua bandar[2] yang besar dan sedang di-usahakan bagi bandar[2] yang kechil.

270. Perkhidmatan Menghantar Segera, menjual teket[2] Loteri Kebajikan Masharakat dan Sekim Tabong Simpanan Wang Bakal[2] Haji ada-lah perkhidmatan[2] tambahan yang mula di-adakan di-Pejabat[2] Pos di-Sabah dalam tahun 1966.

PERKHIDMATAN POS, SARAWAK

271. Tujoh belas buah Perwakilan Pos telah di-buka dalam tahun yang lalu menjadi jumlah-nya sa-banyak 46 buah. Sa-bagaimana di-Sabah, perundingan maseh berjalan terus untok membuka banyak lagi Perwakilan[2] Pos bagi memenohi kehendak[2] orang ramai.

272. Sa-buah Pejabat Pos baharu telah di-bena di-Matu dalam Bahagian Ketiga dalam tahun 1966 dan kerja[2] membena bangunan[2] untok Pejabat Pos dan Ibusawat Talipon di-Lundu dalam Bahagian Pertama dan di-Lawas dalam Bahagian Kelima telah banyak yang siap.

273. Perkhidmatan[2] menghantar dengan posmen telah di-tambahkan lagi di-Kuching dan Sibu untok meliputi hampir[2] semua kawasan yang di-diami orang dan akan di-tambahkan lagi apabila di-kehendaki. Kebanyakan daripada Pejabat[2] Pos di-Sarawak mempunyai perkhidmatan menghantar dengan posmen dalam kawasan[2] yang terhad.

274. Sa-bagaimana di-Sabah, perkhidmatan[2] tambahan yang di-adakan oleh Pejabat[2] Pos Sarawak dalam tahun 1966 ada-lah Perkhidmatan Menghantar Segera, menjual teket[2] Loteri Kabajikan Masharakat dan Sekim Tabong Simpanan Bakal[2] Haji.

TALIKOM, SABAH

275. Kerja meranchangkan bangunan Ibu Pejabat dan Ibusawat Otomatik baharu yang mempunyaï 10,000 talian di-Jesselton hampir[2] siap dan ada-lah di-jangka yang kerja[2] membena akan di-mulakan dalam tahun 1967. Alat[2] yang baharu untok Ibusawat ini ia-itu untok sa-banyak 5,000 talian akan di-tempahkan dalam tahun ini. Alat[2] untok melengkapkan tambahan[2] kapada Ibusawat Labuan telah pun di-tempahkan. Sa-buah bangunan Ibusawat telah di-bena di-Wallace Bay dan juga tambahan kapada bangunan di-Keningau telah pun siap untok di-pasang dengan alat[2] Ibusawat Otomatik Luar Bandar yang akan sampai dalam tahun ini. Sa-buah Ibusawat telah mula di-adakan di-Weston dan satu sambongan yang mempunyaï 480 talian telah pun siap di-Tawau untok sementara ibusawat yang baharu di-adakan di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Dua buah Ibusawat P.A.B.X. telah di-adakan untok Angkatan Bersenjata sa-buah di-Labuan dan sa-buah lagi di-Tawau.

276. Kerja untok mengadakan satu sekim talian hubongan terus yang menyambong pusat[2] perusahaan dan perdagangan yang besar[2] dengan Jesselton telah meningkat maju dan sistem ini di-jangka akan dapat di-mulakan tidak berapa lama lagi untok mengadakan 12 saloran kapada Sandakan, Tawau dan Labuan yang pada masa dahulu-nya ada 4 saloran sahaja. Ranchangan yang lengkap telah pun di-siapkan untok memperbaiki lagi talian[2] hubongan yang lain dan kesemua-nya di-jangka akan siap dalam tahun 1967. Apabila siap kelak Kota Belud, Kudat, Keningau, Tenom, Semporna, Lahad Datu dan Wallace Bay akan mendapat perkhidmatan yang lebeh baik.

277. Tawaran[2] telah di-terima dan kerja[2] penyelidekan mikero telah pun di-mulakan untok menentukan kehendak[2] talian hubongan yang utama daripada Jesselton ka-Tawau melaluï Sandakan dan Lahad Datu untok mengadakan 300 talian hubongan talipon perengkat tinggi dan pembawa talivishen sa-kira-nya perlu. Penyelidekan ini hampir[2] siap dan tawaran[2] akan dapat di-pelawa untok alat kelengkapan dan peranchangan yang lengkap bagi Kerja[2] 'Am yang di-kehendaki di-beberapa puncha dan tapak[2] pengulang.

278. Steshen pengulang yang utama di-Kambarangan yang terletak 7,500 kaki tinggi-nya di-lerengan Gunong Kinabalu itu dahulu-nya susah hendak di-lawati dan masaelah ini telah pun di-atasi dengan mengadakan kebel untok mengangkut kakitangan[2] dan alat[2] daripada kapala jalan yang terletak 5,500 kaki tinggi-nya ka-steshen itu.

279. Satu litar taligerap melaluï kebel SEACOM telah di-adakan di-antara Jesselton dan Kuala Lumpur dengan memberi perkhidmatan 24 jam yang terbaik untok perhubongan dengan Ibu Negara. Perkhidmatan Telex telah di-lancharkan di-Jesselton dalam tahun yang lalu dan ranchangan[2] telah di-sediakan untok mengadakan perkhidmatan itu di-Sandakan dan mengadakan peruntokan bagi menambahkan lagi pelanggan[2] di-Jesselton.

280. Sekim[2] kebel dalam tanah di-Sandakan dan Jesselton telah di-mulakan lan kerja[2] menarek tiub sedang berjalan dengan baik untok memasang kebel[2]

dalam tahun ini. Tambahan[2] telah di-buat sa-takat banyak wang yang ada di-Ibusawat[2] yang kechil dan besar untok memenohi kehendak[2] perkhidmatan talikom. Satu faktor besar yang menjadi penghalang pada masa ini ia-lah kekurangan kebel[2] daripada Ibusawat[2] ka-rumah[2] pelanggan.

281. Sa-buah Pengkalan Steshen Panggilan Radio telah di-adakan di-Sandakan dan kerja[2] memasang telah pun di-mulakan di-Pengkalan[2] Steshen yang lain. Ada-lah di-jangka tiga buah lagi Pengkalan Steshen itu akan di-adakan dalam tahun 1967 ia-itu di-Jesselton, Keningau dan Tawau yang akan meliputi seluroh Negeri itu dan mengadakan perkhidmatan talipon hingga ka-kawasan luar bandar yang terpenchil sa-kali di-Sabah.

282. Sa-buah Pusat Penerangan Penerbangan telah di-bena dan di-jalankan di-Jesselton untok Jabatan Penerbangan 'Awam.

283. Wokshop[2] baharu telah di-bena di-Jesselton untok mengadakan kemudahan[2] yang lengkap untok menyelenggara dan memperbaiki alat[2] talikom. Wokshop Bahagian yang baharu sedang di-bena di-Tawau dan di-jangka akan siap dan boleh di-gunakan dalam tahun 1967 bersama[2] dengan Wokshop Bahagian di-Sandakan yang sedang di-perelokkan lagi.

284. Dalam tahun lalu 429 talian ibusawat terus telah di-pasangkan dan jumlah talipon telah bertambah sa-banyak 883 buah daripada 7,278 menjadi 8,161 di-seluroh Negeri itu. Wang sa-banyak $3.6 juta telah di-belanjakan untok kemajuan talikom di-dalam tahun lalu.

285. Kekurangan kakitangan di-lapangan kejuruteraan dan di-perengkat juruteknik maseh lagi menjadi satu masaelah dan tidak banyak kemajuan yang di-chapai dalam soal pengambilan kakitangan.

TALIKOM, SARAWAK

286. Sa-buah ibusawat talipon otomatik yang baharu dan mempunyai 200 talian telah di-bena di-Simanggang dalam tahun lalu dan sa-buah bangunan untok ibusawat yang baharu yang mempunyai 10,000 talian telah siap di-bena di-Kuching. Kerja[2] memasang telah di-mulakan dan ada-lah di-jangka bahawa sa-banyak 4,000 talian akan dapat di-gunakan dalam tahun 1967. Pembangunan Ibusawat[2] Otomatik di-luar[2] bandar telah terus di-jalankan dan bangunan[2] yang baharu telah mula di-bena di-Lundu dan Lawas dan akan siap untok di-pasangkan dengan alat[2] otomatik dalam tahun 1967.

287. Talian hubongan yang utama dan yang lebeh baik lagi di-antara Kuching dan Sibu telah di-ranchangkan ia-itu dengan menggunakan sistem UHF bersamping dengan steshen[2] pengulang di-Sibuyau, Bukit Kaya Malam di-Sebankoi. Kerja[2] 'awam telah pun siap di-steshen[2] pengulang ini membena menara[2], bangunan[2] dan jalan[2] masok. Alat[2] untok talian hubongan ini yang akan memberi 48 saloran—sekarang chuma ada 12 saloran—akan di-pesan dalam tahun 1967. Kerja[2] untok memperbaiki lagi talian hubongan yang utama di-antara Sibu dengan Bintulu terus di-majukan dan ada-lah di-jangka satu sistem mempunyai 9 saloran akan di-jalankan tidak berapa lama lagi. Satu menara yang tinggi-nya 265 kaki di-steshen Sibu itu telah pun siap.

288. Kerja[2] telah di-mulakan bagi mengadakan kebel bawah tanah di-Kuching, dan Miri dan bagi sekim[2] yang kechil di-Lundu, Lawas, Limbang, Mukah, Serian, Tatau, Lingga dan Balingian bagi mengadakan chukup kebel bagi ibusawat[2] otomatik apabila di-pasang kelak.

289. Kerja[2] telah di-mulakan untok menyediakan tapak bangunan bagi Pemancharan H.F. di-Miri yang di-jangka akan siap di-dalam tahun 1967. Untok memperbaiki lagi perkhidmatan perhubongan antara kapal[2] di-laut dengan pantai di-Kuching satu "aerial" yang baharu telah siap di-bena untok perkhidmatan perhubongan kapal[2] 500 Kc/s.

290. Satu ranchangan yang lengkap bagi mengadakan sa-buah setor pusat telah di-sediakan dan setor ini di-jangka akan di-bena di-kawasan Pelabohan Tanah Puteh dalam tahun 1967.

291. Jabatan Talikom akan terus mengadakan perkhidmatan kejuruteraan-nya untok Jabatan Penerbangan 'Awam dan telah siap memasang sa-buah suar Radio yang baharu yang mempunyai 750 watt di-Santubong, sa-buah suar penchari untok lapangan terbang yang baharu di-Miri dan telah siap membena tapak bangunan untok suar VOR di-Kuching.

292. Perkhidmatan sa-umpama itu juga di-beri kapada rangkaian perhubongan Polis dan kerja[2] memperbaiki perkhidmatan telah juga di-buat di-Bahagian Pertama dengan siap-nya sa-buah rangkaian VHF yang tetap dan bergerak. Dalam Bahagian Kedua kerja[2] menyediakan tapak bangunan untok steshen pengulang di-atas sa-buah bukit telah siap.

293. Dalam tahun lalu sa-banyak $2.5 juta telah di-belanjakan untok kemajuan talikom dan jumlah steshen talipon telah bertambah sa-banyak 628 ia-itu daripada 8,337 menjadi 8,965.

KEMENTERIAN KESIHATAN

294. Usaha memperbaiki lagi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ia-itu pada menchegah penyakit dan mengubat penyakit ada-lah sa-makin maju.

295. Kesihatan pendudok[2] negara pada 'am-nya ada-lah bertambah baik dengan bertambah luas-nya ranchangan pembangunan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan. Perhatian besar sedang di-tumpukan bagi meninggikan darjah kesihatan pendudok[2] luar bandar. Kadar kematian telah turun daripada 8.1 dalam tahun 1964 menjadi 7.9 dalam tahun 1965 bagi tiap[2] 1,000 orang pendudok. Bilangan kematian kerana penyakit di-kalangan ibu[2] dan kanak[2] pada 'am-nya telah berkurangan. Dengan bertambah-nya bilangan pendudok[2] yang mendapat pelajaran maka bertambah banyak lagi orang meminta rawatan perubatan di-kelinik[2], pusat[2] kesihatan dan rumah[2] sakit di-seluroh Malaysia. Katil[2] di-rumah[2] sakit di-Malaysia Barat telah bertambah dari 21,102 buah dalam tahun 1960 menjadi 26,260 buah dalam tahun 1966 (bertambah sa-banyak 24.44 peratus).

296. Dengan wang sa-takat yang di-peruntokkan kapada-nya Kementerian Kesihatan telah menyelenggarakan Perkhidmatan Kesihatan, yang telah memperluaskan ranchangan[2] kesihatan-nya, dalam keadaan yang memuaskan hati.

297. Langkah berjaga-jaga sentiasa di-ambil supaya tiada berlaku penyakit berjangkit yang merbahaya saperti penyakit chachar, ta'un dan lain[2] dalam negeri ini. Sunggoh pun bagitu ada juga berlaku penyakit chachar di-Kuching, Sarawak dalam bulan September, 1966. Sa-banyak lima orang telah di-dapati kena penyakit itu, sa-orang daripada-nya telah mati. Penyakit itu telah dapat di-kawal daripada merebak dengan mengasingkan orang[2] tersebut dan orang[2] yang bersentoh dengan mereka dan dengan menyuntek pendudok[2] beramai-ramai. Lebeh daripada 90 peratus pendudok[2] telah di-suntek dalam masa dua bulan.

298. Ranchangan kesihatan luar bandar ada-lah satu projek yang besar dalam usaha[2] meninggikan darjah kesihatan pendudok[2] di-luar bandar. Sa-lain daripada 283 buah dispensari dan 155 buah dispensari berkereta ada terdapat sa-banyak 39 buah Pusat Kesihatan, 135 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 664 buah kelinik bidan yang menjalankan perkhidmatan di-Malaysia Barat berbanding dengan lapan buah Pusat Kesihatan, lapan buah Pusat Kesihatan Kechil dan 26 buah kelinik bidan dalam tahun 1960. Lima buah Pusat Kesihatan Kechil dan sa-puloh buah kelinik bidan lagi sedang di-bena dan di-jangka akan siap dalam tahun 1967.

299. Usaha[2] meninggikan darjah kesihatan dan keadaan kesihatan sa-keliling di-kawasan luar bandar sedang di-jalankan dengan chergas dan enam belas buah Pusat Kesihatan Kechil dan 108 buah kelinik bidan lagi akan di-bena di-Malaysia Barat dalam tahun 1967. Ini ada-lah sa-bagai tambahan kapada sa-buah Kelinik Ibu[2] Yang Mengandong dan Kesihatan Kanak[2] dan sa-buah dispensari orang[2] sakit luar yang akan di-bena dalam kawasan bandar. Di-Negeri Sabah dan Sarawak, Ranchangan Meninggikan Darjah Kesihatan Luar Bandar maseh terus di-perbesarkan, sesuai dengan dasar memperhebatkan lagi kerja[2] menchegah penyakit di-kawasan[2] luar bandar melaluï ranchangan pelajaran kesihatan, latehan hal zat makanan, memperbaiki keadaan kesihatan sa-keliling, menyuntek, menjaga kesihatan gigi serta menjaga kesihatan ibu[2] yang mengandong dan kanak[2].

300. Usaha mengawal penyakit batok kering yang menjadi satu masa'elah kesihatan yang besar sedang di-jalankan dengan chergas-nya di-bawah Ranchangan Mengawal Penyakit Batok Kering. Semenjak kempen dalam tahun 1961 tatkala latehan di-tegaskan, kerja memberi suntekan B.C.G. dan usaha[2] menchari dan memberi rawatan kapada mereka[2] yang mengidap penyakit itu sa-makin bertambah banyak. Lebeh daripada 1,400 kakitangan telah di-lateh dan hampir[2] 1,400,000 kanak[2], termasok 500,000 kanak[2] yang baharu lahir telah di-suntek dengan B.C.G.

301. Satu juta orang dewasa telah di-X-ray dan lebeh daripada 55,000 orang daripada-nya di-shaki mengidap penyakit itu dan mereka itu kena-lah di-siasat lebeh lanjut dan di-rawat. Ada kira[2] 50,000 orang yang sedang menerima rawatan kerana mengidap penyakit batok kering.

302. Di-Sarawak, Ranchangan Mengawal Penyakit Batok Kering telah di-jalankan dalam ka-semua lima Bahagian di-negeri itu terutama sa-kali di-kawasan[2] bandar. Ranchangan ini juga sedang di-kembangkan ka-kawasan[2] luar bandar.

303. Penyakit malaria di-kawasan[2] luar bandar Malaysia Barat maseh menjadi satu masaelah kesihatan umum yang besar. Ranchangan Awal Menghapuskan Malaria yang di-bantu oleh Pertubohan Kesihatan Sa-dunia telah melaksanakan penyiasatan-nya. Butir[2] laporan-nya menyatakan betapa banyak-nya berlaku penyakit malaria itu di-kawasan[2] luar bandar di-Malaysia Barat dan satu ranchangan telah di-sediakan untok menghapuskan penyakit itu dari negeri ini dalam masa sa-puloh tahun. Bagaimana pun, belanja membiayai kempen menghapuskan penyakit itu ada-lah tinggi ia-itu sa-banyak $118 juta. Jika Malaysia boleh mendapat bantuan dari luar negeri untok membiayai kempen ini maka dapat-lah di-beri jaminan yang kemajuan dan kejayaan akan di-chapai dalam masa yang di-anggarkan. Dalam hal ini Malaysia mengharapkan bahawa negara[2] sahabat akan tampil ka-hadapan memberi bantuan oleh sebab usaha menghapuskan malaria di-Malaysia ini ada kena-mengena dengan seluroh dunia. Sunggoh pun bagitu, pada awal tahun ini, dengan bantuan Pertubohan Kesihatan Sa-dunia, Kementerian Kesihatan telah menyediakan satu ranchangan menghapuskan penyakit malaria dari Malaysia Barat dengan menggunakan tenaga yang boleh di-dapati sekarang ini umpama-nya dari Ranchangan Kawalan Malaria yang ada sekarang. Projek ini bertujuan menghapuskan penyakit malaria di-Negeri[2] Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Prai pada perengkat permulaan-nya. Kemudian kelak apabila wang sa-chukup-nya di-dapati untok menjalankan kempen itu sa-penoh-nya, projek itu akan di-jalankan dalam negeri[2] lain di-Malaysia Barat. Sa-buah jawatan-kuasa telah di-tubohkan dalam Kementerian itu untok menjalankan kerja[2] itu.

304. Kesihatan murid[2] sekolah ada-lah amat penting. Perhatian patut-lah di-beri supaya keadaan mereka sentiasa sehat. Oleh itu ada-lah satu perkara yang mustahak yang mereka di-beri pelajaran untok menchapai kesihatan yang lebeh baik pada keselurohan-nya saperti pelajaran berkenaan dengan kebersehan diri, memakan mengikut peratoran, tempat sa-keliling yang sesuai dan juga lain[2] chara memelihara kesihatan. Dengan tujuan ini satu jawatan-kuasa bersama mengandongi wakil[2] dari Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan telah di-tubohkan untok menjalankan ranchangan kesihatan sekolah[2].

305. Bilangan orang yang mengidap penyakit puru sedang beransor-ansor kurang. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kejayaan yang di-chapai oleh pasokan[2] Kawalan Penyakit Puru dalam usaha-nya mengawal penyakit puru di-beberapa kawasan dalam negeri ini.

306. Penyakit untut ada terdapat di-kawasan tertentu dalam Malaysia Barat dan pasokan[2] menchegah maseh menjalankan kerja mengawal penyakit ini dariapa menjadi masaelah kesihatan umum.

307. Mengenai penyakit kusta, perhatian yang dahulu-nya di-beri kapada pemeliharaan penempatan sekarang ini telah berubah kapada rawatan "ambulatory" orang[2] yang mengidap penyakit kusta yang telah di-rawat hingga tiada berjangkit lagi. Rumah sakit kusta yang ada 3,935 katil itu sekarang

ini di-gunakan untok menempat dan merawat orang sakit kusta yang berjangkit. Kelinik[2] khas serta lain[2] pertubohan yang ada sekarang ini di-gunakan untok memberi rawatan sa-lanjut-nya kapada orang[2] sakit kusta yang tidak berjangkit. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yng Pertama (1966-1970) kerja mengawal penyakit kusta itu akan di-tegaskan lagi dengan menubohkan kelinik[2] bergerak dan tetap. Pada mula-nya sa-buah Pendaftar Penyakit Kusta Kebangsaan akan di-tubohkan untok menyatukan kerja[2] kelinik[2] itu dan menyelenggarakan kawalan rawatan sa-lanjut-nya kapada orang[2] sakit kusta.

308. Penyakit kerongkong bukan-lah satu masaelah kesihatan umum yang besar. Sa-banyak 1,848 orang yang mendapat penyakit ini daripada tiap[2] satu juta orang. Chara menchegah daripada terkena penyakit itu ia-lah dengan menggunakan ubat "diphtheria toxoid" atau "triple antigen". Chara "triple antigen" itu ada kelemahan-nya kerana 40 peratus daripada orang[2] yang di-rawat dengan rawatan permulaan dalam chara "triple antigen" ini tiada hadzir bagi mendapat rawatan sa-lanjut-nya.

309. Kejadian penyakit lumpoh terdapat sadikit di-beberapa tempat dalam negeri ini. Sa-banyak 4.97 orang yang mendapat penyakit ini daripada tiap[2] 100,000 orang. Sa-banyak 151 orang yang mendapat demam panas daripada tiap[2] sa-juta orang dalam tahun 1965. Sa-banyak 65.5 peratus daripada orang[2] yang mendapat penyakit itu tinggal di-kawasan luar bandar. Ada-lah di-dapati bahawa 78.01 peratus daripada orang yang mendapat penyakit ini berumor lebeh daripada sa-puloh tahun, lebeh[2] lagi mereka yang berumor antara 15 hingga 44 tahun. Mungkin kerana mereka yang berumor antara 15 hingga 44 tahun itu berjalan ka-sana ka-mari mendapat penyakit itu di-luar rumah mereka.

310. Perkhidmatan[2] kesihatan otak sa-chara beramai-ramai sedang di-majukan di-dua buah rumah sakit otak di-Malaysia Barat yang mempunyai 6,300 buah katil. Sa-lain daripada itu kelinik[2] sakit otak ada juga di-tubohkan dalam beberapa rumah sakit umum.

311. Kementerian Kesihatan telah berusaha sa-daya upaya-nya mengurangkan keadaan sesak di-kebanyakan rumah[2] sakit. Dua buah rumah sakit baharu, satu di-Tanjong Karang dan lagi satu di-Dungun telah mula memberi perkhidmatan masing[2] pada bulan September, 1966. Rumah[2] Sakit Umum baharu di-Kuala Lumpur dan Seremban sedang di-bena dan kemajuan yang di-chapai ada-lah memuaskan. Wad[2] baharu telah juga di-bena di-rumah Sakit Umum, Ipoh. Rumah Sakit Latehan Universiti di-Petaling Jaya di-jangka akan dapat memberi perkhidmatan sa-penoh-nya pada akhir tahun 1967. Rumah[2] Sakit Daerah di-Kulim, Kelang dan Kuantan akan di-perbesarkan dengan menambah wad[2] dan kemudahan[2] yang lain. Sa-buah rumah sakit luar bandar ada-lah di-chadangkan akan di-bena di-Changkat Melintang. Berbagai-bagai usaha memperbaiki wad[2] yang ada sekarang, dispensari[2] orang sakit luar, dapor, bilek[2] belah dan lain[2] perkhidmatan di-semua rumah[2] sakit yang ada sekarang ini telah di-jalankan. Di-Sabah, sa-buah rumah sakit baharu di-Tawau yang mengandongi 290 buah katil akan siap di-bena dalam tahun ini, sementara di-Kuching pula kerja[2] membena sa-buah rumah sakit yang baharu telah banyak di-jalankan dan di-jangka akan siap pada penghujong tahun 1968.

312. Di-Negeri Sabah kerja membena sa-buah Rumah Sakit Kechil (Cottage Hospital) di-Semporna yang mengandongi tujoh puloh buah katil akan di-mula-kan dalam tahun ini dan di-jangka akan memberi perkhidmatan sa-penoh-nya dalam tahun 1968.

313. Peruntokan sa-banyak $100,000 telah di-adakan untok membena sa-buah Rumah Sakit Kechil di-Ranau. Kerja[2] permulaan-nya ia-lah membena sa-buah rumah bagi sa-orang doktor serta bangunan[2] lain yang mustahak supaya perkhid-matan sa-orang doktor boleh di-dapati sa-belum rumah sakit baharu itu siap.

314. Jabatan Orang Sakit Luar dan Ma'mal dan Pusat Pergigian yang baharu di-Jesselton di-jangka akan siap dalam tahun ini. Kerja[2] kechil untok memper-baiki lagi rumah[2] sakit di-satengah[2] tempat di-Negeri Sabah akan di-jalankan. Sa-buah asrama lagi bagi Sekolah Latehan Jururawat[2] dan sa-buah Setor Pusat Perubatan sedang di-bena di-Jesselton.

315. Mengikut pengalaman, perkhidmatan kesihatan, lebeh[2] lagi di-kawasan luar bandar, tidak akan berjaya dengan sa-penoh-nya jika ra'ayat tidak beker-jasama dengan menolong diri mereka sendiri. Perkhidmatan itu akan berjaya hanya jika ra'ayat sedar tentang nilai kesihatan dalam masharakat dan pem-bangunan negara. Kementerian Kesihatan ada-lah bersunggoh-sunggoh berusaha menyusun berbagai chara gerakan pelajaran kesihatan dalam negeri ini dan pertubohan[2] sukarela ada-lah di-galakkan menyertai bersama-sama dalam gerakan[2] itu.

316. Kementerian Kesihatan telah juga menyediakan satu ranchangan projek[2] pemandu bagi tiap[2] negeri dengan tujuan hendak mengadakan bekalan ayer yang berseh dan menchukupi, tandas[2] yang berseh dan chara membuang sampah[2] yang sempurna dalam kawasan projek[2] itu. Kawasan[2] ini akan di-perluaskan kemudian kelak.

317. Mengenai perkhidmatan pergigian, sa-buah bangunan baharu bagi Sekolah. Latehan Pergigian di-Pulau Pinang telah siap di-bena pada awal tahun 1966. Jururawat[2] dan ahli[2] teknik gigi ada-lah di-beri latehan di-sekolah itu dan penuntut[2] dari negara[2] sahabat juga di-terima berlateh di-situ.

318. Dalam tahun 1966, lima buah kelinik gigi telah di-tubohkan di-pusat[2] kesihatan kechil, dan bangunan Setor Pusat Pergigian yang lama di-Pulau Pinang itu telah di-jadikan Pusat Kelinik Gigi. Kelinik gigi di-Rumah Sakit Pulau Pinang itu telah di-baiki dan kelinik gigi di-Kuala Lumpur dan di-Melaka sedang di-ranchangkan.

319. Perkembangan dalam perkhidmatan pergigian di-Negeri Sarawak ada-lah juga jelas kelihatan. Dua buah kelinik gigi yang baharu, sa-buah di-Semanggang dan sa-buah lagi di-Limbang, telah siap di-bena dan sekarang ini sedang men-jalankan perkhidmatan-nya. Sa-buah lagi kelinik sedang di-bena di-Sibu. Sa-banyak tujoh belas buah kelinik gigi sekolah sedang memberi perkhidmatan kapada sekolah[2] di-Negeri itu.

320. Banyak lagi doktor[2] gigi di-kehendaki dan sa-buah Sekolah Pergigian yang baharu di-Pusat Kesihatan, Kuala Lumpur telah di-ranchangkan. Fakulti dan Kelinik Pergigian itu akan di-bena apabila wang di-perolehi.

321. Satu ranchangan melateh kakitangan kesihatan yang di-jalankan dengan bersunggoh-sunggoh dan tegas di-Malaysia Barat semenjak tahun 1960 untok mengadakan chukup kakitangan sa-banyak yang di-kehendaki oleh ranchangan pembangunan Kementerian itu sekarang ini mengeluarkan hasil dan banyak pelateh[2] lulus pada tiap[2] tahun. Sekarang ini dalam perjawatan ada 2,143 orang jururawat, 1,898 orang penolong jururawat dan 1,654 orang bidan berbanding dengan 900 orang jururawat, 1,082 orang penolong jururawat dan 895 orang bidan[2] dalam tahun 1960. Satu ranchangan baharu bagi melateh Pembantu[2] Rumah Sakit telah di-mulakan pada bulan September 1965.

322. Jumlah pembantu ma'mal maseh lagi tiada chukup. Mereka ini di-lateh di-Pusat Penyelidekan Perubatan dan hanya tiga puloh orang sahaja sa-tahun yang dapat di-lateh di-situ. Untok mengadakan pembantu[2] ma'mal sa-banyak yang chukup satu ranchangan latehan bagi pembantu[2] muda ma'mal telah di-mulakan baharu[2] ini.

323. Di-Negeri Sarawak latehan kakitangan[2] dari semua bahagian telah berjalan dan sa-buah sekolah baharu bagi melateh bidan[2] di-luar bandar telah pun di-tubohkan di-Sibu.

324. Walau pun doktor[2] dan ahli[2] kimia ubat maseh banyak kurang tetapi pada masa ini keadaan-nya ada-lah baik sadikit daripada masa[2] yang lalu. Kementerian ini telah mengambil bekerja enam orang doktor daripada Negeri Filipina ia-itu sa-bahagian daripada 45 orang doktor yang telah di-pileh sabelum konferantasi. Lebeh dari 40 orang doktor daripada Negeri Korea telah di-lantek semenjak tahun 1965. Usaha[2] sedang di-jalankan bagi melantek doktor[2] dari Republik Arab Bersatu dan dari Negeri Belgium dan Peranchis serta juga dari negara[2] lain. Jumlah doktor[2] akan bertambah sadikit apabila mahasiswa[2] perubatan dari Universiti Malaya mula keluar dari tahun 1969. Sabagai satu lagi langkah untok menambah bilangan doktor, Undang[2] Pendaftaran Perubatan telah di-pinda supaya warga-negara[2] Malaysia yang berkelulusan ijazah[2] perubatan luar negeri dapat di-daftarkan dengan sa-penoh-nya dengan sharat[2] tertentu. Ada-lah di-chadangkan sa-buah Sekolah Kimia Ubat di-tubohkan di-Malaysia supaya ahli[2] kimia ubat dapat di-adakan sa-berapa banyak yang di-kehendaki.

325. Oleh kerana aduan[2] telah di-terima daripada orang[2] 'awam terhadap kakitangan[2] dan perkhidmatan di-rumah[2] sakit, Kementerian Kesihatan telah menubohkan "Jawatan-kuasa[2] Muhibbah" di-hampir[2] semua rumah sakit di-Malaysia sa-bagai satu langkah untok memperbaiki perhubongan dengan orang[2] 'awam. Betapa mustahak-nya perhubongan baik dengan orang[2] 'awam telah sentiasa di-tegaskan dalam semua kursus latehan yang di-anjorkan oleh Kementerian itu.

326. Pusat Penyelidekan Perubatan telah di-susun sa-mula. Perkara menyatukan kerja[2] jabatan[2] dengan kerja[2] pasokan[2] antara-bangsa saperti Yunit Penyelidekan Perubatan Tentera Amerika Sharikat dan Yayasan Hooper, Universiti California ada-lah di-tegaskan. Hal ini telah menggalakkan gerakan[2] lain dalam Kementerian Kesihatan. Sa-banyak enam puloh projek penyelidekar

dan kajian telah pun di-jalankan oleh Pusat Penyelidekan Perubatan, kebanyakan-nya mengenai masaelah[2] penyakit dan kesihatan yang mengganggu atau merosakkan Pembangunan Negara.

327. Dalam ranchangan pembangunan sa-lama lima tahun Pusat Penyelidekan Perubatan itu ada satu ranchangan hendak menubohkan Pusat Kebangsaan Perubatan Negeri[2] Berhawa Panas bagi Malaysia dalam Pusat Penyelidekan itu. Sa-buah sekolah Ma'mal Teknologi Perubatan akan di-tubohkan dan sekolah ini akan memberi kursus[2] sa-lama tiga tahun dalam ilmu ma'mal teknologi perubatan. Sa-buah sekolah Pembantu[2] Muda Ma'mal akan memberi latehan perkhidmatan ma'mal yang senang dan biasa sesuai bagi orang[2] sakit luar dan kelinik[2] kesihatan luar bandar. Sa-lain daripada itu ada juga beberapa projek penyelidekan jangka-panjang yang mengambil berat mengenai masaelah kesihatan luar bandar.

328. Sunggoh pun kekurangan dzat makanan tidak nyata benar dalam negeri ini tetapi ada banyak orang yang tiada mendapat chukup vitamin A dan protein, terutama sa-kali kanak[2] yang tinggal di-kawasan[2] luar bandar. Jenis dzat protein yang ada dalam ikan[2] kering yang murah dan di-sukai ramai serta dzat[2] dalam kerang[2] di-Tanah Melayu sedang di-siasat. Melalui Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, susu yang di-sediakan oleh tabong Kechemasan Kanak[2] Antara-Bangsa, Bangsa[2] Bersatu (UNICEF) di-bahagi[2]kan kapada kanak[2] yang patut menerima-nya. Kementerian Pelajaran bersama-sama dengan Majlis Kebajikan Kanak[2] telah melancharkan beberapa ranchangan makan di-sekolah.

329. Perkara dzat makanan itu ada kena-mengena dengan beberapa jabatan dan Kementerian, oleh sebab itu penyatuan kerja[2] Jabatan dan Kementerian[2] itu ada-lah mustahak bagi menchapai kejayaan dalam usaha itu. Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dan lain[2] Jabatan Kerajaan telah menyediakan satu ranchangan untok menambahkan lagi dzat makanan yang di-makan oleh pendudok[2] negeri ini dan satu projek pemandu akan di-lancharkan tidak berapa lama lagi dalam satu kawasan yang akan di-pileh.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

330. Dalam lapangan perhubongan luar negeri Kerajaan terus berpegang kapada dasar-nya hendak mengekalkan perhubongan erat dengan semua negara sahabat, lebeh[2] lagi dengan negara[2] tetangga. Dasar hidup bersama, hormat menghormati kemerdekaan dan kedaulatan negara[2], tidak mahu champor tangan dalam hal ehwal negeri[2] lain, bekerjasama dengan negeri[2] sahabat supaya sama[2] mendapat munafa'at—semua-nya ini ada-lah dasar[2] yang di-pegang oleh Malaysia dalam hal ehwal antara-bangsa.

331. Pada tahun lalu konferantasi yang telah di-lancharkan oleh Indonesia a-lama tiga tahun itu telah di-tamatkan dan perhubongan diplomatik dengan 'akistan telah di-sambong kembali dan usaha hendak menambah perwakilan lalaysia di-luar negeri telah di-jalankan terus. Dalam masa itu juga Malaysia

telah memainkan peranan yang lebeh tegas dalam kerjasama dengan negeri[2] sa-kawasan dalam bidang ekonomi, kemasharakatan dan kebudayaan dan juga dalam Persidangan Perdana Menteri Komonwel dan dalam Bangsa[2] Bersatu.

332. Pada 11 haribulan Ogos, 1966, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Indonesia telah menanda tangani satu perjanjian untok memulehkan sa-mula perhubongan antara Malaysia dengan Indonesia. Niat yang jujor ini telah memulehkan kembali perdamaian di-antara kedua buah negara itu dan dalam bulan September 1966, satu perwakilan Tentera Indonesia telah datang ka-Kuala Lumpur untok mengadakan perundingan dengan Pegawai[2] Malaysia berkenaan dengan semua hal memulehkan perhubongan. Kedua[2] perwakilan telah menchapai satu persetujuan berkenaan dengan peratoran keselamatan di-kawasan[2] sempadan, dan peratoran tersebut telah di-luluskan oleh kedua[2] Kerajaan pada 11 haribulan Mach, 1967. Peratoran itu membolehkan dua pehak itu bekerjasama untok melawan musoh kedua[2] negara khas-nya pehak[2] komiunis yang bergerak di-kawasan sempadan Indonesia dengan Malaysia. Ia ada-lah juga menyusun langkah[2] untok mengatasi masaelah di-Selat Melaka.

333. Sa-lain daripada bersetuju dengan peratoran keselamatan itu, kedua[2] per-wakilan telah bersetuju hendak mengeshorkan kapada Kerajaan masing[2] supaya di-rundingkan berbagai[2] perkara yang tiada kena mengena dengan tentera. Semenjak itu perkara[2] itu telah menjadi asas perbinchangan antara pegawai[2] Malaysia dengan pegawai[2] Indonesia. Perundingan dalam bulan September itu mendatangkan banyak faedah kerana tidak lama kemudian, perkara saperti imigeresen, perhubongan udara, perkhidmatan pos dan talikom telah di-pulehkan. Baru[2] ini Malaysia dan Indonesia telah menchapai persetujuan tentang peratoran asas mengenai perhubongan, perdagangan dan ekonomi, sementara perundingan[2] awal telah juga di-adakan mengenai perkara[2] lain saperti pelajaran dan kebudayaan.

334. Sunggoh pun perhubongan diplomatik yang penoh belum di-pulehkan antara dua buah negara itu tetapi Pasokan Perhubongan Indonesia di-Kuala Lumpur dan Pasokan Perhubongan Malaysia di-Jakarta telah mula bertugas dengan sempurna-nya. Dengan sebab itu perhubongan di-antara kedua buah negara itu dapat di-buat dengan senang dan penoh mesra.

335. Perhubongan diplomatik dengan Pakistan telah di-pulehkan sa-mula pada 8 haribulan September, 1966. Kerajaan sangat berhutang budi kapada jasa[2] Duli Yang Maha Mulia Shah Iran kerana dengan jasa-nya perhubongan diplomatik itu telah dapat di-pulehkan. Kerajaan Pakistan telah pun melantek Pesurohjaya Tinggi-nya di-Kuala Lumpur dan Malaysia telah membuka pejabat-nya di-Karachi baharu[2] ini.

336. Sesuai dengan dasar-nya hendak mengeratkan lagi tali persahabatan dengan negara[2] lain, pada awal tahun ini Malaysia telah melantek Duta Besar-nya di-Amerika Sharikat menjadi Pesurohjaya Tinggi di-Canada dan juga menjadi Duta Besar di-Brazil. Demikian juga Duta Besar Malaysia di-Republik Arab Bersatu telah di-lantek menjadi Duta di-Lebanon dan Sudan; Duta Besar di-Saudi Arabia pula di-lantek menjadi Duta Besar di-Kuwait dan Jordan; Pesurohjaya

Tinggi di-Lagos ada-lah juga menjadi Pesurohjaya Tinggi di-Ghana; dan Duta Besar di-Bangkok menjadi Duta Besar di-Laos juga. Pada tahun lalu Malaysia telah mengikat perhubongan diplomatik dengan Negeri Belanda. Duta Besar di-Negeri Belanda itu ada-lah juga bertugas sa-bagai Duta Besar di-Belgium dan Negeri[2] Benelux.

337. Sa-orang Konsul Kehormat Malaysia telah di-lantek bagi Beirut dalam tahun 1966 manakala sa-buah Konsulat telah di-buka di-Formosa pada awal tahun 1967.

338. Dalam tahun 1966, sa-buah Rombongan Perdagangan Malaysia telah melawat Soviet Union dan dengan itu membuka peluang bukan sahaja untok perdagangan antara dua buah negara itu, bahkan juga bagi perhubongan politik dan kebudayaan. Sa-bagai membalas-nya satu rombongan perdagangan Soviet telah melawat Malaysia pada bulan April yang lalu dan kedua[2] negara telah menanda tangani satu perjanjian perdagangan. Satu daripada hasil perbinchangan yang di-adakan dengan rombongan perdagangan Soviet itu ia-lah persetujuan hendak mengadakan perwakilan diplomatik antara dua buah negara itu.

339. Malaysia telah menyogokkan kemudahan[2] Konsulat kapada negara[2] Komonwel saperti Kenya, Uganda, Ghana, Zambia, Cyprus, Malta, Trinidad, Tobago, Jamaica, Sierra Leone dan Malawi. Negara[2] itu pula telah bersetuju menjalankan tugas[2] konsulat bagi Malaysia kerana Malaysia belum lagi mengadakan perwakilan diplomatik dengan negara[2] itu.

340. Malaysia sentiasa menganggap Komonwel itu sa-bagai alat yang baik untok menganjorkan kerjasama, persefahaman dan bantu membantu antara bangsa. Masa perundingan Perdana[2] Menteri Komonwel di-London dalam bulan September 1966 dahulu Malaysia telah serta dengan negara[2] Komonwel lain membuat ketetapan hendak menghapuskan Pemerentahan Smith di-Rhodesia yang tidak sah itu. Dan lagi, bagi menurut ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa[2] Bersatu yang di-buat pada 10 haribulan Disember, 1966, Malaysia telah mengambil berbagai[2] langkah untok menjalankan dasar tidak mengiktirafkan pemerentahan yang tidak sah itu. Langkah[2] tersebut ada-lah melebehi daripada yang di-kehendaki oleh ketetapan Majlis Keselamatan itu yang hanya menghendakkan negeri[2] yang menjadi ahli-nya mengenakan penyekatan ekonomi yang tertentu sahaja ka-atas Rhodesia.

341. Dengan puleh-nya sa-mula perhubongan diplomatik antara Malaysia dengan Filipina pada 3 haribulan Jun, 1966, gerak-kerja[2] ASA telah berjalan dengan ranchak-nya sa-mula, dan keputusan[2] meshuarat ketiga bagi Menteri[2] Luar Negara ASA dalam tahun 1966 telah di-perbinchangkan oleh berbagai[2] jawatan-kuasa bersama dan jawatan-kuasa kerja bersama untok di-laksanakan dengan segera atau di-kaji lagi. Jawatan-kuasa[2] yang tersebut itu telah mengadakan meshuarat di-ketiga[2] ibu kota Negara[2] ASA, dan telah meranchangkan berbagai[2] projek dan menukar baharu berbagai[2] ranchangan untok di-timbangkan dalam meshuarat ke-empat bagi Menteri[2] Luar Negara[2] ASA yang akan di-adakan pada bulan Ogos tahun ini.

KEMENTERIAN PELAJARAN

PELAJARAN RENDAH DAN MENENGAH

342. Pada tahun 1966 lebeh kurang 62 peratus daripada semua peruntokan wang pembangunan bagi pelajaran telah di-belanjakan untok meluaskan kemudahan[2] pelajaran pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Pada tahun 1967, peruntokan telah bertambah hampir sa-kali ganda daripada peruntokan bagi tahun 1966 oleh kerana bilangan murid[2] di-Malaysia bertambah dari 1,872,256 orang pada tahun 1966 menjadi 2,095,607 orang pada tahun ini.

343. Pada tahun 1966 satu perubahan besar telah terjadi dalam sejarah pelajaran di-Malaysia. Bagi pertama kali-nya Pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan telah di-adakan dalam bahasa Melayu. Pada tahun ini ada-lah di-jangka lebeh ramai lagi chalun[2] akan mengambil Pepereksaan tersebut.

344. Berhubong dengan perkembangan sekolah[2] rendah dan menengah, banyak bilek[2] darjah baharu dan kerja[2] sambongan telah di-siapkan. Ma'mal sains dan sains rumah tangga dan wokshop seni perusahaan telah juga di-bena dalam tahun 1966. Bantuan yang berupa alat[2] kelengkapan bagi sekolah[2] telah di-terima daripada beberapa buah negeri di-bawah Ranchangan Colombo. Malaysia akan terus mengadakan kemudahan tambahan bagi meluas dan mengembangkan pelajaran rendah dan menengah.

LATEHAN GURU

345. Dengan bertambah-nya bilangan murid[2] yang masok sekolah maka lebeh banyak guru[2] di-perlukan. Pusat[2] Latehan Daerah yang bermula pada tahun 1965 telah mengeluarkan kumpulan pertama guru[2] berkelayakan bagi berkhidmat di-sekolah[2] menengah rendah. Sa-lain daripada ini, lebeh ramai lagi guru[2] yang berkelayakan telah menamatkan kursus masing[2] di-Maktab[2] Perguruan Sekolah Menengah di-negeri ini. Di-bawah Ranchangan Latehan Guru yang di-Persatukan, Maktab Perguruan Ilmu Khas, yang sa-hingga tahun 1965 telah mengadakan kursus[2] khas dan tambahan, telah berubah menjadi sa-buah Maktab Perguruan Menengah biasa pada tahun 1966. Untok mengadakan guru[2] yang di-perlukan itu, dua buah Maktab baharu akan di-bena, sa-buah di-Taiping dan sa-buah lagi di-Kuala Trengganu. Maktab[2] baharu ini akan mengadakan kursus[2] dalam Bahasa Kebangsaan.

346. Keperluan bagi mengadakan guru[2] Sekolah Teknik di-Malaysia sedang di-selenggarakan dengan giat-nya. Dengan pembenaan sa-buah Maktab Perguruan Teknik di-Jalan Cheras, lebeh ramai lagi guru[2] boleh di-lateh untok sekolah[2] menengah teknik itu.

347. Urusan juga sedang di-buat untok mengadakan Ranchangan Perguruan Pertukangan di-sekolah menengah latehan kerja. Perundingan sedang di-jalankan untok mengemukakan Ranchangan ini kapada Bank Dunia bagi mendapatkan biaya.

348. Kedudokan berhubong dengan penyediaan guru[2] sekolah[2] rendah bertambah baik. Bangunan baharu bagi pusat[2] latehan harian di-Alor Star, Muar dan Taiping sedang di-ranchangkan. Mulai dari tahun ini kelayakan akademik

untok masok yayasan[2] latehan guru sekolah rendah telah di-naikkan memandangkan kapada bilangan besar chalun[2] yang mempunyai kelayakan Sijil Persekolahan atau sijil yang sa-tara dengan-nya.

349. Sa-buah Pasokan Pengkaji Latehan Guru telah di-lantek untok mengkaji sistem latehan guru di-Malaysia Timor dan mengkaji kemungkinan mendapatkan kerjasama dan perhubongan yang lebeh erat lagi di-antara Maktab[2] Perguruan di-Malaysia supaya satu sistem latehan yang sama boleh di-ranchangkan.

Guru[2] Siswazah

350. Malaysia juga mengambil langkah[2] yang perlu untok mengatasi kekurangan guru[2] siswazah. Pada tahun 1966, 188 biasiswa dan dermasiswa telah di-hadiahkan kapada bakal[2] guru untok mengikuti latehan di-beberapa buah Universiti di-negeri ini dan di-seberang laut. Ranchangan sedang di-uruskan untok menghantar guru[2] dan pensharah[2] bagi latehan lanjutan di-bawah Ranchangan Colombo dan Ranchangan Pelajaran Fulbright. Masaelah kekurangan guru[2] ini telah sa-paroh selesai sa-telah di-ambil guru[2] di-bawah bantuan Pasokan Keamanan, Ranchangan Perkhidmatan Sukarela Sa-berang Laut Australia dan New Zealand.

Pelajaran bagi Kanak[2] Chachat

351. Malaysia ada-lah sedar tentang keperluan memberi pelajaran kapada kanak[2] chachat. Untok memenohi keperluan kanak[2] ini, ada-lah di-chadangkan sa-buah Sekolah khas di-bena di-Kuala Lumpur pada tahun ini. Pertubohan[2] bersendirian juga mengadakan kemudahan[2] untok kanak[2] chachat dengan bantuan wang dari Kerajaan.

Kelas[2] Pelajaran Lanjutan

352. Kelas[2] Pelajaran Lanjutan yang di-anjorkan oleh Kerajaan telah terbukti di-sukai ramai, khusus-nya oleh mereka yang tidak berpeluang mendapat pelajaran di-sekolah biasa. Kerajaan akan terus mengembangkan kelas[2] ini dari masa ka-masa.

Pejabat Buku Teks

353. Tindakan sedang di-ambil untok menubohkan sa-buah Pejabat Buku[2] Teks atau "Textbooks Bureau" di-Kementerian Pelajaran untok menyelenggarakan masaelah[2] berhubong dengan penggunaan buku[2] teks yang sesuai di-sekolah[2] dan mengadakan satu peratoran berkenaan pertukaran buku[2] teks itu.

Pengajaran Ugama Islam di-Sekolah[2] Rendah dan Menengah

354. Pengajaran Ugama Islam terus di-adakan di-sekolah[2] rendah dan menengah yang di-bantu. Tindakan sedang di-ambil untok mengambil lebeh ramai lagi guru[2] ugama untok mengatasi kekurangan pada masa ini. Untok menyelenggara dan meninggikan lagi mutu pengajaran ugama di-sekolah[2] ini kursus[2] dalam perkhidmatan bagi guru[2] ugama sekolah menengah di-adakan dalam masa chuti sekolah, dan ada-lah juga di-chadangkan bahawa latehan dalam perkhidmatan juga di-beri kapada guru[2] ugama di-sekolah rendah.

355. Langkah[2] sedang di-ambil untok memperbaiki keadaan sekolah[2] ugama Islam ra'ayat dan dalam perkara ini, Kerajaan[2] Negeri di-Malaysia Barat telah bersetuju pada dasar-nya untok menjadikan sa-buah sekolah ra'ayat di-tiap[2] Negeri itu sa-bagai sekolah bantuan penoh. Ada-lah di-chadangkan sukatan[2] pelajaran bagi sekolah[2] itu di-samakan dengan sukatan pelajaran Sekolah[2] Kebangsaan kechuali kandongan sukatan pelajaran bagi Pengajaran Ugama Islam dan Bahasa Arab akan di-lengkapkan untok menyediakan murid[2] bagi Pepereksaan Masok Kolej Islam.

Kolej Islam

356. Mulaï dari tahun ini Kolej Islam di-Klang akan menyediakan murid[2] bagi Pepereksaan Berkanun termasok Pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia, sementara Kolej di-Petaling Jaya itu pula akan menyediakan murid[2] bagi Pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan yang akan di-adakan pada pertama kali-nya pada tahun 1968. Penuntut[2] yang berkelayakan boleh meneruskan pelajaran mereka ka-Universiti Malaya dalam mata pelajaran yang dapat di-adakan di-Universiti itu. Sa-buah Majlis telah juga di-lantek menurut Surat-Chara Kerajaan mulaï dari 1 haribulan Januari, 1967 untok mentadbirkan Maktab di-Petaling Jaya.

Maktab Pertanian, Serdang

357. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Kerajaan berchadang hendak meluaskan Maktab Pertanian di-Serdang untok mengeluarkan pegawai[2] pertanian sa-banyak yang di-kehendaki oleh Malaya. Satu kursus permulaan sa-lama sa-tahun, yang di-mulakan pada tahun ini ada-lah di-reka khas untok pemuda pemudi dari luar bandar yang benar[2] chenderong dan berkebolehan dalam bidang pertanian tetapi berkelayakan rendah untok mengikuti Kursus Diploma.

358. Kandongan bidang pelajaran Maktab sedang di-semak sa-mula untok melaraskan-nya dengan keperluan[2] perusahaan pertanian di-Malaysia.

Universiti Malaya

359. Universiti Malaya telah berkembang dengan pesat-nya semenjak penubohan-nya dan sekarang Universiti itu mempunyaï sa-banyak tujoh buah Fakulti dengan Fakulti Ekonomik dan Pentadbiran 'Awam yang baharu di-tubohkan itu. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, ada-lah di-chadangkan bilangan penuntut[2] di-tambah hingga tujoh ribu pada tahun 1967. Oleh hal yang demikian ada-lah perlu di-luaskan lagi Fakulti itu dan Per-pustakaan Universiti itu.

360. Projek Pusat Perubatan yang telah di-lancharkan pada tahun 1963 sekarang hampir siap. Bangunan Fakulti Perubatan sudah pun siap. Hospital Latehan juga telah mula berjalan.

Bahasa Kebangsaan

361. Pengajaran Bahasa Kebangsaan di-yayasan[2] pelajaran telah di-pergiatkan lagi. Bilangan murid[2] daripada sekolah[2] yang bahasa pengantar-nya bahasa Melayu yang masok Universiti Malaya bagi jurusan Sastera dan Sains telah

bertambah. Bagi pertama kali-nya empat puloh empat murid[2] dari sekolah[2] yang bahasa pengantar-nya bahasa Melayu telah di-terima untok mengambil kursus Sains di-Universiti Malaya pada Seshen 1967/68.

Perbelanjaan Pelajaran

362. Perbelanjaan berulang tiap[2] tahun bagi pelajaran telah bertambah. Pada tahun ini tambahan-nya ada-lah lebeh kurang 9.1 peratus lebeh daripada peruntokan bagi tahun 1966. Menilek kapada perbelanjaan yang bertambah serta kesempitan wang dalam negeri ini, ada-lah mustahak di-kaji tiap[2] butiran perbelanjaan yang boleh di-jimatkan. Perkara ini sedang di-kaji oleh sa-buah Jawatan-kuasa Khas yang di-pengerusikan oleh Menteri Pelajaran.

Perkembangan Pelajaran Tinggi bagi masa hadapan

363. Malaysia akan menyediakan satu ranchangan bagi perkembangan kemudahan[2] pelajaran tinggi hingga tahun 1985 yang berdasarkan kapada penerimaan shor[2] Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi yang baharu sahaja menyudahkan Penyata-nya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

364. Tugas besar dan tanggong-jawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ia-lah mengator serta menyeliakan segala usaha dan gerakerja yang di-jalankan oleh Kerajaan bagi melaksanakan Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Tugas ini di-jalankan dengan mengesan dan mengatasi kelambatan[2] dan kesulitan yang mungkin di-hadapi pada masa melaksanakan ranchangan[2] pembangunan supaya matalamat[2] yang di-tuju dapat di-chapai dengan sa-penoh[2] kejayaan.

365. Kementerian ini ada-lah juga bertanggong-jawab melaksanakan berbagai[2] Ranchangan Kechil Pembangunan Luar Bandar saperti membena jalan[2] kampong, bekalan[2] ayer, perigi[2], jeti[2], jambatan[2] dan juga masjid[2], surau[2], sekolah[2] ugama dan lain[2] rumah ibadat. Semua ranchangan[2] kechil pembangunan ini ada-lah untok memberi kemudahan[2] kapada mereka yang tinggal di-kampong[2] yang jauh dan belum lagi mendapat faedah daripada ranchangan[2] besar yang di-jalankan oleh Kerajaan. Kampong[2] yang menerima ranchangan[2] ini termasok-lah kampong[2] baharu yang mula[2] di-dirikan dalam masa Dzarurat dahulu. Dalam tahun 1966 Kerajaan melaluï Kementerian ini telah membelanjakan lebeh kurang $9,259,516 untok Ranchangan[2] Kechil Pembangunan Luar Bandar dan $11,751,195 untok membena berbagai[2] rumah ibadat.

366. Satu lagi tugas yang penting bagi Kementerian ini ia-lah melaksanakan Ranchangan Pembangunan Masharakat dan Pelajaran Dewasa. Sa-lain daripada itu Kementerian ini juga bertanggong-jawab atas segala dasar 'am mengenaï Majlis Amanah Ra'ayat, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Perbadanan Wang Simpanan Bakal[2] Haji.

367. Mengenaï Ranchangan[2] Penempatan Dzarurat dan Pengumpulan Sa-mula di-negeri[2] di-Malaysia Timor, Kementerian ini ada-lah bertanggong-jawab bagi pembangunan tiga buah kampong baharu di-Negeri Sabah, ia-itu di-Bergosong, di-Tamang dan di-Kuala Merotai, Tawau, dan empat buah kampong lagi di-Negeri Sarawak ia-itu, di-Siburan, Beratok, Tapah dan Pandaruan. Dalam kawasan kampong[2] baharu ini Kerajaan menyediakan jalan[2] raya, balai[2] raya, bekalan[2] ayer, sekolah[2], kelinik[2] dan lain[2] keperluan saperti yang di-dapati oleh pendudok[2] dalam kawasan[2] luar bandar yang lain juga. Dalam tahun 1966 Kementerian ini telah membelanjakan $3,787,363 bagi ranchangan ini.

Bahagian Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masharakat

pelajaran dewasa

368. Ranchangan membasmi buta huruf di-kalangan ra'ayat sedang di-teruskan dengan giat-nya. Kedudokan ranchangan Pelajaran Dewasa pada akhir tahun 1966 ada-lah saperti berikut:

(i) *Pelajaran Dewasa* (Bahasa Kebangsaan)—	
Jumlah kelas	10,008
Jumlah pelajar	243,669
Jumlah guru	6,193
(ii) *Pelajaran Dewasa* (Ugama)—	
Jumlah kelas	6,473
Jumlah pelajar	157,523
Jumlah guru	2,226
(iii) *Pelajaran Dewasa* (Ekonomi Rumah Tangga)—	
Jumlah kelas	2,645
Jumlah pelajar	59,066
Jumlah guru	998
(iv) *Pelajaran Lanjutan Dalam Bidang Pertanian dan Kesihatan*—	
Jumlah pelajar	1,364

369. Dalam usaha[2] Kerajaan hendak meninggikan taraf pelajaran di-kalangan pendudok[2] luar bandar Kementerian ini telah melichinkan lagi chara[2] mentadbir dan menyeliakan Kelas[2] Pelajaran Dewasa yang ada sekarang ini. Buku[2] untok kelas[2] pelajaran dewasa telah di-semak dan kandongan-nya di-elokkan lagi.

370. Sa-bagaimana tahun[2] yang lepas pelajar[2] di-kelas[2] dewasa ada-lah di-beri 3 jenis pelajaran lain sa-bagai tambahan, ia-itu Pelajaran Ugama (bagi pelajar[2] Islam sahaja), Ekonomi Rumah Tangga dan Pelajaran[2] Lanjutan dalam bidang pertanian, ternakan, perikanan dan perusahaan kampong.

371. Sa-lain daripada menjalankan pepereksaan[2] bagi guru[2] dan pelajar[2] di-kelas[2] dewasa di-seluroh Malaysia lima kursus untok Penyelia[2] Pelajaran Dewasa Daerah telah juga di-adakan pada tahun lepas. Kursus[2] ini ada-lah bertujuan hendak melengkapkan mereka dengan perkembangan mengenaï Gerakan Maju.

PEMBANGUNAN MASHARAKAT—GERAKAN MAJU

372. Sa-buah Jawatan-kuasa Gerakan Maju Peringkat Kebangsaan telah di-tubohkan dalam bulan Februari, 1967. Tujuan Jawatan-kuasa ini terutama sa-kali ia-lah untok membuat ranchangan[2] bagi melaksanakan Gerakan Maju dengan jaya-nya. Jawatan-kuasa ini akan menasihatkan Kementerian[2], Jabatan[2] dan Kerajaan[2] Negeri tentang menjalankan penyelidekan dan usaha[2] mereka bagi meninggikan taraf hidup ra'ayat. Jawatan-kuasa ini akan juga melancharkan projek[2] perchubaan dan menganjorkan seminar[2] pada peringkat kebangsaan.

373. Sa-bagai lanjutan kapada Gerakan Maju yang telah di-lancharkan pada 14hb Mach, 1966, tindakan telah di-ambil bagi menyusun sa-mula Jawatan-kuasa[2] Kemajuan Kampong, menjalankan peraduan[2] kemajuan kampong dan kursus[2] latehan serta seminar[2].

374. Satu Seminar Aspek Kesihatan telah di-anjorkan oleh Bahagian ini di-Jitra, Kedah dalam bulan September 1966. Seminar ini sangat-lah besar faedah-nya kapada usaha[2] melaksanakan ranchangan Gerakan Maju.

375. Semenjak bulan September tahun lepas, tiga kursus mengenai Gerakan Maju telah di-adakan untok Pegawai[2] Daerah di-seluroh Malaysia. Kursus[2] telah juga di-adakan bagi ketua[2] kampong, ahli[2] Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar peringkat Mukim, Penyelia[2] Pelajaran Dewasa, dan sa-bagai-nya, di-beberapa tempat di-Malaysia. Kursus[2] tersebut telah di-adakan dengan tujuan supaya pegawai[2] dan pehak[2] yang berkenaan bagi melaksanakan Gerakan Maju mengambil bahagian dengan lebeh chergas lagi dan menjalankan usaha yang lebeh besar lagi.

PERBADANAN WANG SIMPANAN BAKAL[2] HAJI

376. Kedudokan kewangan Perbadanan Wang Simpanan Bakal[2] Haji hingga Februari, 1967, serta kemajuan yang telah di-chapai oleh Perbadanan ini ada-lah saperti di-bawah ini:

	Februari 1967	Februari 1966	Tambahan
Simpanan	$5,097,003 ...	$2,206,944 ...	$2,890,059
Jumlah Penyimpan ...	29,201 ...	20,295 ...	8,906

377. Daripada jumlah simpanan yang tersebut di-atas ini sa-banyak $2,856,682 telah di-tanam modal. Keuntongan yang di-perolehi ia-lah sa-banyak $334,084.

378. Dalam tahun 1966 Perbadanan Wang Simpanan Bakal[2] Haji telah membeli 12 buah rumah sewa di-Setapak Garden dan rumah[2] ini telah di-sewakan semenjak bulan Februari, 1957. Perbadanan ini sedang berusaha hendak mendirikan pejabat-nya sendiri pada tahun ini.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

379. Satu daripada ranchangan[2] besar yang sedang di-laksanakan oleh Kerajaan di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama ia-lah pembukaan tanah sa-chara besar[2]an oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, ia-itu sa-buah perbadanan yang di-tubohkan untok menjalankan dasar[2] Kerajaan bagi

mengadakan kebun² kechil yang ekonomik dan mempunyai tanaman² yang bermutu tinggi bagi ra'ayat yang tiada mempunyai tanah. Ranchangan² tanah yang di-kelolakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada-lah merupakan ranchangan² penempatan yang di-sediakan dengan:

(i) Keperluan² dan kemudahan² kemasharakatan;

(ii) Pengurusan yang baik; dan

(iii) Chara² memproses dan pemasaran yang terator.

380. Hingga masa ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah membuka sa-banyak 68 ranchangan kemajuan tanah—52 ranchangan bertanam getah dan 16 ranchangan bertanam kelapa sawit. Luas tanah yang telah di-tanam dan di-majukan hingga masa ini ia-lah 182,020 ekar. Sa-jumlah 10,720 keluarga peneroka yang terdiri daripada 64,320 orang telah pun di-tempatkan dalam ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

381. Semenjak tahun 1961, sa-lain daripada menanam getah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah juga menumpukan usaha-nya menanam kelapa sawit. Ini ada-lah sesuai dengan dasar Kerajaan untok membanyakkan lagi jenis² tanaman di-negeri ini. Hingga akhir tahun 1966 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah menanam sa-luas 39,683 ekar kelapa sawit dalam sa-puloh ranchangan dan dalam tahun ini sa-banyak 18,862 ekar lagi akan di-tanam dengan kelapa sawit.

382. Hingga akhir tahun 1966, tiga belas ranchangan yang di-tanam dengan getah dan kelapa sawit sa-luas 6,900 ekar telah pun mulai mengeluarkan hasil. Hasil yang di-dapati sangat-lah memuaskan dan peneroka² itu telah pun mendapat faedah daripada usaha yang telah di-jalankan mereka sejak masok menjadi peneroka² dalam ranchangan² itu. Dengan pendapatan yang lebeh tinggi itu kehidupan mereka sekarang ini telah pun menjadi lebeh berbahagia lagi.

383. Pada penghujong tahun 1967 ada-lah di-jangka lima lagi ranchangan getah dan dua ranchangan kelapa sawit lagi akan mulai mengeluarkan hasil. Pada masa itu jumlah kawasan yang mengeluarkan hasil ia-lah sa-bahagia 17,200 ekar getah dan 11,000 ekar kelapa sawit. Dengan bertambah kawasan² yang mengeluarkan hasil, maka sa-makin ramai pula-lah bilangan peneroka yang akan mendapat sara hidup yang lebeh lumayan lagi. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan juga menumpukan tenaga-nya bagi membuka satu kawasan yang besar yang di-namakan kawasan Jengka Tiga Selatan terletak di-tengah² Negeri Pahang. "Master Plan" ranchangan ini telah Ranchangan ini ada-lah satu ranchangan yang terbesar yang pernah dalam negeri ini dan apabila ia-nya sudah di-laksanakan kelak, sa-lain menyediakan tanah bagi peneroka², ranchangan itu boleh juga menjadi pertukaran wang asing yang banyak bagi negeri ini.

384. Sa-lain daripada menanam getah dan kelapa sawit, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sedang juga membantu dan melateh peneroka² satu masharakat baharu yang dinamis lagi bertambah maju. Jika dilihat sambutan dan ke'azaman peneroka² itu nyata-lah bahawa mereka mempunyai sikap bergantong kapada diri mereka sendiri dan peranan mereka yang bertambah maju dalam masharakat.

385. Oleh hal yang demikian nyata-lah bahawa Kerajaan telah menjalankan usaha² yang berhasil lagi berguna dalam segi pembangunan tanah dan penempatan sa-mula di-seluroh negeri ini, ia-itu sesuai dengan dasar yang telah di-ishtiharkan-nya.

MAJLIS AMANAH RA'AYAT

386. Mengikut keputusan² Konggeres Ekonomi Bumiputera yang bersidang dalam bulan Jun, 1965, MARA telah meranchang dan melaksanakan beberapa ranchangan kemajuan saperti projek² perkhidmatan bas, pembenaan rumah² kedai, mengadakan kemudahan² meminjam wang, khidmat penasihat teknik dan professional serta peluang² berlateh dan penyelidekan. Kerja² ini boleh-lah di-bahagikan saperti di-bawah ini:

(i) Mengadakan latehan;

(ii) Mengadakan kemudahan² meminjam wang bersama² dengan nasihat teknik dan professional;

(iii) Mengadakan kemudahan² yang lain saperti menchari bahan² mentah, mengadakan rumah² kedai dan menyelidek chara² pengeluaran bagi sa-tengah² perusahaan, dan

(iv) Menjalankan usaha² perdagangan dan perusahaan saperti mengeluarkan kayu-kayan, memproses dan menyemak kulit dan mengeluarkan barang² yang di-perbuat daripada kulit.

MENGADAKAN LATEHAN

387. MARA sedang menjalankan satu ranchangan latehan yang lengkap supaya umiputera negeri ini mengambil peranan yang lebeh chergas dan sempurna lam lapangan perniagaan dan perusahaan. Maktab MARA di-Petaling Jaya arang mempunyai penuntut² yang berjumlah 556 orang, ia-itu telah meningkat pir² tiga kali banyak-nya jika di-bandingkan dengan jumlah penuntut²-nya awal tahun 1966 ia-itu seramai 226 orang. Kursus² baharu saperti "Asso- n of Certified and Corporate Accountant" dan "Institute of Statistician" di-adakan di-Maktab itu pada tahun 1966. Ada-lah di-jangka apabila siap an tambahan di-Maktab itu, kursus² yang lain saperti di-bawah ini akan i-adakan dalam tahun 1967 ini:

Diploma in Banking Studies;

Diploma in Public Administration and Local Government;

ploma in Planting Industries Management;

duate Examination of Institute of Transport (U.K.);

oma in Marketing of Institute of Marketing (U.K.);

te of Credit Management (U.K.);

sing Officers Association (U.K.);

of Work Study Practitioners (U.K.); and

of Office Management (U.K.).

388. Sa-bagai satu ranchangan jangka panjang bagi meluaskan kerja Maktab itu, MARA berchadang hendak mendirikan sa-buah Maktab baharu di-Batu Tiga, Jalan Klang, Selangor. Sa-keping tanah sa-luas 100 ekar telah di-perolehi daripada Kerajaan Negeri dan ada-lah di-jangka sa-buah asrama bagi 500 orang penuntut akan siap di-bena di-kawasan itu pada hujong tahun 1967. Akan tetapi semua projek itu hanya akan siap dalam tahun 1969.

389. Dalam tahun 1966 MARA telah menghadiahkan sa-banyak 111 biasiswa. Dengan chara ini MARA telah memberi peluang kapada penuntut[2] Bumiputera mengambil kursus[2] ijazah dan kursus[2] lepas ijazah di-pusat[2] pelajaran dalam negeri atau di-luar negeri. Kursus[2] yang di-ambil oleh mereka itu termasok-lah kursus[2] pengurusan kewangan, peri'klanan, pengurusan hotel, pengurusan saham[2], seni rekabentok, pertanian, kejuruteraan dan lain[2] kursus professional lagi. Ada-lah di-jangka MARA akan memberi 250 biasiswa lagi dalam tahun 1967.

390. Sa-jenis lagi latehan yang di-sediakan oleh MARA ia-lah latehan kepandaian. Dalam sa-tahun yang lampau, MARA telah melateh 156 orang Bumiputera (termasok orang[2] yang datang daripada Sabah dan Sarawak) dalam beberapa kepandaian saperti pertukangan peteri, pertukangan kayu, membaiki jentera, mengeriting rambut dan jahit menjahit. Sa-bahagian besar daripada mereka yang telah di-lateh itu sekarang boleh menchari pendapatan yang lebeh besar daripada pendapatan sa-belum mereka di-lateh dahulu. Tindakan sedang di-ambil untok melateh sa-ramai 2,000 orang Bumiputera lagi dalam kepandaian[2] tersebut.

391. Untok memperbaiki lagi kedudokan peniaga[2] kechil Bumiputera, dalam tahun 1966 MARA telah menganjorkan satu jenis latehan baharu yang di-namakan "latehan merangkap pengeluaran dan pasaran". Dengan chara ini, pengeluar[2] kechil saperti pembuat[2] kain songket, penganyam[2] pandan dan mengkuang, serta tukang[2] barang tembaga, bukan sahaja di-lateh dalam chara[2] pengeluaran yang baharu dan lebeh baik, bahkan juga dalam selok-belok pasaran. Latehan saperti ini telah memberi faedah yang besar kapada pengeluar[2] kechil di-pantai timor.

392. Berkenaan dengan soal latehan kakitangan pula, sa-ramai dua puloh satu orang kakitangan MARA telah di-hantar berlateh ka-luar negeri dalam tahun yang lalu untok mengambil kursus[2] pendek dalam beberapa lapangan yang berhubong dengan tugas[2] MARA. Sa-tengah[2] pegawai di-lateh di-negeri ini dengan menyertai seminar dan kursus[2] pendek. Lebeh banyak lagi pegawai[2] MARA akan di-hantar berlateh ka-luar negeri dalam tahun 1967.

MENGADAKAN KEMUDAHAN[2] MEMINJAM WANG DAN KHIDMAT PENASIHAT TEKNIK

393. Semenjak 1966 MARA telah meminjamkan wang sa-banyak $2,512,480. Dengan bertambah-nya kakitangan MARA, dapat-lah MARA sekarang memileh peminjam[2] wang-nya dengan lebeh teliti. Permohonan[2] hendak meminjam wang di-siasat betul[2] dan hanya orang[2] yang mungkin berjaya sahaja di-beri pinjaman wang. Dengan hal yang demikian dapat-lah di-perhatikan

bahawa lebeh banyak lagi Bumiputera tampil ka-hadapan menjalankan perniagaan yang lebeh besar. Ini telah menolong peniaga[2] itu mengambil peranan yang lebeh berkesan dalam lapangan perusahaan dan perdagangan. Ada-lah di-jangka MARA akan memberi lebeh banyak lagi pinjaman dalam tahun 1967.

394. Bagi menentukan kejayaan ranchangan-nya meminjamkan wang bila[2] mustahak, MARA juga memberi nasihat teknik dan professional kapada peminjam[2] wang-nya. Kumpulan penasihat[2] ini termasok jurutera[2] pengeluaran, sa-orang pakar pengurus, sa-orang pakar ekonomi, sa-orang pakar pasaran, penyimpan kira[2] penasihat, sa-orang pakar pertukangan kayu dan pakar perusahaan mendirikan rumah. Lebeh banyak lagi pakar[2] akan di-ambil dalam tahun 1967. Pakar[2] ini menyeliakan, menasihat dan memandu mereka yang telah di-beri pinjaman wang dalam beberapa perkara yang berhubong dengan perniagaan mereka. Pakar[2] itu juga memberi nasihat dan panduan kapada lain[2] peniaga Bumiputera yang tiada meminjam wang MARA.

MENGADAKAN KEMUDAHAN[2] MEMBANTU PERNIAGAAN[2] BUMIPUTERA

395. MARA sedar sa-bahagian besar perniagaan[2] Bumiputera ada-lah kechil dan kerap kali tiada berapa baik pengurusan-nya. Mereka terpaksa bertanding dengan perniagaan[2] yang telah bertapak dan lebeh terator. Bagi menentukan kejayaan peniaga[2] Bumiputera itu maka MARA telah mengator dan mengadakan beberapa kemudahan[2] bagi faedah perniagaan[2] mereka. Dengan hal yang demikian, sudah beberapa tahun lama-nya, MARA mencharikan kain puteh, benang sutera dan kelengkan, sisa tembaga dan nekal untok pembuat[2] kain batek, songket, barang[2] tembaga dan pembuat barang[2] nekal di-Pantai Timor, Malaysia Barat. Dalam tahun 1966, MARA telah menjual bahan[2] ini kapada mereka dengan harga $1,505,027. Kemudahan[2] ini sudah tentu memberi pertolongan besar kapada perniagaan[2] itu kerana bahan[2] ini selalu-nya di-jual dengan harga yang rendah daripada harga pasaran. MARA sekarang telah meluaskan lagi ranchangan ini dengan menjual baldu kapada pembuat[2] songkok.

396. Satu jenis bantuan lagi kapada pengeluar kechil, terutama sa-kali orang[2] dalam perusahaan batek dan pertukangan tangan, ia-lah penubohan sa-buah Pusat Kemajuan Pertukangan Tangan di-Petaling Jaya untok menjalankan penyelidekan ka-atas beberapa masaelah, sama ada masaelah teknik atau bukan, yang berkaitan dengan sa-tengah[2] perusahaan. Pusat ini sekarang menjalankan penyelidekan ka-atas chara[2] mengeluarkan batek dan ada-lah di-jangka tiada berapa lama lagi Pusat ini akan dapat menunjokkan chara[2] mengeluarkan batek yang baharu dan lebeh maju kapada pembuat[2] batek melalui satu persatuan pembuat[2] batek yang akan di-tubohkan oleh MARA dalam beberapa bulan lagi.

397. MARA juga sedar betapa penting-nya Bumiputera mempunyai dengan segera rumah[2] kedai dan bazaar yang sesuai tempat mereka menjalankan perniagaan dengan terator dan sempurna. Oleh hal yang demikian, dalam tahun 1966 MARA telah siap membena rumah[2] kedai di-Seremban dan tingkat gerai di-Bangunan Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur. Dua puloh satu buah petak

kedai di-Seremban dan dua puloh tujoh petak kedai di-Kuala Lumpur ini telah di-sewakan kapada Bumiputera dalam tahun 1966. Lima buah lagi petak kedai di-bangunan rumah kedai MARA di-Kangar telah di-sewakan kapada Bumiputera pada awal tahun 1967. Mulaï pada tahun ini banyak lagi rumah[2] kedai dan bazaar akan di-bena oleh MARA.

398. Dalam usaha-nya hendak menjual dan membuat seranta mengenaï hasil pertukangan tangan Bumiputera, MARA ada menganjorkan dua buah pusat penjualan di-Kuala Lumpur, sa-buah di-Pulau Pinang dan sa-buah lagi di-Jesselton. Hasil[2] pertukangan tangan saperti batek, songket, barang[2] di-buat dari pandan dan mengkuang, barang[2] tembaga dan lain[2], sedang di-pamerkan dan di-jual di-pusat[2] tersebut. Pusat[2] penjualan ini telah mendapat sambutan ramai dan sentiasa termasok dalam jadual lawatan pelanchong[2] di-negeri ini.

MENUBOHKAN PROJEK[2] PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN

399. Penyertaan MARA dalam lapangan perkhidmatan bas telah bertambah besar dalam sa-tahun yang lepas. Pada awal tahun 1966 MARA hanya menjalankan 150 buah bas melaluï jalan[2] yang jumlah panjang-nya 1,007 batu. Sekarang MARA menjalankan 242 buah bas (tidak termasok NETS Kelantan) melaluï jalan[2] sa-panjang 1,506 batu. Perkhidmatan[2] bas ini termasok perkhidmatan[2] bas di-Daerah Limbang, Sarawak dan di-beberapa kawasan di-Sabah. Dasar jangka panjang MARA dalam perkara ini ia-lah hendak menyerahkan perkhidmatan[2] bas itu kapada Bumiputera (khas-nya kapada mereka yang tinggal di-sakeliling kawasan perkhidmatan[2] bas MARA yang berkenaan) apabila Bumiputera mempunyaï modal dan berkebolehan menguruskan perkhidmatan[2] bas itu. Di-saparoh[2] kawasan, dasar ini telah pun di-laksanakan. Umpama-nya di-Kedah Utara perkhidmatan[2] bas yang dahulu-nya di-jalankan oleh MARA sekarang telah di-serahkan kapada sa-buah Sharikat bernama "Kenderaan Sri Kedah Sendirian Berhad". Sharikat ini ia-lah sa-buah sharikat yang di-mileki oleh MARA dan dua buah sharikat kenderaan Bumiputera tempatan.

400. Sharikat Kebangsaan Kayu-Kayan Malaysia Berhad telah di-tubohkan dan di-daftarkan dalam tahun 1966. Tujuan utama sharikat ini ia-lah untok menuboh dan menjalankan satu "integrated timber complex" bagi mengerjakan hasil kayu-kayan di-kawasan Jengka. Sharikat ini akan dapat menjalankan kerja[2] membalak pada pertengahan tahun ini. Kerja membalak ini ia-lah peringkat pertama dalam kerja[2] MARA di-kawasan itu. Peringkat[2] yang lain saperti menubohkan sa-buah kilang papan dan lain[2] ada-lah dalam peringkat peranchangan dan ada-lah di-jangka projek ini akan dapat memberi peluang bekerja kapada sa-kumpulan besar pendudok[2] tempatan, khas-nya pendudok[2] di-luar bandar.

401. Dengan kerjasama Bumiputera di-Kelantan, MARA telah dapat menubohkan 7 buah pusat memproses kulit dan belulang dalam tahun 1965/66. Pengeluaran kulit yang bermutu daripada pusat[2] ini ada-lah tetap dan senang di-jual kapada gedong[2] di-Kuala Lumpur dan Singapura dengan harga yang baik. Dalam tahun 1966, 725 pikul kulit dan belulang telah di-jual dengan

harga di-antara 50 sen hingga 65 sen sa-kati bagi kulit lembu dan 32 sen hingga 47 sen sa-kali bagi kulit kerbau, f.o.b. Kota Bharu. Oleh kerana mendapat galakan daripada kejayaan ini, MARA sekarang berchadang hendak meluaskan ranchangan menubohkan pusat[2] memproses kulit ini ka-Kuala Trengganu dan lain[2] kawasan di-Pantai Timor. MARA juga sedang menubohkan sa-buah kilang menyamak dan membuat barang[2] daripada kulit yang akan menggunakan kulit[2] yang di-keluarkan oleh pusat[2] memproses di-Kelantan itu dan lain[2] pusat yang akan di-tubohkan kelak.

402. Akhir-nya, MARA telah membeli saham[2] yang telah di-khaskan oleh beberapa sharikat di-Malaysia ini untok Bumiputera. Hingga masa ini MARA telah membeli saham sharikat[2] yang berharga sa-banyak $180,160 mengikut hargatara. Tujuan MARA ia-lah hendak memelihara peluang menanam modal sa-chara membeli saham bagi Bumiputera hingga sampai masa-nya kelak mereka boleh membeli saham. MARA sekarang sedang hendak menubohkan sa-buah Bahagian Saham Amanah (Unit Trust) bagi menjalankan tugas ini. Dengan penubohan Bahagian Saham Amanah ini, penanam[2] modal kechil Bumiputera boleh-lah membeli saham[2] daripada Bahagian ini dan dengan yang demikian dapat-lah mereka mengambil faedah daripada pembahagian keuntongan yang di-uruskan oleh bahagian itu.

KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

403. Dalam masa sa-tahun yang lalu, Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah meneruskan tugas-nya menyusun kerja sebaran 'am yang di-jalankan oleh jabatan[2] di-bawah-nya. Dasar[2] yang di-buat bagi radio, talivishen, filem dan akhbar telah di-bentok sesuai dengan kehendak negara yang sedang maju dan mengamalkan demokrasi berparlimen. Sa-lain daripada menerangkan dasar Kerajaan mengenai pelbagai perkara kapada seluroh ra'ayat melaluï alat[2] yang ada di-bawah-nya, Kementerian ini juga ada-lah menjadi juruchakap resmi Kerajaan, ia-itu menghubongkan Kerajaan dengan ra'ayat.

404. Untok menggalakkan lagi pengeluaran berita[2] mengenaï Malaysia bagi kegunaan dalam dan luar negeri, Kementerian ini bersama-sama dengan pertubohan[2] akhbar di-Malaysia sekarang ini sedang menubohkan sa-buah Sharikat Berita National yang di-beri nama BERNAMA (BERITA NATIONAL MALAYSIA).

405. Kementerian ini di-jangka akan pindah ka-bangunan-nya sendiri di-Lembeh Pantai apabila bangunan itu siap kira[2] dalam bulan Ogos ini.

JABATAN PENERANGAN

406. Betapa penting-nya peranan Jabatan Penerangan sa-bagai juruchakap Kerajaan sangat-lah jelas kelihatan dalam masa dua belas bulan yang lalu. Masa ini penoh dengan peristiwa[2] yang menggembirakan lagi bersejarah. Jabatan ini telah berusaha dengan sa-daya upaya-nya memberitahu ra'ayat, terutama sa-kali pendudok[2] luar bandar tentang kejadian[2] yang berlaku di-Malaysia dan di-luar negeri.

407. Melaluï sharahan[2] kapada orang ramai dan usaha[2] tata ra'ayat, Jabatan ini bertugas sa-bagai peserta yang chergas dalam projek[2] dan kempen[2] Kerajaan dan dengan jalan ini sama[2] membantu kerja membena negara dan mengujudkan perpaduan, harmoni dan persefahaman di-kalangan ra'ayat.

408. Ra'ayat telah sentiasa di-ingatkan supaya jangan mudah berasa puas hati dan hendak-lah bekerja lebeh giat lagi sa-tiap masa. Mereka juga di-nasihatkan supaya selalu berjaga-jaga terhadap komiunis dan anasir[2] subversif yang chuba hendak menimbulkan perselisehan dan kekachauan di-negeri ini. Di-antara kempen[2] yang penting yang telah di-sertaï oleh jabatan ini ia-lah kempen Minggu Perpaduan Kebangsaan, Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan, Gerakan Harapan di-Malaysia Timor dan Gerakan Maju.

409. Peristiwa yang besar sa-kali dalam tahun ini ia-lah tamat-nya konferantasi Indonesia dan menanda tangani Perjanjian Keamanan di-Jakarta pada tengah hari 11 haribulan Ogos tahun 1966. Jabatan ini sentiasa memberitahu orang ramai tentang apa yang berlaku pada hari[2] yang bersejarah itu.

410. Dalam tahun ini juga Seranta Luar Negeri telah di-perhebatkan lagi dan ranchangan[2] untok memperluaskan lagi kegiatan[2] Bahagian Penerangan Luar Negeri telah di-laksanakan. Lebeh banyak lagi Atashe[2] Penerangan sedang di-ambil, di-lateh dan di-hantar kapada perwakilan[2] Malaysia di-seberang laut.

411. Dalam masa lawatan President Johnson dalam bulan Oktober, 1966 yang lalu, Dewan Tunku Abdul Rahman telah di-jadikan Pusat Akhbar tempat pegawai[2] yang terpileh memberi penerangan dan menjawab pertanyaan[2] daripada wakil[2] akhbar Amerika dan lain[2] negara asing.

412. Jabatan ini telah memainkan peranan yang besar dalam "Gerakan Harapan" yang telah di-lancharkan di-Sarawak dalam bulan Julai tahun 1966 dengan jalan membantu pegawai[2] pentadbir tempatan memberi penerangan mengenaï sharat[2] penyerahan dan membahagi[2]kan berjuta-juta risalah kapada orang ramai.

Jabatan Radio

413. Radio Malaysia dengan siaran[2]-nya terus menerus membantu usaha pembenaan negara dalam lapangan kesenian, kebudayaan, ekonomi, kemasharakatan dan politik. Pada tahun lalu, kejadian[2] di-peringkat negara dan juga antara-bangsa telah kerap di-siarkan bagi pengetahuan ra'ayat Malaysia. Kemudahan[2] penerimaan dan rakaman telah bertambah baik sa-telah di-buka studio[2] baru dan/atau steshen[2] pemanchar baru di-Kuantan, Ipoh, Johor Bahru dan Kuala Trengganu. Lebeh banyak lagi steshen dan alat[2] pemanchar gelombang-sederhana dan gelombang-pendek yang lebeh kuat akan di-bena dalam tiada berapa tahun yang akan datang ini bukan sahaja di-Barat dan Timor Malaysia bahkan juga di-Sabah dan di-Sarawak supaya dapat di-adakan ranchangan[2] dan penerimaan yang bertambah baik lagi. Walau pun Perkhidmatan Siaran ka-Sekolah[2] di-Malaysia Barat baharu sahaja satu tahun di-jalankan, tetapi hasil-nya ada-lah memuaskan hati. Siaran ka-sekolah[2] akan di-elokkan lagi dan di-perbesarkan lagi di-masa hadapan.

414. Mulaï dari bulan April tahun ini, ranchangan[2] dalam Bahasa Kebangsaan di-siarkan tidak berhenti-henti mulaï dari pukul enam pagi hingga pukul dua belas tengah malam tiap[2] hari, untok menepati dasar Kerajaan mengenaï Bahasa Kebangsaan.

415. Latehan kakitangan di-Malaysia dan di-seberang laut akan berjalan terus supaya perkhidmatan[2] yang ada sekarang ini boleh di-elokkan lagi dan perkhidmatan[2] baharu di-lancharkan pula. Ada-lah di-harap lebeh ramai lagi pengarang sandiwara, penchipta[2] lagu dan ahli[2] kesenian akan tampil ka-hadapan untok menambah kekayaan kesenian dan kebudayaan Malaysia.

Jabatan Talivishen

416. Pada penghujong bulan Disember tahun 1966, chukup-lah tiga tahun Talivishen Malaysia di-tubohkan. Dalam masa tiga tahun yang lepas ini beberapa banyak usaha telah di-buat melaluï talivishen untok memajukan perkhidmatan kapada negara dan menyempurnakan tugas negara.

417. Satu langkah besar untok memperluaskan pancharan Talivishen ia-lah persediaan sementara bagi mengadakan perkhidmatan talivishen ka-sa-bahagian Pantai Timor di-Malaysia Barat. Chara[2]-nya ia-lah satu alat pemenchar di-Brinchang, Cameron Highlands menerima isharat[2] dari Gunong Kledang dekat Ipoh lalu memancharkan-nya sa-mula ka-Bukit Bakar berhampiran dengan Kota Bharu, Kelantan. Isharat[2] yang di-pancharkan itu di-terima oleh Kota Bharu dan sekitar-nya.

418. Ranchangan masa hadapan ada-lah untok meluaskan perkhidmatan Talivishen ka-seluroh Pantai Timor, tetapi terpaksa-lah menanti hingga sistem gelombang Talikom di-besarkan ia-itu di-jangka akan sampai ka-Terengganu dan Pahang dalam dua tahun lagi.

419. Di-Malaysia Timor pula siasatan[2] telah di-jalankan untok mengetahuï chara dan jalan yang terbaik untok mengadakan perkhidmatan Talivishen di-sana. Laporan siasatan itu akan di-kemukakan kapada Kerajaan untok di-timbangkan.

420. Ranchangan Talivishen sa-chara terus menerus telah di-perbaiki dan masa pemancharan telah juga di-tambah. Dasar ranchangan ada-lah di-tujukan kapada pembangunan negara. Ini-lah yang sentiasa di-fikirkan oleh peranchang[2] pada masa membuat ranchangan[2]. Kebanyakan ranchangan yang di-reka oleh pegawai[2] jabatan ini mempunyaï unsor[2] pembangunan negara dengan tujuan supaya ter-chapai pembangunan negara yang di-chita[2] itu.

421. Masa yang di-untokkan bagi ranchangan telah di-bahagi[2] dengan saksama untok siaran[2] hiboran, penerangan dan pelajaran. Kehendak[2] orang ramai dari berbagai lapisan telah dapat di-layan. Walau bagaimana teliti sa-kali pun ranchangan[2] itu di-buat sudah tentu terdapat juga orang[2] yang tidak puas hati dengan-nya, tetapi memandangkan hal masharakat di-Malaysia ini terdiri dari berbagai-bagai kaum dan hanya ada satu saloran pancharan Talivishen sahaja ia telah berjaya mengadakan ranchangan[2] yang menchukupi bagi semua orang.

422. Sa-bahagian besar dari siaran Talivishen ada-lah di-untokkan kapada ranchangan keluaran tempatan yang di-siarkan sa-chara terus menerus dan juga filem[2] yang di-bawa masok dari luar negeri. Dengan galakan yang di-beri kapada pelakon[2] dan ahli seni tempatan berma'ana-lah usaha hendak meninggikan taraf kebudayaan negara ini telah di-jalankan dengan bersunggoh hati. Talivishen Malaysia mempersembahkan kapada orang ramai ranchangan baka[2] kebudayaan semua bangsa di-Malaysia ini dan dengan chara yang demikian akan dapat mengujudkan kebudayaan yang akan menjadi satu kebudayaan Malaysia yang baharu.

423. Dalam bidang penerangan pula sa-bahagian besar dari masa-nya telah di-khaskan untok berita. Tiap[2] hari enam warta berita di-siarkan ia-itu tiga dalam Bahasa Kebangsaan, satu dalam Bahasa Inggeris, satu dalam Bahasa China dan satu dalam Bahasa Tamil. Ranchangan[2] filem berita ia-itu Di-Sekitar Tanah Ayer menyiarkan kejadian[2] di-Malaysia tiap[2] hari sa-panjang minggu kechuali hari Rabu.

424. Ranchangan[2] cheramah, perbinchangan dan foram dalam berbagai bahasa ada-lah menolong menerangkan dasar[2] Kerajaan kapada orang ramai.

425. Dalam bidang pelajaran pula Talivishen telah menyiarkan ranchangan[2] untok menambah pengetahuan dan ranchangan[2] dan untok memberi pengajaran sa-mata-mata.

426. Ranchangan[2] mengajar Bahasa Kebangsaan telah mendapat kejayaan yang memuaskan hati. Siaran Talivishen ka-sekolah[2] telah dapat di-perelokkan lagi dalam tahun 1966 sa-telah mendapat pengalaman[2] dari siaran perintis yang di-buat dalam tahun 1965. Sa-lepas habis sahaja siaran perintis itu satu kajian telah di-buat dan dengan kajian itu dapat-lah di-putuskan apa-kah yang elok. Tiada berapa lama lagi, ranchangan[2] yang tegas akan di-buat untok menggunakan Talivishen sa-bagai alat pelajaran dan di-jangka Talivishen tentu-lah akan memainkan peranan yang penting dalam usaha memberi pelajaran kapada murid[2] sekolah.

427. Siaran[2] i'lan perdagangan yang di-mulakan dalam bulan Disember tahun 1965 telah juga mendapat sambutan yang baik. Mesti-lah di-terangkan bahawa di-kebanyakan steshen Talivishen perdagangan di-seluroh dunia siaran[2] i'lan perdagangan itu di-selitkan di-chelah[2] ranchangan dan dengan itu mengganguï penonton[2] pada masa cherita[2] itu sampai kekemunchak-nya. Siaran[2] i'lan perdagangan di-Talivishen Malaysia tidak-lah memberi apa[2] gangguan kerana siaran[2] itu di-buat sa-telah satu ranchangan itu tamat dan sa-belum satu ranchangan baharu di-mulakan. Pendapatan dari siaran ini bagi tahun 1966 ia-lah $2,340,560.00.

Filem Negara

428. Filem Negara Malaysia jauh maju semenjak berpindah ka-studio baharunya di-Petaling Jaya dalam tahun 1964. Filem yang di-terbitkan-nya sa-makin bertambah banyak walau pun kekurangan kakitangan[2] penerbitan filem yang berpengalaman. Kejayaan ini telah dapat di-chapai kerana kakitangan[2] Filem Negara telah banyak berkorban dan kerana chara[2] menerbitkan filem telah di-susun sa-mula dan di-perkemaskan.

429. Dalam tahun 1966, Filem Negara telah berjaya menerbitkan 58 buah filem ia-itu 98 gulong dan masa menayangkan-nya 16 jam dua minit. Filem[2] itu telah di-perbuat dalam empat bahasa dan tiga buah filem telah di-dabbing ka-bahasa Arab, Kadazan dan Iban. Penerbitan bulanan siri Majallah Malaysia mengesahkan peristiwa[2] yang berlaku telah di-ganti dengan satu siri baharu, di-beri nama "Suasana Malaysia" dan siri Kemajuan Daerah berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar dan Kebangsaan telah juga di-mulakan.

430. Tahun ini, "Malaysia Sa-minggu" telah berjaya di-lancharkan dan keluaran yang pertama telah di-tayangkan di-semua panggong wayang yang besar[2] pada 6 haribulan Januari, 1967. Filem[2] ini juga ada-lah di-berikan serentak kapada pasokan berkereta Pejabat Penerangan dan Talivishen Malaysia. Siri[2] ini membentangkan kesah[2] yang berlaku dan peristiwa[2] yang bersejarah dalam negeri ini dan ada-lah di-keluarkan tiap[2] minggu pada hari Juma'at.

431. Sa-kurang[2]-nya tiga buah lagi filem jenis kebangsaan dan dokumen khas akan di-terbitkan, termasok-lah siri "Kesah Kampong Kita" yang membentangkan hal[2] yang mustahak berkenaan dengan meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat luar bandar. Filem ini juga menerangkan tujuan kerajaan dalam usaha kemajuan luar bandar.

432. Siri "Tongkat Hitam" dan "Inspector Zain" mengesahkan "tiada untong-nya melakukan jenayah" dan menunjokkan kejahatan jenayah zaman ini dan jenayah yang di-lakukan oleh orang[2] yang belum dewasa (juvenile delinquency) dan menunjokkan kechekapan dan kegunaan pehak[2] yang menjaga keamanan, ia-itu Polis Di-Raja Malaysia. Mengikut ilmu jiwa, siri[2] ini akan chuba mengajar orang[2] 'awam supaya menghormati undang[2] dan di-samping itu menawarkan hati orang melakukan perbuatan[2] samseng.

433. Filem Negara telah berusaha dengan bersunggoh-sunggoh mengeluarkan filem[2] khas bagi seranta di-luar negeri dengan memperbanyakkan lagi filem[2] yang berwarna-warni. Satu daripada-nya yang sedang di-buat pada masa ini ia-lah untok UNICEF. Bagi Malaysia Timor pula, mendabbing ka-bahasa Kadazan dan Iban sedang di-buat. Tujuan-nya ia-lah supaya ra'ayat di-Sabah dan Sarawak dapat memahami keadaan negara dan maksud Kerajaan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PERKARA 'AM

434. Segala projek pembangunan yang di-jalankan oleh Kementerian Pengangkutan ada-lah mempunyai tujuan hendak mengadakan bermacham[2] jenis pengangkutan yang murah, selamat dan tinggi mutu-nya di-negeri ini, terutama sekali kemudahan[2] pelabohan supaya Malaysia kurang bergantong kapada pelabohan negeri[2] tetangga. Dalam tempoh Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama (1966-70), perbelanjaan memajukan pengangkutan ada-lah di-jangka berjumlah hampir[2] $550 juta di-bawah Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom.

435. Oleh kerana lalu lintas di-Malaysia bertambah dengan chepat-nya, terutama sekali dalam masa 10 tahun yang lepas, maka mustahak-lah satu kajian 'am yang besar mengenai sistem pengangkutan di-jalankan oleh satu pasokan pakar[2] daripada Bangsa[2] Bersatu. Pakar[2] itu di-jangka akan memulakan pekerjaan mereka pada pertengahan tahun ini. Lalu lintas jalan raya dan udara telah bertambah lebeh daripada 10 peratus sa-tahun. Di-pelabohan[2] yang besar lalu lintas bertambah antara 5 dengan 10 peratus pada sa-tahun.

KESELAMATAN JALAN RAYA

436. Kerajaan sangat mengambil berat atas masaelah keselamatan jalan raya dan juga kemalangan yang berlaku pada tiap[2] hari di-jalan raya yang menyebabkan beberapa kehilangan nyawa dan kechederaan. Masaelah ini ada-lah suatu masaelah yang sangat rumit yang mesti di-atasi melaluï tiga saloran, ia-itu kejuruteraan, menjalankan kuat-kuasa undang[2] dan pelajaran. Tindakan[2] telah di-ambil dari satu masa ka-satu masa. Kempen[2] keselamatan jalan raya dengan tujuan hendak memberi kesedaran dan mengingatkan pengguna[2] jalan raya akibat kemalangan di-jalan raya telah di-jalankan dengan lebeh banyak lagi, dan kempen[2] ini akan di-lanjutkan lagi masa-nya pada masa yang akan datang.

437. Dalam masa kempen[2] yang telah di-laksanakan, beribu[2] risalah dan buku[2] mengenai tata-tertib jalan raya telah di-keluarkan untok panduan orang ramai. Filem[2] keselamatan jalan raya dan sisip[2] gambar di-tayangkan di-panggong[2] wayang dan melaluï kereta mobile unit Jabatan Penerangan. Permainan lalu lintas juga di-adakan untok mengajar kanak[2] sekolah di-dalam perkara ini. Sa-lain dari itu Kerajaan juga telah menjalankan di'ayah[2] keselamatan jalan raya melaluï Telivishen, Radio, Rediffusion dan akhbar[2].

438. Kerajaan sentiasa berikhtiar untok meluaskan lagi kegiatan[2] terhadap perkara ini dan juga berikhtiar untok menambah lagi filem[2] dan risalah[2] untok panduan orang ramai. Dengan ini ada-lah di-harap orang ramai akan bekerjasama dengan Kerajaan supaya berwaspada di-jalan raya dan mematohi peratoran[2] jalan raya untok mengurangkan kejadian kemalangan.

PENERBANGAN 'AWAM

439. Di-dalam Lapangan Penerbangan 'Awam usaha[2] telah di-buat tahun lepas untok memperbaiki kemudahan[2] yang ada sekarang ini supaya perjalanan dengan kapal terbang dapat di-buat dengan chepat dan lebeh selamat, ia-itu satu faktor yang penting bagi kemajuan ekonomi Malaysia. Beberapa perjanjian perkhidmatan udara telah pun di-buat dengan Kerajaan[2] United Kingdom, Belanda, Switzerland, Korea, Scandinavia, Jerman, India, Peranchis, Australia, Jepun, Belgium, New Zealand, Thailand, Indonesia dan Italy, Dengan ada-nya perjanjian perkhidmatan udara dengan negara[2] ini maka Sharikat Penerbangan mereka boleh-lah datang ka-Malaysia. Perjanjian ini juga membenarkan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura memperluaskan perkhidmatan-nya ka-negara[2] luar.

440. Lapangan Terbang Kuala Lumpur ada-lah selalu di-gunakan oleh lapan buah sharikat penerbangan antara bangsa sa-lain daripada Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura. Ranchangan sedang di-jalankan lagi bagi mengadakan

di-Lapangan Terbang Pulau Pinang alat[2] "radio navigational aids" yang mutunya sa-taraf dengan yang ada di-mana[2] lapangan terbang di-kawasan ini supaya lapangan terbang yang tersebut dapat di-gunakan oleh kapal terbang jenis jet yang akan di-beli oleh Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura.

441. Di-Malaysia Timor perkhidmatan kapal terbang jenis Fokker Friendship yang telah di-mulakan antara Jesselton dengan Sandakan dari 1hb Februari, 1966, telah di-sambong ka-Lahad Datu mulai 1hb Julai, 1966. Pekerjaan meluaskan lagi Lapangan Terbang Lahad Datu hampir[2] siap. Sa-telah siap sahaja landasan dan "taxiway" pada hujong bulan Jun tahun 1966 dapat-lah kapal terbang Fokker Friendship menggunakan lapangan terbang itu.

442. Dalam tahun 1966 Lapangan Terbang Kuching dan Jesselton telah di-lengkapkan dengan alat lampu "High Intensity Aerodrome Lighting System". Ini membolehkan lapangan[2] terbang itu di-gunakan pada waktu malam. Pekerjaan membena sa-mula Lapangan Terbang Bintulu berjalan mengikut jadual dan akan siap dalam bulan Jun 1967. Lapangan Terbang di-Miri akan siap pada 1hb Ogos, 1968.

443. Kerja melengkapkan sa-mula Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat telah berjalan dengan baik-nya. Sa-buah motorbot penyelamat yang baharu telah mula di-gunakan di-Jesselton dalam bulan Julai, 1966. Dua buah kereta Bomba Penyelamat dan sa-buah "Tangki Ayer Beroda" telah di-sediakan untok menambah kelengkapan alat[2] penyelamat di-Jesselton.

Jabatan Laut dan Pelabohan

Jabatan Laut Malaysia Barat

444. Sembilan buah projek yang memakan belanja sa-banyak $\$1\frac{1}{2}$ juta telah di-luluskan bagi tahun 1967 untok Jabatan Laut, Malaysia Barat. Sa-banyak $225,000 ada-lah di-sediakan bagi mengganti motorbot[2] yang lama. Sa-banyak $89,000 akan di-gunakan di-dalam tahun ini bagi menyiapkan Ibu Pejabat Jabatan Laut yang baharu. Sa-buah kapal korek baharu telah di-siapkan pada awal tahun ini dan kapal korek ini akan di-gunakan bagi mendalamkan pelabohan[2] yang di-dalam jagaan Jabatan Laut supaya pelabohan[2] itu tiada menjadi tohor dan dapat di-gunakan oleh kapal[2]. Peruntokan sa-banyak $278,000 ada di-sediakan bagi membeli tanah dan juga membena rumah[2] kerajaan untok kakitangan kerajaan Jabatan itu di-seluroh negeri di-Malaysia Barat.

Jabatan Laut Sabah

445. Sa-buah pelancharan kapal sa-besar 500 tan telah pun siap di-Labuan dan telah di-buka dengan resmi-nya oleh Menteri Pengangkutan pada 16hb Julai, 1966. Sa-lepas pembukaan ini beberapa buah kapal mula di-perbaiki termasok-lah kapal[2] penyapu periok api penyusor pantai kepunyaan Tentera Laut Di-Raja Malaysia dan kapal[2] yang di-gunakan di-dalam tindakan keselamatan di-Sabah. Satu konterek bagi membena sa-buah pelancharan kapal sa-besar 120 tan di-Sandakan telah pun di-buat pada akhir tahun 1966. Kerja telah pun di-mulakan dan projek ini di-jangka siap pada penghujong tahun 1967.

446. Pekerjaan memechahkan kapal[2] yang tenggelam di-sabelah selatan dekat jeti Kerajaan di-Sandakan telah siap pada awal tahun 1966. Tempat kapal tenggelam itu telah pun di-perdalamkan daripada 15 kaki sa-hingga 25 kaki dan oleh itu tidak-lah tersekat kapal[2] yang menggunakan pelabohan itu. Pekerjaan memperbaiki pelubohan di-Sandakan termasok-lah mengadakan pagar di-kawasan[2] tersebut dan menambah lampu[2] keselamatan.

447. Jeti baharu di-Semporna hampir[2] siap dan di-harapkan dapat di-gunakan pada pertengahan tahun ini. Dengan siap-nya jeti ini maka kapal[2] penumpang dan dagangan kepunyaan Sharikat Perkapalan Selat dan kapal[2] lain yang sa-besar itu dapat-lah berlaboh di-sepanjang jeti itu.

448. Jeti bagi memuat minyak kelapa sawit di-Kunak berdekatan dengan Lahad Datu telah pun siap dan di-buka dengan resmi-nya oleh Menteri Perhubongan dan Kerja Raya. Sabah pada 27hb Oktober, 1966. Hari pembukaan ini di-atorkan bersamaan dengan hari minyak kelapa sawit mula[2] di-hantar dengan kapal daripada jeti itu ka-United Kingdom ia-itu sa-banyak 395 tan dengan kapal MV "Autolycus". Semenjak itu minyak kelapa sawit di-hantar dengan kapal daripada jeti itu pada tiap[2] bulan.

JABATAN LAUT SARAWAK

449. Sa-banyak $87,600 telah di-belanjakan oleh Jabatan Laut Sarawak dalam tahun 1966 bagi menyelesaikan harga motorbot Murai dan Kunak yang di-pesan di-dalam tahun 1965.

450. Jabatan Laut terus melaksanakan dasar menjaga keselamatan nyawa di-laut dan bagi melaksanakan dasar ini sa-banyak 1,010 buah kapal telah di-pereksa ada-kah sempurna benaan-nya dan chukup kelengkapan-nya. Pembena[2] kapal tempatan telah mula menggunakan teknik[2] baharu bagi membena kapal[2] sa-bagaimana yang di-nasihatkan oleh Jabatan Laut itu dan Jabatan itu sukachita melihat orang[2] 'awam lebeh suka menggunakan kapal[2] yang di-bena mengikut teknik moden ini daripada kapal[2] yang di-bena sa-chara lama yang tiada berapa selamat di-gunakan.

451. Pada melaksanakan dasar hendak mengisi jawatan[2] yang kanan dengan anak[2] Borneo, Jabatan itu telah pun dapat menghantar dua orang Sarawak berlateh sa-bagai Kadet Pelayaran dengan Sharikat Perkapalan Blue Funnel dan yang sa-orang lagi itu sa-bagai Jurutera Muda dengan Sharikat Perkapalan Ben Line. Kedua[2] Sharikat Perkapalan ini ada-lah terkenal di-dunia. Bilangan orang[2] Sarawak mengambil kursus yang saperti ini ia-lah sa-banyak lima orang.

PELABOHAN

452. Dengan usaha[2] di-jalankan untok memajukan lagi perdagangan antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor dan juga memajukan perkhidmatan per-kapalan yang di-jalankan pada masa ini oleh Sharikat Perkapalan Persendirian harus-lah dalam tempoh lima tahun lagi kapal[2] "container" yang menyusor pantai akan menjalankan perkhidmatan-nya. Dengan hal yang demikian mustahak-lah di-perelokkan lagi pelabohan Port Swettenham dan Pulau Pinang di-Malaysia Barat dan juga pelabohan[2] yang besar di-Malaysia Timor supaya

kapal[2] itu dapat di-kendalikan di-pelabohan[2] itu. Kerja memperbaiki kelangkapan jentera hendak-lah juga di-jalankan sa-belum perkhidmatan perkapalan yang baharu ini di-lancharkan kelak. Tidak-lah memada'i jika sa-kira-nya pelabohan Pulau Pinang dan Port Swettenham sahaja di-sediakan kemudahan pada hal pelabohan Kuching dan Sandakan tinggal ka-belakang. Dengan ada-nya chara pengangkutan laut yang demikian, maka ranchangan mengelokkan lagi pelabohan[2] itu perlu-lah di-buat dengan lebeh tersusun lagi. Perkara ini ada-lah dalam perhatian Kerajaan.

SUROHANJAYA PELABOHAN PULAU PINANG

Dermaga Ayer Dalam, Butterworth

453. Permintaan Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang untok membena enam buah dermaga ayer yang dalam di-Butterworth dan kemudahan[2] pelabohan telah pun di-luluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan projek ini ia-lah satu daripada projek yang besar dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Anggaran belanja projek ini ia-lah sa-banyak $57 juta dan dermaga[2] baharu ini akan dapat mengendalikan satu juta tan dagangan sa-tahun. Dermaga[2] ini letak-nya di-antara Pengkalan Feri Sultan Abdul Halim di-Butterworth dengan tebing Sungai Prai yang di-sabelah utara. Sa-belum pembenaan ini dapat di-jalankan sa-luas 150 ekar paya hutan bakau dan perut laut terpaksa di-timbus.

454. Pekerjaan menimbus dalam peringkat yang pertama projek ini telah pun siap dalam tahun 1965. Peringkat kedua, ia-itu membena dermaga[2] ayer yang dalam dan titi[2] ka-dermaga itu di-mulakan pada pertengahan tahun 1965. Oleh kerana pembenaan telah berjalan dengan pesat-nya tiga bermaga serta kemudahan-nya akan siap dan boleh di-gunakan pada pertengahan tahun 1968, ia-itu dua tahun lebeh awal daripada yang di-tetapkan.

455. Daripada ma'alumat[2] yang di-dapati dan kajian[2] yang di-buat oleh Surohanjaya ini dengan pertolongan pakar[2] pengurus (management consultant) pengangkutan laut kapal "container" mungkin akan di-gunakan dalam masa lima tahun. Oleh itu sa-tengah[2] pekerjaan membena dermaga itu telah di-ubah supaya apabila siap projek itu dua daripada lima buah dermaga itu akan mempunyai kemudahan[2] bagi mengendalikan kapal[2] "container".

456. Masa menyiapkan semua projek ini tidak akan terlewat dengan kerana perubahan yang di-buat untok mengendalikan kapal[2] "container" dan apabila projek ini siap kelak pelabohan Pulau Pinang tiada shak lagi akan menjadi sa-buah pelabohan yang mula[2] di-kawasan ini yang boleh mengendalikan kapal[2] "container".

MEMPERELOKKAN WELD QUAY

457. Kerja membena bahagian tengah Weld Quay antara jeti Swettenham dengan Pengkalan Raja Tun Uda hampir[2] siap dan akan dapat di-gunakan dalam bulan Julai tahun ini oleh tongkang[2] persendirian untok memuat dan memunggah barang[2] tidak kira keadaan ayer pasang atau surut. Projek ini apabila siap kelak akan memberi faedah kapada tuan[2] punya tongkang/perahu di-Pelabohan Pulau Pinang.

MEMPERBESARKAN PENGKALAN SULTAN ABDUL HALIM DI-BUTTERWORTH

458. Chara[2] turun-naik pada masa ini bagi penumpang[2] feri di-Pengkalan Sultan Abdul Halim ada-lah untok sementara sahaja sa-hingga ranchangan[2] bagi atoran lalu lintas di-laksanakan. Mengikut ranchangan[2] ini Pengkalan Sultan Abdul Halim akan di-perbesarkan supaya penumpang[2] dapat menggunakan jalan atas untok pergi balek ka-tempat letak kereta dan bas. Sa-telah jalan keretapi di-sambong dari Prai ka-Butterworth penumpang[2] keretapi akan menggunakan feri Surohanjaya Pelabohan di-antara Pulau Pinang dengan Butterworth. Untok kemudahan penumpang[2] keretapi jalan atas Pengkalan Sultan Abdul Halim akan di-sambong hingga sampai ka-steshen keretapi Butterworth.

459. Ranchangan untok menyambong jalan atas itu telah pun siap dan tawaran telah di-keluarkan. Ada-lah di-harapkan apabila steshen keretapi di-Butterworth di-buka dalam masa enam tujoh bulan lagi penumpang[2] keretapi akan dapat menggunakan jalan atas itu. Jalan itu memakan belanja lebeh kurang $475,000.

LEMBAGA PELABOHAN SWETTENHAM

460. Wang pinjaman sa-banyak $2 juta ada di-peruntokkan dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1967 untok membena sa-mula jeti nombor 4 dan 5 di-Pelabohan Swettenham yang lama itu kerana jeti[2] itu tidak boleh di-gunakan lagi. Persediaan dan kajian yang mustahak sedang di-buat untok memulakan kerja menimbus tempat bagi lima buah lagi dermaga dalam tahun 1968 dan memulakan kerja membena dua buah dermaga serta dengan kelengkapan[2] di-darat dalam tahun 1969.

PERKHIDMATAN KAJICHUACHA

461. Sa-lepas Jabatan Kajichuacha Malaysia di-asingkan daripada Jabatan Kajichuacha Singapura pada 9hb Ogos, 1965, kerja menyusun-nya sa-mula telah berjalan dengan chepat-nya. Pada akhir tahun 1966 Jabatan itu telah siap di-susun sa-mula dengan Ibu Pejabat-nya yang baharu di-Kuala Lumpur mengurus-kan segala perkhidmatan[2] kajichuacha di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor.

462. Dasar Jabatan Kajichuacha hendak mengadakan perkhidmatan yang tinggi mutu-nya kapada kapal[2] terbang 'awam dan tentera dan juga kapada badan[2] penyelidek dan sain serta juga kapada orang 'awam telah di-jalankan dengan memuaskan hati. Pejabat Kajichuacha Lapangan Terbang Antara Bangsa di-Subang telah memperluaskan kemudahan meneka chuacha kerana sharikat[2] penerbangan 'awam sa-makin banyak berkehendakkan ma'alumat[2] chuacha untok keperluan penerbangan. Ranchangan[2] telah juga di-buat untok mengadakan Pejabat Kajichuacha di-Kuantan untok keperluan Tentera Udara Di-Raja Malaysia dan sa-buah pejabat di-Jesselton bagi memperbaiki lagi kemudahan[2] meneka chuacha di-Malaysia Timor. Jabatan ini telah juga mengambil langkah untok memperluaskan program[2]-nya dalam berbagai[2] lapangan kajichuacha dengan tujuan hendak memberi perkhidmatan yang lebeh berma'ana bagi pembangunan[2] ekonomi negara ini sa-lain daripada tugas-nya yang penting memberi bahan[2] kajichuacha untok keperluan penerbangan. Dua bahagian baharu

ia-itu bahagian "Agrometeorology" dan "Hydra-meteorology" sedang di-ranchangkan. Kedua[2] bahagian ini ada-lah di-harapkan dapat menjalankan tugas[2]-nya pada akhir tahun 1967. Satu bahagian penyelidekan telah juga di-tubohkan dengan tujuan supaya Jabatan Kajichuacha tiada ketinggalan dalam kemajuan[2] kajichuacha di-dunia ini dan juga dengan tujuan hendak memulakan penyelidekan dan kajian ka-atas chuacha di-negeri[2] yang berhawa panas yang boleh di-katakan belum di-selidek dan di-kaji lagi. Jabatan kajichuacha juga sedar bahawa alat[2] elektronik moden boleh memperbaiki perkhidmatan kajichuacha.

Jabatan Pengangkutan

463. Jabatan ini terus menjalankan dasar Kerajaan hendak menggalakkan orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan. Dalam tahun 1966 sa-banyak 200 lesen membawa barang[2] dengan kereta telah di-keluarkan kapada orang[2] Melayu, Sharikat[2] Melayu dan Sharikat[2] yang berkongsi dengan orang Melayu. Modal orang[2] Melayu dalam Sharikat[2] Bas telah juga bertambah lebeh daripada $1 juta.

464. Kenderaan[2] jalan raya pada 'am terus bertambah dengan chepat-nya. Kenderaan[2] berjentera yang di-daftarkan sa-hingga 31hb Disember, 1966 ia-lah sa-banyak 452,002 buah ia-itu lebeh sa-banyak 56,884 daripada tahun 1965. Oleh hal yang demikian hasil yang di-pungut oleh Jabatan Pengangkutan pada tahun 1966 telah bertambah menjadi $130.3 juta pada hal dalam tahun 1965 hasil yang di-pungut ia-lah sa-banyak $108.5 juta.

465. Untok mengadakan perkhidmatan yang lebeh sempurna kapada orang ramai di-pejabat[2] pendaftar maka telah di-buat keputusan hendak menggunakan mesin "receipting/analysis" untok menerima bayaran hasil tiada lama lagi.

466. Tawaran bagi membena sa-buah Pejabat Pendaftar dan Pemereksa Kereta[2] Kanan Selangor yang baharu telah di-keluarkan oleh Jabatan Kerja Raya. Tapak-nya di-Petaling Jaya telah pun siap dan pejabat baharu ini di-jangka siap pada akhir tahun ini.

Pertadbiran Keretapi

467. Pertadbiran Keretapi sedar bahawa ia hanya akan berjaya jika ia boleh bertanding dengan jenis[2] pengangkutan yang lain membawa barang[2] dan penumpang yang sa-makin bertambah banyak-nya dengan tambang yang murah. Oleh itu perlu-lah keretapi menggunakan banyak lagi enjin[2] diesel, teknik[2] moden serta memperbaiki jalan, gerabak[2], alat[2] isharat dan perhubongan.

468. Kerajaan telah pun meminta pertolongan Badan Pembangunan Bangsa[2] Bersatu untok mengadakan projek ranchangan pengangkutan. Satu kajian 'am berkenaan pengangkutan akan di-jalankan tidak berapa lama lagi untok menimbangkan, di-antara lain[2], dasar pembangunan pengangkutan yang tersusun dan bagaimana pengangkutan di-dalam Malaysia ini dapat di-jalankan dengan lebeh sempurna lagi. Masaelah[2] yang di-hadapi oleh Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu yang membawa kerugian akan di-kaji dengan tujuan hendak menchari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masaelah[2] itu.

469. Dalam tahun pertama (1966) bagi Ranchangan Lima Tahun Malaysia, Pertadbiran Keretapi telah melaksanakan beberapa projek, ia-itu sambongan daripada Ranchangan Lima Tahun Kedua Malaysia saperti ranchangan menyambong landasan ka-Butterworth, memasang brek vacuum kapada gerabak^2, memperbaiki jalan^2 dan membeli atau membuat beberapa gerabak baharu.

470. Jalan chawang ka-Jurong chukup dengan kemudahan^2 dan landasan^2 ka-gudang^2 telah di-buka pada tahun 1966 supaya ada jalan keretapi terus daripada Malaysia ka-kawasan Perusahaan Jurong.

471. Kerja membena Steshen Keretapi Wakaf Bahru dengan kemudahan^2-nya telah siap dan dengan hal yang demikian menyenangkan orang ramai naik keretapi dan orang yang menghantar barang^2 dengan keretapi antara Kota Bharu dengan Wakaf Bahru.

472. Perkhidmatan keretapi diesel telah di-mulakan di-Kedah dan juga antara Ipoh dengan Prai. Keretapi diesel ini di-sukai ramai kerana lebeh laju dan memuaskan. Dalam tahun ini, dengan kerjasama Pertadbiran Keretapi Negeri Thai, perkhidmatan keretapi diesel dari Prai ka-Padang Besar akan di-sambong ka-Hadnyai dan perkhidmatan keretapi express antara Bangkok dengan Sungai Golok akan di-sambong ka-Tumpat. Maka dapat di-sempurnakan usaha memperbaiki perkhidmatan ini dan perkhidmatan keretapi yang lain^2 ia-lah kerana kerjasama antara Malaysia dengan Negeri Thai di-bawah atoran^2 yang di-buat oleh ASA.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Barang^2 Eksepot

473. Sunggoh pun Malaysia mempunyai ranchangan untok memperbagaikan ekonomi-nya dengan chara menggalakkan tanam^{2}an yang lain dan mengembangkan perusahaan tetapi ekonomi-nya maseh juga bersandar kuat kapada pengeluaran dua barang^2 eksepot, ia-itu getah dan bijeh timah. Dengan demikian dalam lapangan barang^2 eksepot dasar Kerajaan ia-lah menjalankan lagi langkah^2 untok memperkuatkan kedudokan barang^2 eksepot itu dan juga barang^2 eksepot yang lain.

GETAH

474. Getah yang akan terus menjadi bahan ekonomi yang utama bagi negara ini beberapa lama lagi sedang menghadapi anchaman^2 di-sebabkan oleh getah tiruan. Untok menghadapi chabaran^2 yang besar ini Kerajaan tetap akan mengambil langkah^2 yang sesuai untok mengukohkan lagi kedudokan getah dengan menggalakkan lagi penanaman sa-mula ia-itu menanam beneh^2 yang baik mutu-nya menggantikan pokok^2 yang lama. Dan lagi, Kerajaan sedang menjalankan penyelidekan yang rapi untok menambah lagi penghasilan daripada beneh^2 itu, dan menchari chara^2 baharu bagi membeku dan membungkus getah supaya dapat di-keluarkan dengan chara baharu. Penyelidekan untok meluaskan lagi

kegunaan getah asli sedang di-jalankan dan pasaran baharu juga di-chari dengan chara memberi perkhidmatan[2] yang lebeh memuaskan kapada pembeli dengan mengadakan perkhidmatan penasihatan teknik serta juga dengan kempen[2] untok menyebarkan mutu[2] getah asli.

475. Usaha Kerajaan hendak menggalakkan menanam sa-mula kebun[2] getah yang tiada mendatangkan hasil yang memuaskan maseh berjalan terus. Tujuan usaha ini ia-lah hendak mengurangkan belanja pengeluaran dan menambah penghasilan supaya perusahaan getah tetap menjadi kukoh dan boleh mengha-dapi apa[2] chabaran walau pun harga-nya rendah. Sejak ranchangan ini di-jalankan dalam tahun 1952, ranchangan ini telah mendapat kejayaan besar. Boleh di-katakan sa-hingga tahun 1966 lebeh daripada lapan puloh peratus daripada ladang[2] besar dan enam puloh peratus kebun[2] kechil di-Malaysia Barat di-tanam dengan beneh jenis yang bermutu tinggi. Dengan hal yang demikian pengeluaran getah telah bertambah banyak. Pengeluaran getah dalam tahun 1966 di-Malaysia Barat ia-lah 926,297 tan, 500,409 tan di-keluarkan oleh ladang[2] estate dan 425,888 tan oleh kebun[2] kechil pada hal pengeluaran dalam tahun 1965 ia-lah 859,209 tan, ia-itu 479,780 tan daripada ladang[2] besar dan 425,427 tan daripada kebun[2] kechil.

476. Pusat Penyelidekan Getah Tanah Melayu sedang menjalankan usaha[2] penyelidekan-nya untok menchari beneh[2] yang lebeh baik lagi. Dengan beneh[2] yang baik mutu belanja pengeluaran menjadi kurang dan pengeluaran ber-tambah pula. Pada masa ini pada sa-ekar boleh di-dapati 2,000 paun lebeh pada hal pada sa-ekar sa-tengah[2] pokok getah yang baik mutu tetapi tua sadikit boleh di-dapati kurang daripada 1,000 paun. Dalam perchubaan[2], Pusat ini telah pun berjaya mengeluarkan sa-banyak 3,000 paun satu ekar daripada beneh yang baharu yang sedang di-uji.

477. Getah jenis baharu di-namakan SMR, ia-itu sa-jenis getah asli khas di-keluarkan mengikut keperluan teknikal dan di-sampaikan kapada pengguna[2] dengan sa-chara moden, sa-makin bertambah banyak di-keluarkan. Untok menambah kebaikan getah asli supaya dapat bertanding dengan getah tiruan penyelidekan sedang di-jalankan untok meluaskan lagi kegunaan getah asli.

478. Dengan ada-nya harapan getah bertambah banyak di-gunakan di-dunia ini dan dengan Malaysia bertambah banyak mengeluarkan getah, oleh sebab ranchangan[2] menanam sa-mula dan tanaman baharu telah mula berhasil, Malaysia mesti-lah berikhtiar dengan lebeh kuat supaya getah yang di-kehendaki di-dunia ini akan banyak di-beli daripada Malaysia. Malaysia boleh menchapai chita[2]-nya itu jika ia mengukohkan lagi kedudokan-nya di-pasaran yang sedia ada, serta juga menchari pasaran[2] baharu. Dan lagi perkhidmatan penasihatan teknik yang di-bawah anjoran Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu dengan mengadakan Pejabat[2]-nya di-negeri[2] yang banyak menggunakan getah, memberi pula seranta sa-banyak-banyak yang boleh kapada negeri[2] itu berkenaan dengan getah asli dan juga memberi nasihat[2] teknik kapada pengguna[2] getah asli.

479. Kerajaan dan perusahaan getah terus berusaha hendak memajukan pasaran getah di-Malaysia kerana, sa-bagai negeri yang terbanyak sa-kali mengeluarkan getah di-dunia, Malaysia tidak harus sa-mata-mata berharap lagi kapada pasaran[2]

getah di-luar negeri untok menjualkan getah-nya. Pada mengikut dasar Kerajaan hendak menchari jalan supaya Malaysia mempunyaï pasar getah yang kukoh, Pasaran Getah Malaysia sedang di-susun sa-mula sa-bagaimana yang sesuai dengan penjual[2] dan pembeli[2], di-dalam dan di-luar negeri. Kemudahan[2] dan perkhidmatan[2] yang sa-tanding dengan yang di-dapati di-pasar getah di-luar negeri hendak di-adakan di-pasar getah Kuala Lumpur, supaya perniagaan boleh di-jalankan dengan baik dan sempurna sa-bagaimana di-tempat[2] lain juga. Langkah[2] ini sedang di-ambil dan di-harap Kuala Lumpur akan menjadi pasar yang aktif untok getah asli.

BIJEH TIMAH

480. Kerajaan terus memberi perhatian yang teliti kapada kesusahan[2] perusahaan bijeh timah, yang di-jangka akan tetap juga lagi menjadi tunjang pokok ekonomi Malaysia pada beberapa tahun yang akan datang. Satu daripada kesusahan yang besar sa-kali di-hadapi oleh perusahaan bijeh timah pada masa ini ia-lah harga bijeh timah di-merata dunia sa-makin turun di-sebabkan oleh beberapa faktor, satu daripada-nya ia-lah Kerajaan Amerika Sharikat menjual simpanan bijeh timah-nya. Malaysia sedang berusaha bersunggoh-sunggoh bersama-sama dengan negara[2] lain yang mengeluarkan bijeh timah melaluï Lembaga Bijeh Timah Antara Bangsa, dan sa-orang diri melaluï saloran diplomatik, meminta Kerajaan Amerika Sharikat supaya berhemat-hemat pada menguruskan ranchangan menjual bijeh timah daripada simpanan bijeh timah-nya. Jawapan Kerajaan Amerika Sharikat kapada permintaan yang di-buat sa-takat ini adalah memuaskan. Maka harga bijeh timah di-pasaran sa-dunia tetap dalam beberapa bulan yang telah lalu ia-lah kerana persefahaman antara negara[2] mengeluarkan bijeh timah dengan Kerajaan Amerika Sharikat.

481. Oleh kerana bijeh timah sa-makin lama sa-makin kurang maka Kerajaan sedar peri mustahak-nya menchari tempat[2] baharu yang mungkin mengandongi bijeh timah. Memandangkan hal ini Parlimen dalam tahun 1966 telah meluluskan undang[2] yang di-namakan "Continental Shelf Act" yang membolehkan siasatan untok menchari galian[2] yang mungkin di-dapati dalam kawasan[2] perayeran berhampiran dengan pantai laut Malaysia. Satu jawatan-kuasa khas telah di-bentok oleh Kerajaan untok membuat shor[2] bagaimana chara-nya hendak menguruskan permohonan[2] yang di-terima untok mendapat hak menjalankan siasatan itu.

482. Dan lagi Kerajaan juga telah membenarkan melombong bijeh timah pada beberapa kawasan yang besar[2]. Dahulu melombong bijeh timah tidak di-benarkan pada kawasan[2] tersebut oleh kerana kawasan[2] itu di-hetong sabagai tanah pertanian.

NENAS

483. Oleh kerana kena berlawan-lawan dengan negeri[2] asing, eksepot[2] nenas bertin Malaysia hanya bertambah sadikit sahaja dalam tahun 1966 jika di-bandingkan dengan tahun 1965. Eksepot nenas ada-lah bertambah daripada 2.4 juta peti dalam tahun 1965 menjadi 2.7 juta peti dalam tahun 1966, ia-itu bertambah sa-banyak 12.5% sahaja. Langkah[2] terus menerus di-ambil untok memperkuatkan lagi kedudokan nenas bertin di-luar negeri dengan menjalankan ikhtiar melariskan-nya.

484. Dengan tujuan supaya perusahaan nenas Malaysia tidak kehilangan peluang yang telah di-dapati-nya di-pasaran[2], ikhtiar[2] melariskan nenas bertin Malaysia di-pasaran[2] besar telah di-perhebatkan lagi dan perusahaan ini berbelanja sa-makin banyak untok mengambil bahagian dalam pameran[2] perdagangan di-luar negeri. Langkah[2] telah juga di-ambil untok mengadakan peratoran[2] bagi memperbaiki sistem[2] pemasaran. Sa-telah mendapat pengalaman daripada kunjongan[2] ka-perusahaan[2] neas di-luar negeri, banyak lagi penyelidekan[2] dan kemajuan telah di-buat dalam hal bertanam nenas di-Malaysia.

KAYU

485. Undang[2] untok menuboh Lembaga Perusahaan Mengeksepot Kayu untok mengawal dan mengatorkan eksepot kayu daripada Malaysia Barat dan Singapura telah di-luluskan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura. Kerajaan Malaysia sa-telah berunding dengan Kerajaan Singapura telah melantek Pengerusi dan Ahli[2] Lembaga tersebut. Apabila Lembaga itu sudah berjalan, penjualan kayu Malaysia di-pasaran luar negeri di-jangka akan di-anjorkan dengan lebeh sempurna.

TEBU

486. Kerajaan sedang menyelidekki kemungkinan membuka perusahaan menanam tebu di-Malaysia. Sa-buah Jawatan-kuasa Kerja Pegawai[2] yang telah di-tubohkan dalam tahun 1965 untok menyelidekki kemungkinan membuka perusahaan tanaman tebu di-Malaysia maseh lagi membuat penyelidekan yang lebeh lengkap atas aspek[2] sosial, ekonomi dan pertanian perusahaan tersebut. Laporan berkenaan Perusahaan Menanam Tebu di-Malaysia atau "Report on a Sugar-Cane Industry in Malaysia" yang di-buat oleh pakar[2] perusahaan gula dari Australia di-bawah anjoran Ranchangan Colombo untok Kerajaan Malaysia sedang di-kaji dengan halus-nya oleh Jawatan-kuasa Kerja tersebut.

KEMAJUAN PERUSAHAAN

487. Pada tahun yang lalu perusahaan di-negara ini telah beransor[2] maju walau pun menghadapi kesusahan di-sebabkan oleh konferantasi dan perpisahan Singapura dari Malaysia. Sunggoh pun perpisahan itu menjadikan orang ragu[2] hendak membuka perusahaan tetapi hal ini tidak mengurangkan keyakinan penanam[2] modal kapada ketegohan politik dan ekonomi Malaysia. Itu-lah maka dalam tahun 1966 projek[2] yang memakan belanja berjuta-juta ringgit untok membuat tepong gandum dan baja[2] kimia telah di-laksanakan. Ranchangan hendak membuka perusahaan besi dan keluli sudah hampir siap hendak di-jalankan. Dan lagi, langkah[2] dan usaha[2] hendak membuka beberapa buah kilang memasang kereta[2] berjentera telah hampir[2] maju.

488. Dalam tahun yang lalu Yayasan Sukatan dan Darjah Malaysia telah di-buka. Chadangan hendak membuka Pusat Penyelidekan Sains dan Perusahaan Kebangsaan sedang di-kaji dengan halus-nya dengan pertolongan sa-orang pakar daripada luar negeri. Usaha yang di-jalankan beberapa lama di-serata dunia untok menchari sa-orang Pengarah bagi Lembaga Kemajuan Perusahaan telah berhasil dan Lembaga ini akan mula menjalankan semua tugas[2]-nya dalam tahun 1967.

489. Sa-telah Kerajaan berusaha untok kemajuan perusahaan dalam Malaysia dengan mengechualikan sharikat[2] yang mengeluarkan barang[2] yang di-ishtiharkan sa-bagai barang[2] perintis daripada membayar chukai pendapatan, sa-banyak 121 buah sharikat[2] perintis telah di-tubohkan semenjak Undang[2] Perusahaan Taraf Perintis di-kuatkuasakan. Sharikat[2] perintis tersebut mempunyaï modal yang di-benarkan sa-banyak $1,021,910,000 dan modal terkumpul sa-banyak $279,627,872 dan memberi pekerjaan kapada kira[2] 12,000 orang warga-negara Malaysia Sa-lain daripada itu, ada enam puloh empat buah sharikat yang telah di-beri taraf perintis pada dasar-nya. Sharikat[2] ini mempunyaï modal yang di-benarkan sa-banyak $250,038,990 ringgit dan modal yang terkumpul sa-banyak $76,223,506 memberi pekerjaan kapada kira[2] lapan ribu orang warga negara Malaysia.

490. Penanam[2] modal daripada lapan belas buah negara asing telah menanam modal dalam sharikat[2] tersebut dan hal ini telah membuktikan keyakinan penanam[2] modal asing kapada perkembangan ekonomi Malaysia pada masa hadapan.

PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA

491. Sa-telah di-kuatkuasakan Act (Memperbadankan) Majlis Daya Penge-luaran Negara, 1966, Pusat Daya Pengeluaran Negara telah di-jadikan suatu badan berkuasa sendiri. Pusat itu ada-lah di-kendalikan oleh sa-buah Majlis, ahli[2]-nya ia-lah daripada Kementerian[2] Kerajaan; Universiti Malaya dan dari-pada Pertubohan[2] perdagangan, perusahaan membuat barang[2], pemodalan perusahaan, kemajuan perusahaan, pengurusan, buroh dan majikan[2].

492. Dengan tertuboh-nya Majlis itu, Pusat Daya Pengeluaran Negara di-harap akan memberi perkhidmatan[2]-nya dengan lebeh berkesan, ia-itu menjalan-kan latehan[2] dan memberi nasihat pada semua peringkat dalam perdagangan dan perusahaan. Dengan jalan ini dapat-lah Pusat itu menchapai tujuan-nya hendak meninggikan mutu pengurusan termasok penyeliaan pada semua peringkat; menambah kechekapan menjalankan perusahaan, menambah jualan[2] dan pemasaran, memperbaiki chara[2] menambah daya pengeluaran mutu barang[2]; mengurangkan perbelanjaan dan memberi latehan mengenaï perhubongan antara buroh dengan majikan. Dengan sokongan yang di-beri oleh pemimpin[2] per-dagangan dan perusahaan dan lain[2] pertubohan maka dapat-lah Pusat itu memberi pertolongan dalam usaha membaiki selok-belok pengeluaran.

493. Dalam tahun 1966 sa-banyak 316 orang telah mendapat latehan di-Pusat Daya Pengeluaran Negara itu. Beberapa projek yang pendek telah di-jalankan di-tempat[2] kerja, kilang[2] dan di-pejabat[2] dengan bantuan Pegawai[2] Latehan dan Penyiasatan di-Pusat itu. Banyak perubahan[2] telah di-buat dalam masa di-jalankan projek[2] ini terutama-nya pada atoran accounting dan menyediakan budget accounting yang berasaskan kapada sistem mengawal barang[2] setor.

494. Kerajaan Malaysia telah mengikat perjanjian dengan International Executive Service Corps Incorporation Amerika Sharikat untok mendapat pakar[2] yang ada pengalaman luas dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Pakar[2] ini akan di-tugaskan untok berkhidmat di-Pusat Daya Pengeluaran Negara itu. Mereka itu bukan sahaja akan melateh pegawai[2] tempatan bahkan

akan menolong menjalankan kursus[2] bagi pegawai[2] daripada pertubohan[2] perusahaan dan perdagangan. Pada masa ini Majlis Daya Pengeluaran Negara itu sedang menyusun sa-mula perjalanan Pusat Daya Pengeluaran Negara dengan tujuan supaya perkhidmatan[2]-nya sampai kapada pertubohan[2] perdagangan dan perusahaan.

PERDAGANGAN

495. Di-dalam lapangan perdagangan perimbangan perdagangan yang menguntongkan Malaysia telah bertambah sa-banyak $40.7 juta jika di-bandingkan dengan tahun 1965. Perimbangan perdagangan dalam tahun 1966 ada-lah $467.1 juta, berbanding dengan $462.4 juta dalam tahun 1965. Jumlah perdagangan bagi tahun 1966 ia-lah $7,224.5 juta, ia-itu eksepot berjumlah $3,845.8 juta dan impot berjumlah $3,378.7 juta. Bagi tahun 1965, jumlah perdagangan ia-lah $7,138.8 juta. Eksepot berjumlah $3,782.6 juta dan import berjumlah $3,356.2 juta.

496. Oleh kerana kema'amoran Malaysia bergantong kapada perdagangan maka Kerajaan telah terus-menerus menjalankan usaha[2] untok memperbanyakkan lagi perdagangan dan penjualan barang[2] mentah dan barang[2] buatan kilang di-negeri ini. Satu rombongan perdagangan terdiri daripada pegawai[2] Kerajaan dan pemimpin[2] dalam lapangan perdagangan dan perusahaan telah melawat Soviet Russia dalam tahun lalu bagi mengkaji kemungkinan[2] membanyakkan lagi perdagangan dengan negeri itu. Dalam masa itu juga beberapa rombongan perdagangan dan perusahaan telah melawat Malaysia untok mengkaji kemungkinan[2] bagi meluaskan lagi perdagangan dengan negeri ini. Kerajaan telah mengambil langkah bagi menggalakkan barang[2] buatan kilang negeri ini di-eksepot ka-luar negeri. Sekarang Kerajaan sedang menimbangkan perkara hendak memberi peransang[2] kapada pehak[2] pembuat dan juga perkara hendak membentok sa-buah Majlis Penggalakan Eksepot supaya eksepot barang[2] buatan kilang di-jalankan dengan sa-chara aktif. Kerajaan Malaysia terus juga megambil bahagian yang aktif dalam perbinchangan antara bangsa berkenaan dengan perdagangan, dan dalam perbinchangan itu di-kaji chara[2] dan ikhtiar[2] untok meluaskan lagi perdagangan negeri[2] yang sedang maju dengan jalan menghapuskan sekatan[2] perdagangan dan juga dengan jalan memberi layanan istimewa (preferential treatment) kapada negeri[2] yang sedang maju.

497. Pada tahun yang lalu Perkhidmatan Surohanjaya Perdagangan telah di-tubohkan dan enam orang pegawai telah di-lantek sa-bagai Pesurohjaya Perdagangan. Malaysia sekarang ini ada mempunyai wakil[2] perdagangan di-United Kingdom, Australia, Austria, Peranchis, Jerman Barat, Jepun dan Amerika Sharikat. Sekarang telah ada ranchangan bagi melantek banyak lagi Pesurohjaya Perdagangan untok di-hantarkan ka-negara[2] yang lain di-saberang laut.

498. Langkah[2] lain yang telah di-ambil bagi menggalakkan eksepot negeri ini termasok-lah usaha[2] mempamirkan barang[2] buatan Malaysia dalam pameran[2] perdagangan. Pada tahun yang lalu Malaysia telah mengambil bahagian dalam pameran perdagangan Sa-Asia di-Bangkok. Ini-lah kali yang pertama Pameran Perdagangan Sa-Asia di-adakan dan pameran itu telah memberi satu peluang yang baik kapada Malaysia untok menunjok dan mengenalkan barang[2] buatan

negeri ini. Banyak barang[2] buatan kilang[2] Malaysia telah di-pertunjokkan dan memandang kapada banyak-nya pertanyaan dari ahli[2] perdagangan dan kapada banyak-nya bilangan orang yang datang melawat gerai Malaysia, rasa-nya usaha Malaysia mengambil bahagian itu amat-lah berfaedah.

499. Bagi menggalakkan perdagangan dalam negeri pula Kerajaan telah berusaha mengadakan beberapa pameran perdagangan bagi mengenalkan dan menjayakan penggunaan barang[2] buatan Malaysia. Pada tahun yang lalu Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tidak mengadakan Pameran Barang[2] Buatan Malaysia di-Kuala Lumpur tetapi telah pula di-adakan Pameran Barang[2] Buatan Malaysia Dalam Kapal menjadikan barang[2] buatan Malaysia di-pamerkan bukan sahaja di-Malaysia Barat bahkan juga di-Malaysia Timor. Memandangkan ramai-nya pendudok Malaysia yang telah menyaksikan pameran itu, terutama sa-kali pendudok[2] Malaysia Timor, maka pameran itu boleh-lah di-katakan berjaya. Dengan tertuboh-nya Pasaran Bersama bagi barang[2] yang tertentu dan dengan jaya-nya usaha[2] mengenalkan dan menjayakan penggunaan barang[2] buatan Malaysia maka telah di-dapati perdagangan antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor telah bertambah dengan banyak-nya. Pada tahun ini Kementerian Perdagangan dan Perusahaan akan berusaha lagi untok mengenalkan dan menjayakan penggunaan barang[2] buatan Malaysia. Ada-lah di-jangka satu kempen akan di-mulakan dalam tahun ini menerusi akhbar[2], radio, televishen dan lain[2] untok memberitahu orang ramai bahawa barang[2] buatan Malaysia tinggi mutu-nya.

500. Dengan tamat-nya konferantasi Indonesia pada bulan Julai tahun lalu, maka rundingan[2] telah di-adakan dengan Indonesia untok memulehkan perhubongan perdagangan yang telah terhenti itu. Walau pun perhubongan perdagangan sa-chara resmi belum puleh, Malaysia telah menarek balek larangan perdagangan tukar barang dengan negeri itu. Pemulehan perdagangan antara negeri ini dengan Indonesia ada-lah di-anggap renting kerana pada masa yang lalu perdagangan itu berupa sa-bahagian besar perdagangan luar negeri Malaysia dan lagi perdagangan dengan Indonesia ada kemungkinan bertambah besar.

501. Dengan bertambah nyata peri mustahak-nya perdagangan dengan negeri[2] belok-Timor termasok Soviet Russia, Malaysia telah berchadang hendak membesarkan perdagangan-nya dengan negeri[2] tersebut. Sa-bagai langkah yang mula[2] perundingan untok mengikat satu Perjanjian Perdagangan dengan Soviet Russia telah di-buat pada awal tahun 1967.

Pendaftaran Chap Dagangan dan Jaminhak

502. Pejabat Pendaftaran Chap Dagangan dan Jaminhak ada-lah suatu chawangan dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Tugas-nya ia-lah mendaftarkan chap dagangan dan jaminhak United Kingdom. Sunggoh pun pendaftaran itu di-jalankan pada masa ini di-atas nama tiap[2] wilayah, ia-itu Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak untok kemudahan pendudok[2] wilayah masing[2] terutama sa-kali di-wilayah[2] Sabah dan Sarawak yang jauh dari ibu kota, tetapi kesudahan-nya hendak di-adakan juga atoran memberi chap dagangan dan jaminhak yang meliputi seluroh Malaysia dengan chara pendaftaran pusat. Pejabat bagi chawangan Pejabat Pendaftaran itu di-Sarawak sedang di-susun

sa-mula dan peruntokan telah di-buat untok membuka sa-buah pejabat chawangan di-Sabah. Kerja pendaftaran chap dagangan dan jaminhak bagi Sabah dahulu-nya di-jalankan di-Singapura tetapi telah di-pindahkan ka-Kuala Lumpur pada bulan September yang lalu.

503. Pendaftaran chap dagangan memainkan peranan yang penting dalam kegiatan[2] perdagangan dan perusahaan dalam negeri ini dan oleh kerana barang[2] buatan Malaysia sa-makin banyak permohonan[2] meminta di-daftarkan chap dagangan bagi barang[2] keperluan pengguna makin bertambah banyak di-terima daripada pembuat[2] Malaysia. Permohonan[2] daripada luar negeri meminta di-daftarkan chap dagangan bagi barang[2] yang termasok dalam gulongan kimia, perubatan, sains dan jentera maseh lagi di-terima dengan banyak-nya dan, saperti masa yang lalu, jumlah-nya ada-lah melebehi bilangan permohonan[2] yang di-terima daripada warga-negara Malaysia. Pendaftaran jaminhak di-Malaysia hanya mendaftarkan sa-mula jaminhak[2] United Kingdom dan kebanyakan-nya di-minta oleh warga-negara dan sharikat[2] negeri[2] asing dan tuan[2] punya jaminhak itu kebanyakan-nya dari Amerika Sharikat, Great Britain, Jerman dan Jepun.

Pelanchongan

504. Dalam lapangan pelanchongan, usaha Kerajaan di-luar negeri menarek pelanchong[2] datang ka-Malaysia telah berhasil. Pada tahun yang lalu pendapatan daripada pelanchongan telah bertambah sa-banyak 38 peratus dan berjumlah lebeh kurang 22 juta ringgit. Dalam tahun lalu juga, usaha memajukan hotel telah bersunggoh-sunggoh di-jalankan oleh pehak[2] persendirian dan oleh kerana usaha itu bilek[2] hotel untok pelanchong[2] antara bangsa telah bertambah kira[2] 23 peratus—satu bukti yang jelas bahawa pehak persendirian yakin akan kebaikan perusahaan pelanchong pada masa akan datang. Usaha memajukan beberapa projek[2] pelanchongan di-bawah Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama ada-lah sedang di-uruskan.

505. Oleh kerana Kerajaan sedar bahawa pelanchongan ada-lah satu daripada usaha[2] yang terbaik bagi memperbanyakkan jenis ekonomi negara maka Kerajaan akan terus menggalakkan dan memajukan perusahaan pelanchongan, serta memberi pertolongan dan galakan kapada pehak persendirian yang ada daya utama dalam perusahaan pelanchong. Satu Jawatan-kuasa Kerja Pelanchongan yang terdiri daripada pegawai[2] Kerajaan dan wakil[2] perniagaan pelanchongan tidak lama lagi akan membentangkan shor[2]-nya kapada Kerajaan tentang chara[2] bagaimana perusahaan ini boleh di-majukan lagi.

Yayasan Sukatan dan Darjah

506. Yayasan Sukatan dan Darjah telah di-tubohkan sa-bagai sa-buah perbadanan berkanun dalam suku tahun yang pertama, tahun 1966 di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Tugas[2] Yayasan ini ia-lah menyediakan sukatan dan darjah dan menggalakkan penggunaan-nya berhubong dengan barang[2], proses dan kelaziman. Dalam bulan Oktober tahun 1966, Act Sukatan dan Darjah telah di-luluskan oleh Parlimen menjadikan Yayasan itu sa-buah badan berkanun yang berkuasa sendiri.

507. Tugas[2] Yayasan itu ia-lah:

(*a*) Menggalakkan penggunaan sukatan dan darjah dalam lapangan perdagangan dan perusahaan;

(*b*) menghebahkan penggunaan sukatan dan darjah dengan tujuan membaiki lagi mutu barang[2] keluaran Malaysia atau barang[2] yang di-impot ka-Malaysia, sama ada untok kegunaan Malaysia sendiri atau pun untok eksepot;

(*c*) menggalakkan kechekapan perjalanan perusahaan dan pembangunan perusahaan; dan

(*d*) menggalakkan kebajikan orang ramai dan perusahaan, kesihatan dan keselamatan.

508. Sa-orang warga-negara Malaysia telah di-lantek menjadi Pengarah Yayasan itu dalam bulan Disember tahun 1966. Perhubongan telah di-buat dengan negeri[2] Komanwel yang lain dan Pertubohan[2] Sukatan dan Darjah Antara Bangsa untok bertukar[2] penerangan teknik dan meminta negeri[2] dan Pertubohan itu menghadiahkan buku[2] sukatan dan darjah-nya kapada Yayasan itu. Yayasan Sukatan dan Darjah British, India, Australia dan New Zealand telah bermurah hati menghadiahkan beberapa sukatan mereka kapada Yayasan Sukatan dan Darjah Malaysia. Yayasan Sukatan dan Darjah Malaysia sentiasa menerima risalah[2] mengenai sukatan dan darjah dan berita teknikal daripada Pertubohan Sukatan dan Darjah Antarabangsa, Yayasan Sukatan dan Darjah British, Yayasan Sukatan dan Darjah India, Persatuan Sukatan dan Darjah Canada, Persatuan Sukatan dan Darjah Australia, Persatuan Sukatan dan Darjah New Zealand, Persatuan Sukatan dan Darjah Afrika Tengah dan Lembaga Sukatan dan Darjah Afrika Selatan.

509. Deraf yang mula[2] bagi sukatan dan darjah untok topi keselamatan penunggang motosikal dan tali pinggang keledar untok kereta telah di-sediakan pada penghujong tahun 1966. Jawatan-kuasa Kechil Teknik telah di-tubohkan untok mengkaji deraf sukatan dan darjah itu di-jadikan sukatan dan darjah Malaysia. Deraf yang mula[2] bagi sukatan dan darjah untok barang[2] lain telah juga di-sediakan dan apabila pegawai[2] teknik bagi Yayasan Sukatan dan Darjah itu di-lantek kelak, maka Jawatan-kuasa[2] Kechil Teknik akan di-tubohkan untok mengkaji deraf[2] sukatan dan darjah itu di-jadikan sukatan dan darjah Malaysia.

510. Yayasan ini akan mula berjalan dengan sa-chukup-nya dalam tahun 1967 manakala Jawatan-kuasa[2] Sukatan dan Darjah Perusahaan dan Jawatan-kuasa[2] Teknik-nya masing[2] di-tubohkan untok mengendalikan sukatan dan darjah bagi sa-puloh buah kumpulan perusahaan, ia-itu:

(*a*) Perusahaan Bahan[2] dan Kimia;

(*b*) Perusahaan Kain dan Pakaian;

(*c*) Perusahaan Tanaman;

(*d*) Perusahaan Kejuruteraan Letrik;

(*e*) Perusahaan Kejuruteraan Elektronik;

(*f*) Perusahaan Kejuruteraan Jentera;

(*g*) Perusahaan Kejuruteraan Awam dan Bangunan;

(*h*) Perusahaan Barang[2] Keperluan Pengguna;

(*i*) Perusahaan Lombong;

(*j*) Undang[2] Kelaziman.

511. Bahagian Penguji dan Bahagian Merinyu bagi Yayasan Sukatan dan Darjah itu akan di-perkemaskan mengikut kemajuan kerja Jawatan-kuasa Sukatan dan Darjah Perusahaan. Bahagian Penguji itu akan menjalankan ujian bagi memberi "certification mark" dan mengeluarkan lesen untok melekatkan tanda Yayasan Sukatan dan Darjah pada barang[2] menunjokkan barang[2] itu ada-lah mengikut sukatan dan darjah. Bahagian Merinyu akan memereksa chara[2] dan alat[2] yang di-gunakan di-tempat[2] pengeluaran serta memereksa ada-kah barang[2] yang di-keluarkan oleh pembuat[2] yang telah di-beri lesen menandakan tanda sukatan dan darjah itu mengikut sukatan dan darjah. Di-bawah Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia, Yayasan Sukatan dan Darjah akan mengembangkan kegiatan[2]-nya dan memperelokkan lagi ma'mal[2] pengujian yang di-gunakan bagi memberi "certification mark" dan mengawal mutu.

512. Malaysia telah menchapai suatu kejayaan lagi kerana menubohkan Yayasan Sukatan dan Darjah itu. Sesuai betul masa-nya di-tubohkan Yayasan itu kerana Malaysia telah memulakan usaha membangunkan perusahaan[2].

Lembaga Letrik Negara

513. Lembaga Letrik Negara telah menchapai kemajuan[2] yang besar pada tahun lalu.

514. Ranchangan Letrik Haidero Batang Padang, ia-itu ranchangan Letrik Haidero yang terbesar dan terakhir di-bena di-Cameron Highlands, berjalan terus dengan maju-nya. Walau pun keadaan chuacha agak burok dalam beberapa bulan yang lalu, sa-jumlah besar kerja[2] kejuruteraan 'awam, termasok kerja mengorek Terowong Menglang yang sembilan batu panjang-nya itu dan Terowong Woh, telah pun selesai. Kerja memasang alat[2] letrik dan alat jentera telah banyak siap dan boleh-lah di-harap "power station" bawah tanah Wok yang mengandongi set[2] janakuasa 3×50 MW akan dapat di-gunakan pada akhir tahun ini sa-bagaimana yang di-tetapkan.

515. Laporan[2] kajian mengenai kemungkinan melaksanakan Ranchangan Letrik Haidero di-Hulu Sungai Perak telah di-sampaikan kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan oleh Pesurohjaya Tinggi Canada pada 24 haribulan Mei, 1966. Kejian tersebut yang di-jalankan sa-bagai sumbangan Canada kapada Ranchangan Colombo menyatakan bahawa tenaga lebeh kurang 625 MW boleh di-usahakan di-Hulu Sungai Perak dengan tidak memakan banyak belanja dengan membena empang[2] di-Temengor, Bersia dan Kenering. Laporan itu sedang di-timbangkan bersunggoh-sunggoh oleh Lembaga Letrik Negara yang juga menyiasat tentang faedah ranchangan ini untok mengawal banjir[2] di-Perak.

516. Sa-lepas Jurutera[2] Lembaga Letrik Negara membuat taksiran ekonomi mengenai kemungkinan mengusahakan tenaga haidero dari Sungai Sia, Sungai Liang dan Sungai Sempam di-Daerah Raub, sa-buah sharikat penasihat[2] Jepun, yang di-anjorkan oleh Kerajaan Jepun di-bawah ranchangan bantuan khas-nya, telah menyiasat daerah ini dari bulan Mach hingga bulan Mei, 1966 untok mengemukakan satu laporan. Laporan ini telah pun di-terima dan sedang di-kaji oleh Lembaga itu.

517. Sa-lepas Bahagian Letrik Haidero Lembaga itu menjalankan penyiasatan mengenai mengusahakan tenaga haidero dari Sungai Pergau di-Kelantan, "the Snowy Mountains Hydro-Electric Authority", Australia telah meminta supaya ia di-benarkan menilai projek itu bagi membuktikan mustahak-nya di-siasat tapak ranchangan itu dengan halus-nya. Kesudahan-nya satu pasokan penyiasat dari-pada "Authority" itu telah melawat tapak ranchangan tersebut dan satu laporan penyiasatan mereka telah di-terima untok di-kaji.

518. Dengan pertolongan Kerajaan, Lembaga Letrik Negara telah berjaya mendapat pinjaman wang yang ke-tiga dari I.B.R.D. berjumlah 111 juta ringgit. Wang ini akan di-gunakan untok membeli barang[2] yang kena di-bayar dengan wang negeri asing untok kegunaan Pengusahaan Tenaga Tanah Melayu Selatan yang akan mengadakan set janakuasa 50 MW yang ke-tiga di-Woh dan set janakuasa 1.4 MW yang ke-tiga di-Odak untok Ranchangan Letrik Haidero Batang Padang, untok memasang dua set janakuasa wap 30 MW di-Sultan Power Station, Johor Bahru, sa-buah Thermal Power Station yang baharu di-Port Dickson yang mengandongi dua set janakuasa 60 MW (yang pada mula[2]-nya di-ranchangkan untok mengeluarkan tenaga 600 MW) dan projek transmission dari Johor Bahru ka-Kluang dan dari Port Dickson ka-Seremban dan ka-Kuala Lumpur.

519. Berkenaan dengan Thermal Power Station di-Port Dickson, kerja menambak tapak steshen itu telah berjalan dengan baik-nya. Kontrek telah di-beri untok membuat kerja[2] civil, rangka[2] besi dan memasang dua set janakuasa wap 60 MW dan alat[2] yang berkaitan. Tarikh yang di-tetapkan untok mula menggunakan set[2] ini ia-lah pada awal tahun 1969.

520. Di-Thermal Power Station Prai, dua set janakuasa wap 30 MW telah siap di-pasang dan telah berjaya apabila di-uji beberapa kali dan sekarang telah pun mula berjalan.

521. Di-Johor Bahru, kerja[2] memperbesarkan Sultan Ismail Thermal Power Station telah berjalan dengan baik dan kerja memasang set janakuasa wap 30 MW yang pertama hampir siap. Set ini ada-lah di-jangka berjalan dalam bulan Julai tahun ini.

522. Projek[2] transmission untok melengkapi Ranchangan Pengusahaan Tenaga di-Batang Padang dan Prai sedang berjalan. Projek[2] ini akan memberi rangkaian aliran 132 kV (132 kV transmission network) di-bahagian utara pantai barat negeri ini dari Cameron Highlands ka-Alor Star dan mempunyai kabel sambongan dalam laut 33 kV di-antara Power Station Lembaga Letrik Negara di-Prai dengan Power Station Majlis Bandaran Penang di-Glugor, kabel sambongan

66 kV dengan pesawat Sharikat Tenaga Letrik-Haidero Sungai Perak di-Papan, dan kabel sambongan 132 kV dengan rangkaian pusat Lembaga Letrik Negara di-tapak steshen haidero baru di-Woh. Apabila siap rangkaian ini boleh-lah Lembaga Letrik Negara menutup steshen[2] diesel di-Taiping, Butterworth, Alor Star dan Arau. Rangkaian ini akan juga menolog uasaha pembangunan perusahaan di-sekeliling bandar[2] besar di-utara dan membantu menchepatkan ranchangan pembekalan letrik di-luar bandar.

523. Berkenaan dengan pembekalan letrik di-luar bandar, dalam tahun 1966 Kerajaan Persekutuan bersama dengan empat Kerajaan Negeri telah memberi $1,130,017 untok ranchangan pembekalan letrik di-luar bandar yang akan memberi bekalan letrik kapada 6,313 buah rumah dalam 87 buah kampong untok faedah 37,878 orang pendudok luar bendar. Lembaga Letrik Negara telah mencharumkan lebeh kurang $1,460,510 bagi ranchangan[2] ini. Ranchangan[2] ini sedang di-laksanakan dengan bersunggoh-sunggoh.

524. Di-bawah Ranchangan 1967 lembaga berchadang hendak memberi bekalan letrik kapada 4,968 buah rumah di-57 buah kampong untok faedah 29,808 orang pendudok luar bandar dengan belanja sa-banyak $2,827,190. Daripada jumlah ini Kerajaan Persekutuan akan memberi $2,000,000.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tentera Biasa

GERAKAN TENTERA

525. Dengan tamat-nya konferantasi dari Indonesia, Malaysia tidak-lah lagi menentang pencherobohan dari luar melainkan anchaman daripada saki baki pengganas[2] komiunis yang maseh ada di-kawasan[2] sempadan Malaysia/Thai dan juga bahaya sabversif komiunis di-Malaysia Timor. Sa-hingga sekarang Tentera Darat telah berjaya dalam segala gerakan keselamatan menentang musoh[2] negara. Sa-tengah[2] undang[2] yang di-buat dan di-gunakan dalam masa konferantasi dahulu maseh terpaksa lagi di-pakai pada masa sekarang oleh kerana anchaman dari dalam ini. Kerajaan Thai telah memberi kerjasama yang rapat dengan negara ini bagi menghapuskan saki baki pengganas[2] komiunis di-kawasan[2] sempadan itu.

526. Di-Malaysia Timor anchaman[2] ada-lah dari dua pehak; pertama anchaman dari pertubohan komiunis di-Sarawak dan kedua anchaman dari Tentera National Kalimantan Utara. Langkah[2] bagi memusnahkan anchaman[2] itu sedang di-jalankan dengan hebat-nya. Oleh kerana pasokan[2] Komanwel di-panggil balek maka terpulang-lah kapada Tentera Darat bersama[2] dengan Pasokan Keselamatan yang lain untok memikul beban perjuangan sekarang ini. Kerajaan sangat-lah berhutang budi kapada negara[2] sahabat Malaysia, ia-itu Kerajaan British, Australia dan New Zealand kerana telah menghantar tentera dan kelengkapan.

527. Kerajaan berchita[2] kira-nya semua warganegara Malaysia sedia berkorban dan memberi apa[2] sahaja bantuan, kerjasama dan sokongan semangat kapada

pasokan[2] keselamatan supaya berjaya menjalankan gerakan menentang musoh. Pengorbanan[2] ini ada-lah mustahak sa-hingga anchaman[2] kapada negara ini telah di-hapuskan.

PEMBESARAN

528. Tentera Darat telah berjaya menyempurnakan ranchangan pembesaran-nya bagi tahun yang kedua. Sa-bagaimana di-sebut dahulu ranchangan pembesaran bagi menjamin kemerdekaan, kedaulatan dan kehormatan negara ini tidak dapat di-jalankan dengan chepat. Ada-lah penting pembesaran tentera itu di-laksanakan dengan chara beransor[2]. Ranchangan pembesaran itu ada-lah di-pinda dari sa-masa ka-samasa mengikut keadaan yang berlaku di-dalam di-sekitar Malaysia. Sa-kira-nya keadaan berkehendakkan pertahanan negara di-perkuatkan, maka terpaksa-lah di-perbesarkan Angkatan Tentera supaya negara terpelihara.

529. Dalam bulan November yang lepas, Kerajaan British telah menyerahkan kapada Kerajaan satu lagi Batalion Infanteri Renjer, ia-itu batalion yang ketiga di-tubohkan dan di-lateh oleh Kerajaan British. Batalion ini telah pun menjadi satu daripada pasokan Tentera Biasa. Dalam tahun ini Tentera Darat akan terus memperbesar dan menubohkan pasokan[2] yang perlu bagi melaksanakan tugas[2]-nya di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor. Pasokan[2] yang akan di-tubohkan itu akan dapat menambah sa-mula tenaga yang telah menjadi kurang di-sebabkan pasokan[2] Komanwel di-panggil balek dari Malaysia Timor. Marks Tentera Darat di-Malaysia Timor akan di-perbesarkan lagi supaya dapat Markas itu menyempurnakan tugas[2] mengenai gerakan dan pentadbiran bagi semua pasokan di-sana.

TEMPAT[2] KEDIAMAN

530. Ada-lah dasar Kerajaan hendak menyediakan tempat[2] kediaman yang chukup untok ahli[2] Angkatan Tentera dan keluarga mereka dengan sa-berapa segera yang boleh. Perkara mendirikan tempat[2] kediaman bagi ahli[2] Angkatan Tentera yang beristeri ada-lah di-utamakan di-mana[2] yang di-fikirkan mustahak, terutama sa-kali bagi ahli[2] Angkatan Tentera dan keluarga mereka yang sedang berkhidmat di-Malaysia Timor. Tempat[2] kediaman akan juga di-bena lagi di-Malaysia Barat.

RANCHANGAN MENGGANTIKAN PEGAWAI[2] DAGANG DENGAN PEGAWAI[2] MALAYSIA

531. Walau pun Tentera Darat sedang di-perbesarkan dengan chepat-nya, ranchangan menggantikan pegawai[2] dagang dengan pegawai[2] Malaysia dalam Tentera Darat ada-lah berjalan dengan memuaskan hati. Sa-belum akhir tahun ini hampir semua jawatan[2] kanan akan di-pegang oleh pegawai[2] Malaysia sendiri.

KELENGKAPAN

532. Dari sa-masa ka-samasa Tentera Darat mengkaji dasar[2]-nya mengenai alat[2] kelengkapan dan usaha sedang di-jalankan untok memperbekal sa-mula senjata[2] dan alat[2] kelengkapan moden sesuai dengan peranan Tentera Darat bagi memperkokohkan pertahanan Malaysia di-darat. Oleh kerana memandangkan keadaan kewangan sekarang perkara ini ada-lah di-kaji dengan teliti-nya supaya peruntokan wang di-belanjakan dengan chermat dan mendatangkan sa-baik[2] faedah.

TENTERA WATANIAH

533. Pada tahun lepas Tentera Wataniah dan Pasokan Pertahanan Tempatan telah menjalankan tugas[2] mereka dengan chemerlang-nya pada membantu pasokan[2] tentera biasa menjaga keselamatan negeri. Usaha[2] sedang di-buat untok menyamakan darjah Batalion[2] Infanteri Tentera Wataniah dengan Batalion Infanteri Tentera Biasa. Pasokan Pertahanan Tempatan tidak akan di-bubarkan tetapi latehan[2] bagi-nya telah di-kurangkan sa-banyak 50 peratus. Banyak anggota[2] Pasokan Pertahanan Tempatan yang telah di-kerah di-bawah Undang[2] Dzarurat telah di-berhentikan kechuali mereka yang telah di-tugaskan menjaga bangunan[2] penting dan tempat[2] mustahak di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor. Kapada mereka yang telah di-berhentikan itu, Kerajaan menguchapkan berbanyak[2] terima kaseh. Mereka akan di-beri sagu hati dan lain[2] pertolongan untok membalas jasa mereka dan menolong mereka hidup sa-chara orang 'awam.

PASOKAN SETIA NEGARA

534. Dengan tamat-nya konferantasi pada akhir tahun 1966 pemuda[2] tiada lagi di-kerah untok latehan tentera. Semua Pusat Latehan Pasokan Setia Negara telah di-tutup. Kapada mereka yang telah di-beri latehan itu Kerajaan menguchapkan berbanyak terima kaseh kerana bekerjasama dan sedia datang berlateh dan di-harap mereka tidak lupa akan latehan yang di-dapati mereka itu dan dengan demikian latehan itu akan dapat di-gunakan pada masa hadapan sa-kira-nya mereka di-panggil berkhidmat sa-mula kelak.

TENTERA LAUT DI-RAJA MALAYSIA

535. Pembesaran Tentera Laut Di-Raja Malaysia telah di-teruskan pada tahun lepas. Jumlah kapal telah bertambah dengan dapat-nya beberapa buah kapal penyapu periok api, kapal peronda dan dua buah kapal pendarat kechil. Dalam tempoh itu juga beberapa buah kapal lama telah tidak di-pakai lagi dan beberapa buah kapal yang lain telah di-kembalikan kapada pehak yang berkuasa yang telah meminjamkan-nya dalam masa konferantasi dahulu.

536. Dengan pasokan[2] Komanwel di-panggil balek sa-telah konferantasi tamat, maka tugas[2] kapal[2] Tentera Laut telah bertambah kerana sekarang kapal[2] itu bertanggong-jawab penoh menjalankan gerakan[2] laut untok mengawal keselamatan di-sempadan perayeran Malaysia yang panjang itu. Sa-lain daripada itu kapal[2] itu ada-lah juga di-gunakan untok menjaga kapal[2] perdagangan dan perahu[2] nelayan daripada lanun[2] yang seringkali merompak di-Selat Melaka.

537. Kerja membuat sa-buah kapal Friget yang baharu sedang di-teruskan dan kapal ini akan siap pada akhir tahun ini atau awal tahun 1968. Ada-lah di-harapkan Tentera Laut akan mendapat beberapa buah kapal peronda yang laju tidak berapa lama lagi. Kerja membena kapal[2] ini ada-lah tergendala sadikit kerana kesulitan teknik.

538. Jawatan Ketua Turus Tentera Laut akan di-pegang oleh pegawai Malaysia pada akhir tahun ini. Sunggoh pun demikian Tentera Laut akan terus bergantong, untok sementara waktu, kapada bantuan dari luar terutama sa-kali pegawai[2] teknik dari Britain, Australia, New Zealand dan India.

TENTERA UDARA DI-RAJA MALAYSIA

539. Semenjak tahun lepas Tentera Udara Di-Raja Malaysia telah terus di-gunakan pada ghalib-nya untok pengangkutan udara membantu pasokan[2] keselamatan di-Malaysia Timor dan di-Malaysia Barat. Dengan tamat-nya konferantasi dan Tentera Udara Komanwel di-panggil balek dari Malaysia Timor, tugas[2] Tentera Udara telah banyak bertambah oleh kerana kena membuat kebanyakan kerja pengangkutan yang dahulu di-buat oleh Tentera Udara Komanwel itu.

540. Tentera Udara terus mengambil peranan penting dalam gerakan memburu pengganas[2] komiunis di-sempadan Negeri Thai dengan Malaysia. Tugas[2]-nya termasok-lah mengangkut ahli[2] tentera dan polis, menggugorkan dan mengang-kut barang[2] bekalan dan kelengkapan untok askar[2] di-barisan hadapan, me-mindahkan orang[2] yang mati dan terchedera, dan menjalankan ronda[2] peninjau dekat pantai bagi membantu Tentera Laut Di-Raja Malaysia. Sa-lain dari itu Tentera Udara telah mengambil bahagian penting membantu gerakan menolong mangsa[2] banjir dengan menggugor dan mengangkut makanan dan perbekalan kapada mereka yang malang itu.

541. Kerja membena padang kapal terbang baharu di-Kuantan sedang berjalan dengan lanchar-nya dan padang itu di-jangka siap untok kegunaan kapal[2] terbang penangkis yang akan tiba dalam bulan Jun tahun ini.

542. Pada tahun lepas Sekolah Latehan Terbang di-Alor Star dan Sekolah Latehan Teknik di-Kinrara terus memainkan peranan yang penting melateh pemandu[2] kapal terbang dan juru[2] teknik bagi Tentera Udara yang sa-makin besar itu.

543. Kapal[2] terbang pengangkutan jenis Caribou yang di-beli tidak berapa lama dahulu itu di-dapati sangat berguna kerana dengan-nya Tentera Udara Di-Raja Malaysia telah dapat menyempurnakan tugas mengangkut yang sa-makin banyak di-Malaysia Timor.

544. Rundingan[2] sedang di-adakan untok membeli empat buat lagi kapal terbang Caribou yang akan di-hantarkan ka-negeri ini pada tahun hadapan dan empat buah lagi untok di-hantarkan ka-negeri ini dalam tahun 1969. Rundingan sedang di-adakan juga untok membeli dua buah kapal terbang pengangkutan jenis Dart Herald untok menokok kapal[2] terbang Dart Herald yang ada sekarang. Kapal[2] terbang ini di-kehendaki supaya Tentera Udara dapat menyempurnakan tang-gong-jawab-nya yang makin bertambah ia-itu mengangkut pasokan[2] tentera, polis dan perbekalan di-antara Malaysia Timor dengan Malaysia Barat.

545. Sa-puloh buah helikopter jenis Sikersky S-61A-4 telah juga di-pesan. Helikopter[2] ini sangat mustahak untok memberi bantuan udara yang di-ke-hendaki oleh Tentera Darat dan helikopter[2] ini akan di-gunakan di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor.

546. Sa-buah Markas Taktik Udara yang baharu sedang di-tubohkan bagi memerentah dan mengawal semua pengkalan[2] Tentera Udara di-Malaysia Timor dan Malaysia Barat.

PENTADBIRAN

547. Pentadbiran Angkatan Tentera Malaysia ada-lah berjalan dengan memuaskan hati. Ada-lah menjadi dasar Kementerian ini hendak memberi kemudahan yang chukup kapada Angkatan Tentera saperti bangunan[2] dan pejabat[2] tentera. Bangunan Kementerian Pertahanan yang baharu telah di-bena dan telah di-buka oleh Perdana Menteri pada 6hb April yang lalu.

548. Perkhidmatan Perubatan Angkatan Tentera terus di-perluaskan lagi supaya ia boleh menyempurnakan keperluan Angkatan Tentera yang telah di-perbesarkan itu. Dalam tahun 1966 pegawai[2] perubatan tentera dan kakitangan[2] rawatan telah memberi pertolongan chemas, merawat di-kelinik[2] dan memindahkan orang[2] sakit daripada tempat[2] yang berjauhan. Sa-lain dari itu mereka telah membantu perkhidmatan[2] perubatan 'awam dengan chara berkhidmat sa-paroh masa di-rumah[2] sakit yang berhampiran dengan pasokan[2] mereka. Bantuan saperti ini akan di-jalankan juga dalam tahun 1967.

549. Oleh kerana doktor tentera sangat kurang pada masa ini, maka mustahaklah juga lagi menggunakan doktor[2] Perkhidmatan Negara sa-hingga Angkatan Tentera dapat mengadakan doktor[2]-nya sendiri.

BANTUAN PERTAHANAN

550. Kerajaan sangat[2] berhutang budi kapada Pasokan[2] Komanwel United Kingdom, Australia dan New Zealand atas bantuan-nya. Kerajaan juga menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada Kerajaan[2] United Kingdom, Australia dan New Zealand, Canada dan Amerika Sharikat kerana telah memberi bantuan pertahanan dan pertolongan tentera dalam usaha memperbesarkan Angkatan Tentera Malaysia. Kerajaan yakin bahawa bantuan akan di-perolehi lagi daripada negara[2] sahabat, jika di-kehendaki, untok pertahanan pada masa hadapan.

BANTUAN KAPADA ORANG RAMAI

551. Sa-lain daripada menjalankan tugas[2] mempertahankan negara, Angkatan Tentera juga telah memberi pertolongan kapada orang ramai dalam masa dzarurat saperti pada masa banjir besar baharu[2] ini.

552. Askar[2] Melayu Di-Raja dan pasokan[2] Renjer Malaysia telah mengambil bahagian bersama[2] memindahkan mangsa[2] banjir dan menyampaikan barang[2] makanan kapada orang[2] kampong yang terlantar oleh banjir di-Kelantan, Trengganu dan Perak. Tentera Udara Di-Raja Malaysia telah menjalankan peranan penting dalam gerakan itu dengan menggugorkan dan mengangkut bekalan dan barang[2] kelengkapan yang mustahak.

553. Pehak Tentera Inggeris telah memberi bantuan yang besar dengan perchuma dalam gerakan tersebut dan Kerajaan Malaysia ada-lah sangat berhutang budi kapada mereka atas bantuan itu.

554. Angkatan Tentera juga telah berkhidmat dalam bidang pembangunan negara dengan membena jalan[2] raya, lapangan[2] terbang dan lain[2] kemudahan bagi kegunaan orang ramai di-Malaysia Timor. Empat batang jalan raya tiap[2]

satu-nya 12 batu panjang, telah di-bena oleh mereka di-sana. Sa-lain daripada itu mereka juga telah membena empat buah padang kapalterbang, beberapa buah jambatan dan titi[2] jalan kaki, jalan[2] jeep, tempat[2] bekalan ayer dan padang[2] permainan dan membantu membaiki masjid[2]. Di-Malaysia Barat Angkatan Tentera telah juga berkhidmat dengan membena beberapa banyak jambatan dan titi jalan kaki yang sa-tengah-nya antara 400 dengan 600 kaki panjang-nya.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

Bahagian Pertanian

555. Banyak kemajuan telah terchapai dalam hampir[2] semua lapangan memajukan pertanian di-Malaysia. Usaha memaju dan menambahkan kegunaan hasil[2] pertanian yang ada sekarang bersama[2] dengan usaha menggalakkan petani[2] menanam berbagai[2] jenis tanaman telah memberi kesan kapada keadaan masharakat dan ekonomi luar bandar. Dalam tahun 1966 Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama telah di-lancharkan. Dalam Ranchangan ini peruntokan wang bagi pertanian ada-lah lebeh daripada jumlah peruntokan wang bagi-nya dalam Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua. Dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama perkara yang lebeh di-utamakan ia-lah penyelidekan dan pendidekan pertanian.

556. Kejayaan yang besar sa-kali terchapai dalam usaha memajukan pertanian dalam tahun 1966 ia-lah menanam padi Ria, ia-itu suatu jenis beneh baharu yang boleh mengeluarkan hasil sa-banyak 1,200 gantang sa-ekar. Pengeluaran hasil sa-banyak ini ia-lah tiga kali lebeh daripada pengeluaran pukul rata negara. Kejayaan dalam usaha menchari beneh padi yang lebeh baik dan menanam padi ini di-jangka akan meninggikan lagi taraf ekonomi penanam[2] padi yang 95 peratus daripada-nya ada-lah Bumiputera. Apabila padi jenis baharu ini di-tanam seluroh Malaysia, mungkin negara ini dapat mengeluarkan beras chukup untok kegunaan-nya sendiri di-masa[2] yang akan datang.

557. Dalam tahun 1966, pengeluaran beras telah bertambah banyak terutama sa-kali kerana kemajuan besar yang telah di-chapai dalam ranchangan menanam padi dua kali sa-tahun. Dalam tahun 1966 di-Malaysia Barat kawasan yang di-tanam dua kali sa-tahun telah bertambah luas menjadi 106,000 ekar ia-itu kawasan yang paling luas di-tanam dua kali sa-tahun dalam masa[2] yang lalu.

558. Kejayaan[2] yang terchapai dalam penyelidekan dan pengeluaran padi telah menjadi kurang kerana chuacha burok yang mendatangkan benchana banjir tiga tahun berturut[2]. Kerosakan kapada tanaman belum lagi dapat di-nilaikan semua-nya, tetapi ada-lah di-jangka amat banyak. Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama bersama[2] dengan lain[2] Kementerian sedang berusaha dengan segala daya-upaya untok memulehkan kehidupan peladang[2] yang di-timpa malapetaka ini.

559. Kemajuan besar telah juga terchapai oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, pehak ladang[2] dan pekebun[2] kechil dalam usaha mereka memaju-kan kelapa sawit. Dalam tahun 1965, luas kawasan yang di-tanam dengan kelapa

sawit ia-lah 208,000 ekar. Masa ini luas-nya di-anggarkan 274,000 ekar, 5,700 ekar daripada-nya ada-lah kepunyaan pekebun[2] kechil dan terletak dalam 8 buah Negeri di-Malaysia Barat.

560. Kejayaan yang menggalakkan juga di-chapai dalam Sekim Pemulehan dan Penanaman Sa-mula Kelapa. Daripada lima kawasan yang Sekim ini di-jalankan, dua daripada-nya telah di-mulakan dalam tahun 1966. Lebeh kurang 5,525 ekar atau 50 peratus daripada luas kawasan yang di-chadangkan telah di-pulehkan atau di-tanam sa-mula pada tahun lalu, berbanding dengan 5,142 ekar atau 43.6 peratus dalam tahun 1965.

561. Usaha menanam tanaman[2] jangka pendek saperti pisang atau nanas sa-bagai sa-bahagian daripada Sekim ini telah dapat mendatangkan hasil yang baik. Pekebun[2] kechil yang menyertai Sekim ini mendapat pendapatan tambahan sa-banyak $400 hingga $500 sa-ekar pada sa-tahun.

562. Tahun 1966 ia-lah satu tahun yang amat sibok dan berjaya bagi Bahagian Pertanian dalam lapangan penyelidekan pertanian, lanjutan dan pendidekan. Satu Unit Penyelidekan Padi telah di-tubohkan dan sekarang sedang berjalan dengan baik dan di-uruskan oleh pakar[2] sain Malaysia. Tugas Unit ini ia-lah untok menambahkan pengeluaran beras dengan menggunakan teknik baharu.

563. Semua kerja[2] mustahak dalam penyelidekan padi ada-lah kerja[2] yang berjalan terus-menerus. Projek[2] ini termasok-lah usaha menchari dan memileh jenis[2] beneh yang banyak buah-nya dan yang kuat menentang penyakit dan musoh, suka kapada baja dan boleh di-tanam dua kali sa-tahun di-tempat[2] yang keadaan tanah dan ayer-nya berbedza. Lebeh banyak lagi usaha akan di-jalan-kan supaya padi jenis Malinja dan Mahsuri bertambah kuat menentang penyakit merah. Dan juga oleh kerana padi Ria di-jangka di-tanam dengan banyak-nya dalam satu atau dua tahun lagi maka jenis yang banyak mengeluarkan buah ini mustahak-lah di-selideki dan di-kaji dengan bersunggoh[2] mengenai keadaan kawasan yang sesuai bagi-nya dan keadaan baja yang di-sukai-nya.

564. Dengan bertambah-nya besar dan elok pusat[2] perchubaan padi yang ber-tempat di-Negeri[2] yang banyak menanam padi di-Malaysia Barat dan dengan bertambah-nya lagi kemudahan luar dan ma'amal, maka ranchangan penyelide-kan padi di-jangka akan dapat di-jalankan dengan lebeh sempurna lagi. Kerja[2] yang akan di-jalankan di-pusat[2] padi ini ada-lah:

(i) meneruskan ranchangan kerjasama dengan Pusat Penyelidekan Padi Antara-Bangsa mengenai menchuba/memerhati jenis[2] beneh padi dan mengawal penyakit merah;

(ii) mengkaji pada segi agro/ekonomi usaha hendak menanam di-luar musim padi tanaman jangka pendek pada tanah[2] sawah yang tiada boleh di-tanam padi dua kali sa-tahun supaya tanah[2] itu dapat di-gunakan untok menanam berbagai[2] tanaman mengikut peratoran mengurus ladang yang betul dan sesuai dengan dasar Kerajaan hendak memperbanyakkan jenis tanaman;

(iii) mengkaji dari segi kejuruteraan pertanian mengenai pengeluaran, kerja memproses dan menyimpan padi.

565. Dengan bertambah penting-nya perusahaan kelapa sawit, satu Unit Penyelidekan kelapa sawit telah di-tubohkan untok memperhebatkan lagi kerja[2] penyelidekan. Unit ini sekarang berhubong rapat dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam usaha-nya hendak mengelokkan lagi beneh[2] yang di-dapati di-Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, supaya dapat di-adakan jenis[2] pokok yang baik sa-kali dan yang mengeluarkan banyak sa-kali hasil bagi di-tanam pada masa hadapan. Kementerian ini mempunyai jenis beneh kelapa sawit yang terbanyak sa-kali dalam negara ini. Langkah[2] sedang di-ambil untok menambahkan lagi jenis[2] beneh ini dengan memileh dari jenis[2] beneh tempatan dan dengan membawa masok jenis[2] beneh dari luar negeri. Tujuan usaha ini ia-lah hendak mengukoh dan mengembangkan ranchangan pembiakan Kementerian itu supaya di-satu masa kelak dapat-lah di-ada dan di-bahagi[2]kan jenis[2] beneh tanaman yang banyak mengeluarkan buah sa-banyak yang di-perlukan oleh perusahaan ini. Dengan ada-nya kerjasama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, maka besar-lah harapan yang beneh[2] tanaman yang banyak mengeluarkan buah dapat di-adakan dengan sa-chukup-nya di-masa hadapan.

566. Sa-bagai satu panduan yang penting kapada peladang[2] kelapa sawit, Kementerian itu telah menyimak sa-mula buku yang bertajok "Oil Palm in Malaysia" dan menerbitkan-nya sa-kali lagi. Kebanyakan daripada makalah[2] dalam buku itu di-tulis oleh pegawai[2] Kementerian itu.

567. Unit Penyelidekan Kelapa Sawit itu akan mengkaji pada segi "nutrition" kelapa sawit yang di-tanam pada beberapa jenis tanah dan di-urus dengan chara[2] yang berlainan. Lebeh banyak ma'alumat yang berguna untok menjadi asas yang lebeh kuat bagi mengetahui hal[2] baja yang di-kehendaki oleh tanaman ini akan di-dapati dengan menyiasat tanah dan menganalisa daun lebeh bersunggoh[2] lagi dan kerja ini akan di-jalankan bersama[2] dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Dengan ada-nya penyiasatan[2] ini dan kajian "nutrition" yang di-jalankan di-pusat[2] jabatan itu, maka boleh-lah di-harapkan bahawa shor[2] mengenai jenis baja bagi sa-suatu jenis tanah akan dapat di-beri kapada perusahaan kelapa sawit.

568. Perhatian yang sa-patut-nya akan juga di-beri kapada penyelidekan mengenai kelapa, tebu dan lain[2] tanaman tanah pamah. Usaha mengadakan dan memileh beneh kelapa yang mengeluarkan banyak buah yang di-jalankan dalam beberapa tahun yang lalu di-dua pusat perchubaan kelapa yang besar, ia-itu di-Teluk Anson dan di-Parit Botak, Johor, akan di-teruskan hingga berjaya. Banyak kemajuan telah di-chapai dalam menchuba jenis[2] baja di-pusat tanah pasir Sungai Baging, Pahang.

569. Kerja[2] permulaan dalam usaha memileh jenis[2] tebu dari jenis[2] tempatan dan luar negeri telah berjaya. Beberapa jenis yang boleh di-harapkan telah di-dapati. Tiga jenis beneh tebu, tiap[2] satu-nya boleh mengeluarkan lebeh daripada 50 tan tebu satu ekar dan mengandongi gula sa-banyak 12 peratus, akan di-chuba dengan menanam lebeh banyak lagi pada tanah dan dalam iklim yang berlainan.

570. Satu pasokan pakar[2] dari Pertubohan Makanan dan Pertanian, Bangsa[2] Bersatu telah selesai menjalankan satu penyiasatan mengenai menanam tanaman[2]

saperti sayor²an, buah²an dan sa-bagai-nya yang mengeluarkan hasil dengan lebeh banyak lagi. Laporan pasokan itu akan di-kaji dengan teliti kerana dasar dan ranchangan mengenaï pertanian di-masa hadapan akan banyak bersandar kapada laporan itu.

571. Kakitangan dalam Perkhidmatan Memelihara Pokok², Kementerian itu telah di-tambah. Memelihara pokok² ada-lah menjadi satu tanggong-jawab semua negara dan memerlukan kerjasama antara-bangsa. Malaysia ia-lah sa-buah negara ahli yang chergas dalam pertubohan antara-bangsa itu yang di-tubohkan di-bawah naungan Pertubohan Makanan dan Pertanian, Bangsa² Bersatu. Sa-bagai sokongan kapada pergerakan antara-bangsa itu, Malaysia telah menjadi tuan rumah kapada Sidang Ke-enam Meshuarat Memelihara Pokok² anjoran Pertubohan Makanan dan Pertanian itu yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur dari 27hb Mach hingga 3hb April tahun ini.

572. Untok menjalankan dengan lebeh chepat lagi ranchangan Kerajaan hendak menanam berbagai² jenis tanaman, negara ini memerlukan peta² jenis tanah. Dalam lapangan tinjauan terator tanah (schematic reconnaissance soil survey), 28 juta ekar tanah daripada jumlah 31.5 juta ekar tanah di-Malaysia Barat telah di-sukat. Ada-lah di-jangkakan yang semua kawasan Malaysia Barat akan selesai di-sukat dalam tahun 1967. Kajian lengkap jenis tanah (detail soil survey) akan di-jalankan untok membuat taksiran dengan lebeh tepat lagi tentang kemungkinan pertanian pada berbagai² jenis tanah.

573. Lain² projek yang sama penting-nya dalam usaha hendak menanam berbagai² jenis tanaman dan yang sedang di-jalankan ia-lah menyelidek tanah gambut, mengkaji bersunggoh² lagi kemungkinan ekonomi menanam tebu dan menanam tanaman² jangka pendek dan makanan binatang. Di-masa ini pengetahuan teknik dan pengalaman mengenaï mengguna tanah gambut untok di-tanam dengan tanaman² lain daripada nenas maseh kurang. Hasil² yang di-dapati daripada perchubaan menanam jagong dan lain² tanaman pada tanah gambut yang di-jalankan di-dua buah pusat penyelidekan di-Selangor ada-lah menggalakkan.

574. Kerja yang akan di-jalankan sa-lepas ini dalam mengkaji jenis² tanah ia-lah mengkaji jenis² tanah sa-chara kasar di-kawasan² yang telah maju dan yang belum maju mengikut daerah. Dalam kawasan yang telah maju, kajian sa-chara kasar akan di-jalankan jika masaelah pengeluaran mustahak di-selesaikan dahulu, mithal-nya, di-dataran tanah sawah di-Kedah. Kajian² ini akan berguna dalam usaha melaksanakan Sungai Muda, terutama sa-kali bagi menetapkan chukai tanah dan chukai ayer serta membahagi²kan ayer. Ranchangan² telah juga di-buat untok mengkaji sa-chara kasar jenis² tanah dalam kawasan yang belum maju di-Selatan, Tengah dan Utara Johor untok membuat taksiran dengan lebeh tepat lagi chorak kegunaan tanah negara di-masa hadapan bagi pertanian, perhutanan, perlombongan dan lain² tujuan pembangunan. Bersama² dengan usaha mengkaji sa-chara kasar jenis tanah ini, kerja² permulaan bagi mengkaji kegunaan tanah bagi seluroh negara telah di-jalankan untok mengkaji kemungkinan tenaga 'alam (natural resources) dan menggunakan kemungkinan² itu dengan mengikut dasar memelihara yang baik.

575. Dalam lapangan penyiasatan agronomi, perchubaan baja dan penyiasatan mengenai kehendak nutrition padi telah banyak di-jalankan di-pusat[2] perchubaan dan di-tanah[2] peladang dengan tujuan hendak mengadakan champoran baja padi yang murah dan baik sa-kali untok mendapat pengeluaran yang banyak sa-kali. Perchubaan[2] baharu telah juga di-jalankan mengenai baja yang di-sukai oleh padi Ria kerana padi jenis baharu ini berkehendakkan baja yang baik dengan banyak-nya.

576. Ranchangan Malaysia Yang Pertama ada-lah juga mengandongi peruntokan bagi melateh kakitangan dalam semua perengkat supaya kerja memajukan pertanian dapat di-jalankan dengan lebeh sempurna. Berkenaan dengan pelajaran pertanian, lebeh banyak lagi biasiswa pada perengkat universiti dan maktab telah di-adakan untok lima tahun ia-itu tempoh Ranchangan itu. Jumlah yang di-chadangkan ia-lah 30 biasiswa bagi latehan di-universiti dan 60 biasiswa bagi latehan di-maktab pada tiap[2] tahun.

577. Ranchangan untok memperbesarkan Sekolah Pertanian yang ada sekarang ini dan membena sekolah[2] baharu di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama telah juga di-sediakan. Peruntokan wang telah di-buat untok memperbesarkan dua buah sekolah yang ada sekarang ini dan untok membena empat buah sekolah baharu, ia-itu sa-buah di-Johor, sa-buah di-Trengganu, sa-buah di-Perak dan sa-buah di-Kedah. Tiap[2] sa-buah dari enam buah Sekolah itu apabila siap kelak akan dapat mengadakan tempat untok 300 orang penuntut.

578. Ada juga ranchangan untok peladang[2] dalam ranchangan pelajaran pertanian Kementerian ini. Permintaan[2] menjalani latehan daripada peladang[2] dan pemuda[2] di-luar bandar amat banyak dan menggalakkan. Pusat latehan pertanian luar bandar yang terletak di-serata Malaysia Barat yang berjumlah 19 buah semua-nya telah mengadakan 226 kursus latehan untok 4,488 pelateh peladang dalam tahun 1966—ia-itu lebeh 30 kursus dan 750 pelateh dari jumlah bagi ranchangan dalam tahun 1965.

579. Dalam usaha hendak memajukan pertanian di-masa hadapan, peladang[2] yang terus bertanggong-jawab mengenai pengeluaran pertanian, mesti-lah memainkan peranan yang lebeh penting. Mereka dapat membuat demikian dengan chara bekerjasama, dan bagi maksud ini-lah maka Undang[2] Persatuan Peladang telah di-bawa ka-dalam Parlimen dan di-luluskan dalam meshuarat yang lalu. Ini-lah Undang[2] yang pertama kali-nya di-adakan dalam sejarah negara ini bagi menubohkan satu badan yang mewakili kepentingan peladang[2], dan menyatukan perkhidmatan[2] yang di-perlukan oleh peladang[2] saperti perkhidmatan lanjutan, pinjaman, pemasaran, bekalan dan pengurusan ladang. Ada-lah di-harapkan bahawa apabila Undang[2] ini di-jalankan, kemajuan dalam usaha memajukan pertanian terutama sa-kali mengenai pertanian pekebun[2] kechil, akan bertambah chepat.

580. Kajian[2] pengurusan ladang dan projek[2] persatuan peladang ada-lah memainkan peranan yang bertambah[2] penting dalam usaha mengembangkan pengetahuan pertanian. Projek[2] ini ada kena-mengena dengan usaha hendak menyelesaikan masaelah[2] pertanian yang menyebabkan pendapatan petani[2] rendah. Satu penyiasatan mengenai keadaan socia-ekonomi petani[2] di-kawasan

Projek Sungai Muda telah sempurna di-jalankan supaya Kerajaan dapat menerangkan kapada mereka faedah[2] menanam padi dua kali sa-tahun dalam kawasan itu.

581. Satu siasatan ladang yang lengkap berkenaan dengan 10 projek perchubaan persatuan peladang[2] telah siap di-jalankan dalam tahun 1966. Tujuan siasatan peranchangan ladang ini ia-lah untok mengetahui dengan lebeh jelas lagi taraf dan latar belakang ekonomi sa-kurang[2]-nya 10,000 keluarga peladang[2] dan untok mendapat keterangan[2] dan ma'alumat yang boleh di-gunakan untok meranchang, melaksana dan menilaikan dengan lebeh tepat lagi ranchangan[2] pembangunan.

582. Satu perkhidmatan lanjutan pertanian yang kukoh dan baik susunan-nya ada-lah mustahak bagi mendapat lebeh banyak lagi hasil pertanian. Satu kursus latehan dalam perkhidmatan mengenai kerja[2] lanjutan telah di-adakan di-Kuala Trengganu untok pegawai[2] lanjutan dari Trengganu dan Kelantan. Kursus[2] sa-umpama itu telah di-ranchangkan untok pegawai[2] di-negeri[2] lain. Dengan kerjasama Pertubohan Makanan dan Pertanian, Bangsa[2] Bersatu, Kementerian ini telah mengadakan juga kursus latehan dalam perkhidmatan kebangsaan di-Maktab Pertanian untok pegawai[2] lanjutan dari seluroh Malaysia.

Bahagian Parit dan Taliayer

583. Pada penghujong tahun pertama Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Bahagian Parit dan Taliayer telah melaksanakan 9 ranchangan parit di-Malaysia Barat dan banyak kerja telah di-jalankan pada melaksanakan 21 ranchangan lain dan kerja[2] ini akan di-teruskan tahun ini. Dua puloh tiga ribu lapan ratus ekar ladang getah dan kelapa telah mendapat faedah dari ranchangan[2] ini. Berkenaan dengan taliayer, 38 ranchangan telah di-laksanakan dalam tahun 1966. Oleh yang demikian 13,560 ekar tanah bendang telah mendapat kemudahan taliayer dan 7,470 ekar tanah paya telah di-buka untok di-tanam padi. Dalam pada itu 11,500 ekar tanah telah mendapat kemudahan[2] taliayer untok menanam padi dua kali sa-tahun.

584. Di-Sabah, 10 ranchangan taliayer telah di-laksanakan untok memberi kemudahan[2] taliayer kapada 1,000 ekar tanah padi dan 900 ekar tanah baharu telah di-buka untok di-tanam padi. Enam ribu ekar ladang kelapa sawit telah juga mendapat kemudahan[2] parit.

585. Di-Sarawak, lebeh kurang 9,000 ekar tanah kelapa telah mendapat kemudahan parit.

586. Dalam tahun ini, lebeh dari $65 juta akan di-belanja di-Malaysia Barat, $1,350,000 di-Sabah dan $1,370,000 di-Sarawak untok ranchangan[2] parit dan taliayer. Di-antara projek[2] di-Malaysia Barat itu termasok-lah kerja[2] tambahan untok 21 ranchangan parit dan menjalankan satu ranchangan baharu yang akan memberi faedah kapada 66,480 ekar tanah kelapa dan getah. Bagi taliayer pula, ada 20 ranchangan tambahan dan 3 ranchangan baharu untok memberi kemudahan[2] bagi menanam padi dua kali sa-tahun pada tanah sa-luas 44,750 ekar dan menanam padi sa-kali sa-tahun pada tanah sa-luas 36,820 ekar. Di-antara ranchangan[2] tambahan taliayer yang terbesar sa-kali ia-lah Ranchangan

Taliayer Sungai Muda yang mendapat bantuan kewangan dari Bank Dunia. Kerja sedang di-jalankan untok membena 2 ampangan dan satu terusan bawah tanah dan juga kerja sedang di-jalankan untok membena terusan[2] taliayer untok menanam padi dua kali sa-tahun pada tanah sa-luas 261,500 ekar. Suatu lagi pinjaman sa-banyak $30 juta dari Bank Dunia telah di-rundingkan untok Ranchangan Taliayer Kemubu di-Kelantan bagi menanam padi dua kali sa-tahun pada tanah sa-luas 55,000 ekar. Kerja mengenai projek ini akan di-mulakan tiada lama lagi. Satu lagi ranchangan tambahan yang terbesar ia-lah Ranchangan Taliayer Seluroh Perak, Perengkat IV yang akan membuka 40,000 ekar tanah hutan paya untok di-tanam padi dan 2,000 ekar daripada-nya akan di-buka dalam tahun ini. Di-Kelantan kerja tambahan sedang di-jalankan mengenai Ranchangan Taliayer Lemal, Perengkat III untok tanah sa-luas 2,000 ekar dan kerja menambah juga sedang di-jalankan di-Trengganu mengenai Ranchangan Taliayer Nerus untok sa-luas 1,000 ekar. Ranchangan[2] parit yang terbesar ia-lah kerja menambah di-Rengit, Peserai, Parit Jawa, Sungai Pinggan dan Kesang di-Johor; Sungai Kelambu di-Selangor, Bukit Minyak/Tengah di-Pulau Pinang; serta juga ranchangan[2] di-Sitiawan dan Durian Sebatang di-Perak. Satu ranchangan parit yang terbesar, Semenanjong Bernam Perengkat II, di-jangka akan siap tahun ini.

587. Di-Sabah, tahun ini, kerja menambah mengenai Ranchangan Penempatan Kelapa Sawit Klias akan terus di-jalankan pada tanah baki seluas 2,000 ekar itu. Sa-belas ranchangan taliayer akan di-jalankan, ia-itu ranchangan Bandan, Kudat, Tandik, Kota Belud, Tempasuk, Utara dan Selatan, Kawang[2], Luhan, Bangau[2], Apin[2], Tunggal dan Pantai Kawang. Kerja[2] ini akan menambahkan bekalan ayer kapada 1,000 ekar tanah bendang yang ada sekarang ini dan menjamin bekalan ayer kapada 1,200 ekar tanah bendang baharu.

588. Di-Sarawak, kerja sedang berjalan terus mengenai Ranchangan Parit Kabong Nyabor Perengkat I untok tanah sa-luas 11,500 ekar di-tanam dengan kelapa. Kerja sudah di-mulakan mengenai Ranchangan Parit Mid-Sadong Perengkat I untok tanah sa-luas 2,000 ekar yang di-tanam dengan kelapa dan padi, dan juga mengenai satu ranchangan parit yang kechil di-Loba Balu untok tanah sa-luas 2,000 ekar yang di-tanam dengan kelapa. Semua kerja ini di-jangka akan siap tahun ini. Kerja baharu yang akan di-mulakan tahun ini ia-lah satu projek panduan untok menjamin bekalan ayer kapada Paya Selanyan dan Paya Padang di-kawasan Hilir Sebuti dan membekalkan ayer kapada lebeh kurang 500 ekar tanah kelapa dan padi. Ada-lah juga di-chadangkan hendak memulakan kerja mengenai Ranchangan Parit Kabong Nyabor Perengkat II untok tanah sa-luas 9,000 ekar yang di-tanam dengan kelapa dan kelapa sawit; Ranchangan Mid-Sadong Perengkat II dan III untok tanah sa-luas 2,600 ekar yang di-tanam dengan kelapa dan padi, serta juga kerja mengenai Ranchangan Parit Santubong untok tanah sa-luas 1,200 ekar di-tanam dengan kelapa.

Perkhidmatan Haiwan

589. Dalam tahun lalu Perkhidmatan Haiwan telah berjaya meneruskan kerja[2] yang di-jalankan dalam usaha-nya hendak mengadakan satu perkhidmatan menjaga kesihatan ternakan yang chekap, melateh kakitangan jabatan pada segi

kesihatan, ternakan dan pengeluaran ternakan dan melateh ra'ayat pada segi pengeluaran, memelihara dan mengurus ternakan dan memberi makan, menternak, memileh dan meninggikan mutu ternakan[2] tempatan.

590. Ternakan[2] dalam negeri ini telah terus dapat di-pelihara daripada terkena penyakit ternakan yang merbahaya dan yang menyerang ternakan[2] dalam negara[2] yang berhampiran dengan negeri ini. Kejayaan ini ia-lah, terutama sa-kali-nya, kerana ternakan dan hasil[2] ternakan yang di-bawa masok ka-negeri ini di-pereksa baik[2]. Oleh kerana babi dan ayam bertambah[2] banyak di-keluarkan dalam negeri ini maka kurang-lah banyak-nya binatang[2] itu di-impot dan negeri ini sudah berjaya mengeluarkan daging hampir[2] sama banyak dengan yang di-kehendaki oleh pendudok tempatan.

591. Kerja[2] Pusat Penyelidekan Haiwan untok menyiasat penyakit binatang dan masaelah[2] yang ada kena-mengena dengan-nya maseh berjalan dengan giat-nya. Pengeluaran vaccine[2] untok penyakit[2] ayam, itek dan lembu telah pun bertambah dan chukup bagi memenohi kehendak[2] penternak dan juga untok di-gunakan dalam perkhidmatan suntikan perchuma yang di-jalankan oleh Bahagian ini. Bahagian[2] baharu dalam Pusat Penyelidekan Haiwan itu malang-nya belum dapat berjalan dengan memuaskan oleh kerana kekurangan kakitangan.

592. Penyelidekan ternakan ayam itek yang di-lakukan di-Pusat Penyelidekan dan Ternak Ayam Itek di-Johor Bahru telah pun menghasilkan ma'alumat[2] yang berguna untok meninggikan mutu dan hasil[2] ternakan ayam itek tempatan.

593. Berkenaan dengan penyakit[2] binatang dan ayam itek, perkhidmatan[2] yang di-beri di-beberapa buah Pusat Haiwan dan Pusat Haiwan Kechil yang di-dirikan di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua itu ada-lah berjalan dengan chekap-nya.

594. Kursus[2] latehan bagi pegawai[2] yang sedang berkhidmat ada-lah terus di-jalankan di-Pusat Latehan Haiwan, Kluang. Pelateh[2] dari Sarawak dan Sabah ada-lah juga di-terima untok kursus[2] ini. Dengan siap-nya bangunan baharu yang telah pun di-resmikan pembukaan-nya dalam bulan Ogos, 1966 itu, maka ada-lah kemudahan[2] untok menambahkan pelateh[2] itu. Walau bagaimana pun, kekurangan kakitangan ada-lah satu perkara mustahak yang juga mengganggu kemajuan berthabit dengan hal ini.

595. Latehan[2] bagi attendan[2] haiwan telah pun di-mulakan di-Pusat Latehan Ayer Kroh, Melaka. Ada-lah menjadi dasar perkhidmatan ini hendak memberi latehan kapada semua attendan[2] haiwan dalam negeri ini sa-belum Pusat itu di-gunakan untok melateh ra'ayat. Kerajaan Negeri Johor telah juga menubohkan sa-buah Pusat Latehan untok ra'ayat. Dengan ada-nya sa-buah Pusat Latehan sa-umpama ini maka kurang-lah ramai orang[2] yang hendak di-latehkan di-Ayer Kroh.

596. Sa-buah Pusat Latehan Ternakan Ayam Itek telah siap di-bena di-Cheras dalam tahun lalu dan sekarang ini sedang berjalan dengan baik. Oleh hal yang demikian Perkhidmatan ini telah dapat memindahkan segala kemudahan[2]-nya

di-Port Swettenham ka-Pusat baharu ini. Permintaan[2] masok berlateh dalam Pusat ini sa-makin bertambah dan mungkin mustahak di-timbangkan perkara menubohkan sa-buah lagi Pusat di-sabelah utara Malaysia Barat.

597. Banyak kerja[2] yang telah di-jalankan dalam menggunakan permanian beradas kapada babi[2], terutama-nya di-Melaka dan Pulau Pinang. Dengan yang demikian babi[2] jantan yang di-impot ka-negeri ini dapat-lah di-gunakan dengan lebeh berfaedah. Latehan bagi pegawai[2] di-dalam urusan permanian beradas ada-lah di-jalankan di-Pusat Permanian Beradas di-Seremban. Ada-lah di-harapkan bahawa apabila permanian beradas di-gunakan dengan lebeh banyak lagi kapada babi dan lembu kerbau maka pengeluaran jenis ternakan yang baik itu akan bertambah baik lagi.

598. Sa-bagaimana yang di-sebut terlebeh dahulu, kemudahan[2] telah di-maju-kan lagi dalam beberapa buah Pusat Ternakan Persekutuan terutama-nya di-Pusat Besar Ternakan Haiwan. Di-Pusat Besar ini ada 20 ekor lembu yang telah di-impot dari Australia dan kajian[2] penyelidekan sedang di-jalankan untok mengetahui sama ada lembu[2] ini boleh di-sesuaikan dengan keadaan di-dalam negeri ini. Satu perkara yang penting dalam Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua ia-lah ranchangan pawah yang berbagai[2] jenis itu. Ranchangan[2] itu terus-menerus di-jalankan dengan membahagi[2]kan binatang[2] ternakan mengikut kumpulan. Ranchangan itu telah di-sambut baik oleh penternak[2] yang berkenaan dan kemajuan di-dalam pengeluaran anak[2] binatang ini berjalan dengan memuaskan.

599. Pusat[2] pengeluaran susu di-Batu Arang, Selangor dan Pantai, Negri Sembilan telah siap dan berjalan dengan sempurna semenjak tahun lalu. Susu[2] yang di-keluarkan di-pusat[2] ini telah menjadi kegemaran orang ramai di-Kuala Lumpur dan Negri Sembilan. Ini-lah chontoh susu yang pertama sa-kali di-keluarkan oleh pusat pengeluaran susu anjoran Kerajaan mengikut chara sharikat kerjasama dalam negeri ini.

600. Apabila Ranchangan Malaysia Yang Pertama di-mulakan peruntokan tambahan telah di-beri kapada beberapa buah negeri bagi menjalankan ranchangan[2] yang telah di-luluskan. Dengan tujuan hendak meninggikan lagi darjah pemereksaan daging dalam negeri ini, Bahagian ini dengan bantuan Kerajaan Denmark telah menjalankan satu penyiasatan dalam bulan November 1966 untok mengetahui sama ada ranchangan ini patut di-jalankan atau tiada. Ada-lah di-harapkan bahawa tiada lama lagi kerja[2] bagi membena sa-buah rumah sembeleh yang baharu dapat di-mulakan di-Kuala Lumpur bagi kegunaan seluroh negeri Selangor. Bahagian ini juga berchadang hendak menubohkan satu pejabat yang tegoh dan chekap bagi menggunakan keluaran[2] sambilan dari-pada rumah[2] sembeleh itu.

601. Sa-lain daripada kerja[2] yang tersebut maka kerja[2] menyelenggarakan perkhidmatan kesihatan binatang ternakan dan memajukan lagi perusahaan[2] pengeluaran susu, daging kerbau, lembu, kambing, babi dan ayam itek, memberi pelajaran kapada orang ramai supaya chara[2] memelihara ternakan dapat di-elokkan lagi dan melateh ahli[2] teknik supaya menjadi pakar dalam lapangan pengeluaran binatang ada-lah juga menjadi tugas besar Perkhidmatan Haiwan pada 'am-nya.

KEMAJUAN KERJASAMA

602. Kerajaan telah terus menggalakkan kemajuan dan perkembangan Gerakan Kerjasama dan telah mengakuï-nya sa-bagai satu alat yang sangat baik untok meninggikan lagi taraf ekonomi pendudok[2] di-luar bandar. Ranchangan Malaysia Yang Pertama akan mengukoh, mengembang dan memperhebatkan lagi kegiatan[2] Sharikat Kerjasama dan sa-lain daripada itu akan menjalankan beberapa projek kerjasama yang baharu dengan tujuan hendak memberi kema'amoran kapada pendudok[2] luar bandar.

603. Ranchangan mengukoh dan mengemaskan Gerakan Kerjasama yang di-lancharkan dalam tahun 1963 telah mula mengeluarkan hasil[2]-nya. Sharikat[2] yang tiada bergerak telah pun di-bubarkan dan pegawai[2] dari Bahagian Kemajuan Kerjasama dapat-lah sekarang ini menumpukan masa dan perhatian mereka kapada sharikat[2] yang lebeh berguna.

604. Dalam tahun 1967 Bahagian ini akan menumpukan perhatian-nya kapada kerja mengumpulkan sharikat[2] kerjasama yang kechil[2] itu supaya di-jadikan sharikat[2] kerjasama serba-guna yang besar. Sharikat[2] baharu yang hendak di-tubohkan di-luar bandar akan di-hadkan kapada jenis serba-guna sahaja. Sharikat[2] yang baharu ini akan menjadi sharikat[2] yang lebeh besar dan banyak guna-nya serta boleh mengambil pengurus yang chekap bagi menjaminkan kejayaan sharikat di-dalam perniagaan-nya.

605. Dalam tahun lalu, sharikat[2] kerjasama dalam negeri ini menambahkan lagi wang kumpulan mereka hingga jadi lebeh dari $250 juta. Sharikat[2] ini telah memberi pinjaman wang kapada ahli[2]-nya sebanyak lebeh kurang $80 juta. Dalam kawasan luar bandar pinjaman[2] telah di-beri untok menanam padi, mengilang dan menjual padi, membeli alat[2] pertanian dan perikanan, membeli dan menebus tanah dan membena dan membaiki rumah[2]. Dalam kawasan bandar pula, bantuan[2] telah di-beri kapada ahli[2]-nya untok membeli rumah[2] dan perbelanjaan pelajaran.

606. Puncha utama bagi sharikat[2] kerjasama di-luar bandar mendapat pinjaman[2] wang Kerajaan ia-lah melaluï Kumpulan Wang Pinjaman Kerjasama (The Co-operative Credit Trust Fund) yang mempunyaï jumlah wang sa-banyak $16.6 juta. Sa-hingga akhir tahun 1966 sharikat[2] kerjasama telah menerima sa-banyak lebeh kurang $14 juta melaluï kumpulan wang ini bagi kerja[2] menanam padi, menjual padi, membeli alat[2] menangkap ikan, pengangkutan di-luar bandar, menjual dan memproses kopi, menternak ayam dan itek, membeli kilang[2] ayer batu dan menanam padi sa-chara kerjasama.

607. Sharikat[2] Kerjasama di-kawasan bandar mempunyaï harta lebeh dari $175 juta. Pinjaman[2] yang di-keluarkan oleh Sharikat[2] Jimat Chermat dan Pinjaman dari kumpulan wang mereka kapada ahli[2]-nya dalam tahun 1966 berjumlah lebeh dari $65 juta. Sharikat Insuran Kerjasama Malaysia semenjak di-tubohkan-nya telah mengeluarkan lebeh kurang 48,000 polisi insuran nyawa yang berharga lebeh dari $188 juta. Sharikat[2] Kerjasama Perumahan telah terus maju dan bertambah besar. Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai[2] Kerajaan Malaya, mithalan-nya, telah membena 1,200 buah rumah di-Sungai Way, 900

buah rumah di-Johor dan 400 buah rumah di-Pulau Pinang. Ranchangan[2] sedang juga di-susun untok membena rumah[2] di-Ipoh dan di-Kuantan. Satu lagi kejayaan sharikat[2] di-bandar ia-lah menuboh sa-buah perusahaan penchetakan yang memakan belanja lebeh dari $300,000 bagi Sharikat Penchetakan Kerjasama Tanggongan Berhad (The Co-operative Printing Press Society Limited).

608. Ranchangan Malaysia Yang Pertama 1966-1970 telah membuat satu peruntokan sa-banyak $1.5 juta sa-bagai bantuan terus kapada Bahagian Kemajuan Kerjasama bagi membeli tanah, membena pejabat dan rumah[2] tempat tinggal dan untok menjalankan projek[2] pembangunan di-Sabah, dan menambah sa-banyak $16.5 juta kapada modal pusingan "Co-operative Credit Trust Fund". Tambahan peruntokan kapada "Trust Fund" itu akan di-gunakan bagi projek[2] pinjaman saperti pinjaman padi kuncha, menjual padi, pengangkutan di-luar bandar, membeli alat[2] pertanian dan menangkap ikan, memajukan kilang[2] padi yang kechil[2], modal bagi sharikat[2] kerjasama serba-guna, sharikat kedai kerjasama kampong dan menanam padi sa-chara kerjasama. Oleh yang demikian peruntokan[2] bagi projek[2] tersebut telah di-tambah banyak-nya dari $13.204 juta di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua menjadi $29.704 juta dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

609. Supaya Gerakan Kerjasama dapat di-kukohkan dan di-susun sa-mula, serta juga ranchangan[2] dan projek kerjasama dapat di-jalankan dengan sempurna, usaha[2] telah di-jalankan dengan lebeh giat lagi untok memberi pelajaran kerjasama dan menyediakan kemudahan[2] untok berlateh bagi ahli[2] sharikat kerjasama. Oleh yang demikian dapat-lah mereka memahami dasar dan usaha sharikat[2] kerjasama. Ada-lah menjadi harapan Kerajaan yang gerakan kerjasama dalam negeri ini akan menjadi satu gerakan yang sentiasa bergerak maju dan berguna.

Bahagian Perikanan

610. Ada-lah satu 'alamat baik bahawa dalam tahun 1966, tahun pertama Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama, pengeluaran ikan laut negeri[2] di-Tanah Melayu telah bertambah banyak menjadi 235,927 tan. Pengeluaran ini yang berharga $205,672,000 ada-lah lebeh sa-banyak 18.9 peratus dari pengeluaran dalam tahun 1965. Kejayaan ini amat-lah nyata lebeh[2] lagi apabila di-ingatkan bahawa negeri[2] yang banyak mengeluarkan ikan saperti Pulau Pinang, Perak dan Kedah telah mengalami beberapa gangguan yang besar dalam perusahaan perikanan mereka sa-hari[2] kerana perselisehan faham mengenai pukat[2] tunda. Sunggoh pun keadaan ini telah banyak berubah menjadi baik pada penghujong tahun tetapi Kerajaan kena-lah sentiasa mengawal supaya tiada berlaku kesalahan chara menangkap ikan yang akan menimbulkan sa-mula pertelengkahan antara nelayan[2] tepi pantai dengan nelayan[2] pukat tunda. Walau bagaimana pun di-negeri[2] lain yang ada hanya sadikit sahaja bantahan terhadap teknik baharu menangkap ikan itu, chara pukat tunda itu telah pada 'am-nya di-gunakan.

611. Sa-bagaimana yang di-jangka, sa-makin banyak perahu[2] nelayan sekarang ini di-pasang dengan enjin[2] mototidor diesel. Hal ini boleh-lah di-katakan sa-bagai satu hasil kemajuan yang pesat yang di-chapai dalam usaha menangkap

ikan dengan pukat tunda yang memerlukan kekuatan, tahan lasak dan murah menjalankan-nya. Dalam tahun 1966 ada 12,513 buah perahu nelayan yang berjentera, pada hal dalam tahun 1965 ada 12,282 buah sahaja. Daripada jumlah perahu[2] yang berjentera dalam tahun 1966 itu 3,237 buah di-pasang dengan enjin moto-sangkut dan 9,276 buah di-pasang dengan enjin mototidor.

612. Dalam tahun 1966 dua buah Sekolah Perikanan Laut telah melateh 148 orang pelateh[2] baharu. Pelateh[2] ini ada-lah nelayan[2] dari Sarawak, Sabah dan Negeri[2] Tanah Melayu. Saperti yang telah sudah Sekolah[2] ini memberi latehan dalam jurusan[2] pelayaran, membaiki dan menyelenggara enjin dan teknik perikanan sa-takat pengetahuan teknik yang di-kehendaki oleh tingkatan kemajuan yang telah di-chapai dalam perusahaan itu dan sa-takat taraf pelajaran nelayan[2] itu. Walau bagaimana pun ranchangan[2] telah di-buat untok menubohkan sa-buah Pusat Latehan Perikanan di-Pulau Pinang sama saperti Pusat Latehan Perikanan di-Pusan, Korea. Pusat Latehan ini akan memberi latehan[2] yang lebeh tinggi supaya dapat di-adakan orang[2] yang chekap untok menjadi juragan motobot pukat tunda yang sa-makin banyak dan lain[2] juru teknik untok perikanan di-lautan dalam. Tanah telah pun di-beri oleh Kerajaan Negeri dan persediaan[2] telah di-buat untok mendapatkan bantuan dari luar negeri.

613. Bagitu juga latehan dalam menternak ikan ayertawar telah di-beri kapada 159 orang petani dan penternak ikan di-Pusat[2] Menternak Ikan di-Enggor dan Tapah. Ranchangan[2] telah di-buat untok menubohkan sa-buah pusat latehan lengkap dengan kemudahan[2] asrama di-suatu tempat supaya latehan[2] ini dapat di-jalankan bersunggoh[2] lagi. Sementara itu pengeluaran telor ikan untok di-bahagi[2] kapada petani[2] dan untok di-simpan telah bertambah menjadi 2,616,400 biji. Demikian juga kolam[2] telah bertambah banyak di-buka menjadi 3,502 ekar jumlah luas-nya.

614. Dalam tahun itu satu kejayaan yang sangat besar telah di-chapai dalam perusahaan ikan darat. Pegawai[2] penyelidek yang di-ketuai oleh sa-orang pakar Pertubohan Makanan dan Pertanian telah berjaya membiakkan Ikan Tongsan (Chinese Silver Carp) dengan menggunakan "pituitary hormones". Anak[2] ikan yang di-dapati sa-telah mula[2] di-jalankan perchubaan membiakkan ikan itu sedang hidup sehat di-pusat menternak ikan di-Bukit Tinggi. Beberapa perchubaan lagi akan di-jalankan dalam tahun 1967 bagi membiakkan Ikan Tongsan (Chinese Grass Carp) dan Ikan Tongsan Kepala Besar (Big Head). Anak[2] ikan yang tersebut itu di-impot tiap[2] tahun daripada negeri China kerana hingga baharu[2] ini segala usaha hendak membiakkan-nya tiada berjaya. Dengan kejayaan yang di-chapai ini dapat-lah di-ketahui bagaimana hendak membiak-kan anak[2] ikan itu di-negeri ini. Dengan yang demikian tiada-lah payah lagi di-impot berjuta[2] anak ikan itu pada tiap[2] tahun dan dapat-lah di-jimatkan ber-belanja di-negeri asing.

615. Dari peruntokan sa-banyak $3,543,234 hanya $1,276,128 yang telah di-belanjakan dalam tahun 1966. Oleh kerana tahun 1966 ada-lah tahun pertama Ranchangan Malaysia maka banyak masa telah di-gunakan oleh Bahagian Perikanan untok menyusun butir[2] beberapa projek sa-bagai persediaan

bagi melancharkan-nya. Walau bagaimana pun banyak projek[2] yang kechil termasok satu yang besar ia-itu "aquarium" bagi penyelidekan ikan ayertawar dan ikan laut telah berjalan dengan lichin.

616. Pada 'am-nya tujuan Kerajaan ia-lah hendak membena satu asas bagi memajukan perusahaan perikanan supaya lebeh banyak lagi ikan dapat di-tangkap di-laut. Ada-lah di-anggarkan bahawa 600,000 tan ikan atau tiga kali jumlah yang di-tangkap sekarang ini boleh di-tangkap di-laut dalam sa-tahun. Oleh hal yang demikian Ranchangan Kemajuan Perikanan mengandongi ranchangan pelajaran teknik, mengadakan kemudahan[2] yang besar guna-nya saperti bangunan perikanan di-Kuala Kedah dan Pelabohan Perikanan di-Pulau Pinang; dan menambahkan lagi kemudahan[2] bagi menyelidek, membuat kerja[2] lanjutan dan mentadbir. Berthabit dengan pengetahuan khas dan bantuan kewangan dari luar negeri yang mustahak bagi membuat ranchangan yang lengkap bagi projek[2] jenis ini, Bahagian Perikanan dalam tahun 1966 telah menumpukan usaha-nya menyiasat, merunding dan membuat permintaan bagi mendapat bantuan teknik dan kewangan dari luar negeri.

Bahagian Teknoloji Makanan

617. Bahagian Teknoloji Makanan telah di-tubohkan pada 1hb Julai, 1966. Tugas utama Bahagian ini ia-lah untok menjalankan penyelidekan berkenaan dengan memproses bahan[2] makanan yang berasal daripada tumboh[2]an atau pun haiwan dan dengan yang demikian melengkapkan kerja[2] menyelidek pengeluaran yang di-jalankan oleh Bahagian[2] Pertanian, Perikanan dan Haiwan. Bahagian ini juga akan bertanggong-jawab menyelenggarakan satu projek ia-itu "Food Technology Research and Development Centre" yang di-tubohkan dengan bantuan wang daripada Kumpulan Wang Khas Bangsa[2] Bersatu. Sa-belum Bahagian ini di-tubohkan ada penyelidekan[2] tertentu mengenai bahan[2] makanan yang di-jalankan oleh Bahagian[2] Pertanian, Perikanan dan Haiwan, Walau bagaimana pun apabila Bahagian ini di-tubohkan, maka kerja[2] penyelidekan tersebut tiada di-jalankan lagi oleh Bahagian[2] itu dan pegawai[2] yang membuat kerja[2] dalam Bahagian[2] itu telah pun di-tukarkan ka-Bahagian yang baharu ini.

618. Dalam tahun 1966 Bahagian ini telah menjalankan penyelidekan berkenaan dengan masa'elah memproses dan menyimpan (preserve) buah[2] tempatan dan dengan ada-nya perkakas[2] baharu dan bangunan ma'amal yang baharu di-Serdang maka dapat-lah Bahagian ini menambahkan usaha[2]-nya untok menjalankan penyelidekan berkenaan dengan memproses dan menyimpan ikan, keluaran haiwan dan juga makanan binatang[2] ternakan.

619. Sa-lain daripada menjalankan penyelidekan[2] yang tersebut, Bahagian ini dalam tahun 1966 telah juga mengadakan kursus latehan bagi pendudok[2] luar bandar berkenaan dengan chara yang senang memproses dan menyimpan buah[2]an dan sayor[2]an tempatan. Kursus[2] latehan juga telah di-adakan bagi guru[2] perempuan sekolah dewasa di-seluroh Malaysia Barat bukan sahaja mengenai chara[2] memproses dan menyimpan buah[2]an dan sayor[2]an bahkan juga berkenaan dengan betapa mustahak-nya memakan chukup zat[2] makanan dengan menggunakan makanan yang boleh di-dapati dalam negeri ini dan memasak-nya dengan chara yang lebeh baik.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

620. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan telah di-tubohkan pada 30hb September, 1965 di-bawah Undang[2] Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 (Federal Agricultural Marketing Authority Act, 1965) untok menyelia, menyatu dan memperbaiki sistem pemasaran hasil[2] pertanian. Lembaga ini telah mula bertugas dengan sempurna dalam bulan Januari, 1966.

621. Penyiasatan[2] awal mengenai sistem pemasaran padi dan ikan telah di-jalankan dengan tujuan hendak membuat ranchangan[2] pemasaran yang lengkap bagi padi dan ikan, dua barangan yang di-anggap oleh Lembaga itu mustahak di-timbangkan dahulu. Mengikut penyiasatan itu mustahak-lah ranchangan memperbaiki pemasaran padi itu di-jalankan dengan sa-berapa segera. Oleh yang demikian. Lembaga itu telah melancharkan empat ranchangan memperbaiki pemasaran padi dalam kawasan[2] Tanjong Karang (termasok Sabak Bernam) dalam Negeri Selangor, Krian dalam Negeri Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

622. Dalam tahun 1967, hanya satu ranchangan sahaja ia-itu ranchangan membeli padi yang akan di-jalankan di-daerah Tanjong Karang (termasok Sabak Bernam), Untok Pulau Pinang, Krian dan Perlis, hanya ranchangan[2] melesen pembeli[2] padi sahaja akan di-jalankan. Wang yang di-dapati untok belanja menjalankan ke-empat[2] ranchangan tersebut ia-lah $2.3 juta sa-bagai bantuan daripada Kerajaan dan $9.8 juta sa-bagai pinjaman daripada Kerajaan untok di-gunakan sa-bagai modal membeli padi dan beras. Ranchangan[2] ini akan di-jalankan oleh sa-buah Lembaga Pemasaran Padi dan Beras yang di-tubohkan di-bawah Undang[2] FAMA pada 1hb Februari, 1967.

623. Ada-lah menjadi dasar Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras hendak menjayakan ranchangan membeli padi itu. Walau bagaimana pun, untok permulaan-nya perbelanjaan Perbadanan itu, tidak termasok perbelanjaan bagi ranchangan pemasaran di-Tanjong Karang, akan di-bayarkan daripada wang bantuan Kerajaan. Perbelanjaan untok ranchangan Tanjong Karang akan di-bayar daripada modal perniagaan-nya.

624. Pada awal tahun 1967, Lembaga itu akan juga melancharkan satu Penyiasatan Pemasaran Padi dan Beras Kebangsaan yang dengan-nya semua hal yang berthabit dengan pemasaran padi dan beras akan di-siasat dengan teliti. Ini akan memerlukan penyiasatan[2] berasingan berkenaan penanam[2] padi, pembeli[2] padi, sharikat[2] kerjasama, pengilang[2], pemborong[2] dan penjual[2] runchit dan pengguna[2]. Sa-lain daripada itu penyiasatan[2] akan juga di-buat mengenai gudang[2] beras Kerajaan yang berselerak di-merata negeri ini. Penyiasatan ini di-jangka akan berkehendakkan tidak kurang daripada tujoh penyiasatan[2] yang berasingan di-jalankan.

625. Langkah telah juga di-buat untok menubohkan satu Perkhidmatan Berita Pasaran untok mengumpul dan menyiarkan berita[2] pemasaran. Berita[2] ini akan di-siarkan kapada penanam[2], pembeli[2], pengilang[2] dan orang[2] 'awam, melalui radio, akhbar[2] dan risalah[2]. Berita Pasaran melalui radio mungkin elok di-masokkan dalam "Ranchangan Luar Bandar".

626. Sa-lain daripada itu Lembaga itu juga akan menchari jalan bagi mengadakan ranchangan untok memperbaiki pemasaran kopi, ikan, ternakan dan lada hitam.

BAHAGIAN EKONOMIK

627. Oleh kerana peranchangan sa-makin di-tegaskan dalam usaha memajukan pertanian, maka mustahak-lah di-kumpulkan segala butir[2] supaya boleh di-jadikan asas bagi ranchangan[2] itu. Bahagian Ekonomik dan Perangkaan dalam Kementerian itu telah di-perkukohkan. Satu penyiasatan ekonomi dan kemasharakatan yang lengkap telah di-jalankan dalam kawasan Ranchangan Sungai Muda di-Kedah dan Perlis supaya langkah[2] dapat di-ambil untok menerangkan kapada petani[2] faedah[2] menanam padi dua kali sa-tahun dalam kawasan itu. Penyiasatan[2] sa-umpama itu juga telah di-jalankan di-Selangor dan Melaka dan butir[2] yang di-dapati akan menjadi sangat berguna dalam usaha hendak meninggikan taraf ekonomi penanam[2] padi itu.

The English Translation is as follows:

SPECIAL APPENDIX TO THE ROYAL ADDRESS BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG AT THE OPENING OF PARLIAMENT ON WEDNESDAY, JUNE 14, 1967

The following additional information is issued as a Special Appendix to the Royal Address given by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong at the Opening of Parliament on Wednesday, June 14, 1967

PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

NATIONAL LANGUAGE

Article 152 of the Constitution provides that the Malay Language shall be the National Language but that English may be used in Parliament, in the courts of law and for other official purposes for ten years after Merdeka Day and thereafter unless Parliament otherwise provides. During the last ten years various initiatives have been taken and opportunities created to encourage the general public, Government officers and school children to study and use the National Language as widely as possible and to educate them to think of themselves as Malaysians. Accordingly the National Language Act was passed by Parliament in pursuance of Article 152 at its last Budget Meeting.

2. The Act, which will come into effect on 1st September, 1967, establishes the National Language as the sole official language while guaranteeing the use and study of other languages in this country and allowing the use of the translation of official documents in the language of any other community in Malaysia for such purposes as may be deemed necessary by the Government in the public interest.

3. The Government is also aware of the fact that while non-Malay Government servants and the general public have seriously attempted to study the National Language they may not, as yet, have mastered the language with such proficiency that the use of English for official purposes may be dispensed with altogether. The Act, therefore, allows English to be used for such official purposes as the Yang di-Pertuan Agong may deem fit. English may also be used in Parliament and the Legislature of any State, with the permission of the presiding member, and in the proceedings of the Courts. In respect of Federal and State legislation the Act provides that the authoritative texts shall be in the National Language unless the Yang di-Pertuan Agong otherwise prescribes generally or in respect of any particular law or class of laws.

Translation of the Quran

4. A Board of Translators consisting mainly of lecturers from the Muslim College has been set up to undertake the work of translating the "tafsir" to the Quran. Up to the present time the Board has completed two chapters together with their analysis and one chapter without the analysis.

Masjid Negara

5. Since the official opening of the Masjid Negara on 27th August, 1965, much progress has been achieved. Various activities have been undertaken such as the weekly gatherings for religious discussions and study of the Quran by students from the various States and monthly forums to which Muslim religious experts and people of high academic qualifications are invited to take part.

6. Masjid Negara is constantly visited by local as well as foreign visitors and dignitaries.

7. A library is being established and in this respect the Masjid Negara is grateful to friendly countries including Saudi Arabia, the United Arab Republic, India, Tunisia, Japan, Libya and Indonesia for their book contributions.

Study Tour

8. In its study tour programme the Government has decided to lay more emphasis on visits to South-East Asian countries. Opportunities have been given to Government officers from West Malaysia to make study tours to East Malaysia and vice versa to enable them to have first-hand knowledge of the conditions in either place so that the administrative machinery could be made more efficient.

National Monument

9. The National Monument at Bukit Perwira has become an important landmark and attracted many visitors from within and without Malaysia. Among the distinguished visitors were Dr Adam Malik, the Indonesian Foreign Minister, Dr Zakir Hussain, the then Vice-President of India, Mr Etsusaburo Shiina, Minister for External Affairs of Japan, Mr Lyndon B. Johnson, President of the United States of America and Herr Heinrich Leubke, the President of the Federal Republic of West Germany.

RELATIONS WITH EAST MALAYSIA

10. In a recent survey to ascertain to what extent Federal Departments in East Malaysia had been integrated into the system prevailing in West Malaysia it was found that most of the Federal Ministries had succeeded in doing so. However, certain Ministries encountered difficulties in effecting the integration as well as in implementing the provisions of the Inter-Governmental Committee Report. These difficulties were examined and steps are being taken to overcome them.

11. The proposal to use the West Malaysian time as the standard time for the whole of Malaysia had to be deferred for the time being.

12. Meetings are held from time to time between officials of the Central Government and the State Governments of Sarawak and Sabah to foster and maintain smooth relationship.

DEVELOPMENT ADMINISTRATION

13. Since the establishment of the Development Administration Unit in the middle of 1966 two major surveys are being conducted by the Unit; one is on training facilities for civil servants and the other on the organisation of Federal Ministries and Departments. The main objective of the training survey which is scheduled to be completed by August, 1967 is to prepare a short and long term plan for improving training facilities. The purpose of the second survey is to compile a handbook on governmental organisations of all Ministries and Departments of the Central Government. The compilation of the handbook is scheduled to be completed by June, 1967.

14. A third assignment is the setting up of a Central Staff Record. Work on this assignment is still at its initial stage.

15. In addition, the Development Administration Unit has in its programme of work the following assignments:

(i) Promotion Policy—A study covering all aspects of promotion in the civil service for the purpose of formulating a policy on promotion.

(ii) Diploma Programme in Public Administration—Assistance to the University of Malaya in drawing up a programme of studies leading to the diploma in public administration for Government officers. The course will be conducted by the Faculty of Economics and Administration of the University of Malaya and the Staff Training Centre, Petaling Jaya.

(iii) Transfer of Promotion and Disciplinary Powers from the Public Services Commission to Ministries and Departments—Assistance to the Federation Establishment Office in drawing up regulations governing the transfer.

